

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 42

Rabu

3 Oktober 2012

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2013 (Halaman 27)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 26)

Usul Anggaran Pembangunan 2013 (Halaman 27)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
Rabu, 3 Oktober 2012
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA
[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi binTuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan adakah kementerian bercadang meneruskan inisiatif untuk menghantar angkasawan ke angkasa lepas dan sejauh manakah komitmen kerajaan untuk merealisasikan hasrat melahirkan angkasawan Malaysia pertama yang menjejakkan kaki di bulan.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Datuk Haji Fadillah bin Yusof]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, program angkasawan negara bermula pada tahun 2006 dan penghantaran angkasawan pertama negara telah berjaya dilaksanakan pada tahun 2007.

Ianya tercetus hasil rundingan timbal balas ataupun *offset* dengan izin antara Malaysia dengan Rusia berikutan persetujuan pembelian 18 buah jet pejuang jenis Sukhoi SU-30MKM untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM). Program ini bertujuan untuk membangunkan bidang sains angkasa negara dan meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan bidang ini. Terutamanya kepada generasi muda serta mewujudkan kerjasama dengan negara-negara maju yang terlibat dalam program angkasa.

Pencapaian program ini merupakan suatu yang amat membanggakan negara. Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk meneruskan program angkasawan ini dan memberi keutamaan kepada misi penghantaran angkasawan ke Stesen Angkasa Antarabangsa ataupun *International Space Station* lebih dikenali sebagai ISS untuk tujuan melakukan kajian saintifik.

Oleh yang demikian, kerajaan belum bersedia untuk memberi komitmen menghantar angkasawan Malaysia pertama ke bulan. Ini adalah kerana tumpuan akan diberi kepada program ISS. Tambahan pula, misi penghantaran angkasawan ke bulan akan melibatkan kos yang amat tinggi serta mengambil kira kekangan faktor teknikal dan tawaran kesatuan negara-negara pelancar.

Sungguhpun buat masa ini kerajaan belum bersedia untuk membuat komitmen bagi merealisasikan hasrat melahirkan angkasawan Malaysia pertama yang menjejakkan kaki di bulan, program angkasawan negara masih diteruskan. Ini adalah kerana kerajaan

berpandangan kerjasama dengan negara-negara maju serta pendidikan dan kajian yang dijalankan di bawah program berkenaan akan membuahkan hasil dan manfaat yang diharapkan. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan yang diberikan. Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Dr Sheikh Muszaphar Shukor yang telah menjadi angkasawan negara pertama di angkasa pada 10 Oktober 2010 dan seterusnya yang meletakkan Malaysia antara 39 buah negara elit di dunia yang berstatus peneroka angkasa lepas. Setelah hampir dua tahun belum jelas sama ada kerajaan bercadang ingin meneruskan program ini.

Soalan tambahan saya, apakah impak daripada program angkasawan negara kepada rakyat Malaysia khususnya kepada generasi muda terutamanya tentang kepentingan sains, teknologi dan industri angkasa lepas serta selepas kejayaan Datuk Dr Sheikh Muszaphar ini adakah kerajaan – Kerajaan juga telah mengumumkan untuk menubuhkan tabung khas program angkasawan negara. Jadi setakat ini apakah perkembangan tabung ini supaya dapat terus dimanfaatkan untuk melahirkan lebih ramai angkasawan negara serta apakah hasil kajian ISIS? Sejauh manakah ia dimanfaatkan kepada rakyat Malaysia dan juga manusia sejagat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Sabak Bernam. Soalan yang banyak merangkumi berkaitan dengan impak dan perancangan masa depan kita berkaitan dengan program ini.

Sebagaimana yang dikatakan tadi keputusan kerajaan memang untuk meneruskan program ini. Akan tetapi ianya tertakluk kepada beberapa perkara. Pertamanya kita mesti melihat kandungan dan jangka masa misi program. Kedua, sama ada kerjasama dari segi pelaksanaan program ini termasuk dengan negara-negara lain, tempoh pelaksanaan, kos, misi yang terlibat, peluang bagi mendapatkan giliran pelancaran dan disediakan oleh kesatuan negara-negara pelancar.

Oleh sebab kalau kita hendak melancarkan program ini, kita mesti ada negara pelancar yang sanggup menghantar ke atas. Kita belum lagi menjadi sebuah negara pelancar. Oleh sebab itu, kita mesti bekerjasama dengan negara lain.

Juga bergantung dengan faktor kedudukan ekonomi negara kita. Oleh sebab itu saya kira dalam jawapan kita tadi, kita melihat bahawa program ini, kita mesti melihat dengan adanya program yang pertama itu kita telah hubungkan jalinan dengan negara antarabangsa yang terlibat dalam program angkasawan. Contohnya Amerika, UK dan juga Jepun.

Hasil daripada program inilah maka kita telah pun dapat menjalankan program kerjasama dengan pelbagai negara. Khususnya negara Jepun misalnya. Dengan negara Jepun kita telah dapat menjalankan program penghabluran protein di ISS. Ini merupakan R&D untuk

kita mengkaji di mana semenjak tahun 2009 hingga tahun 2012 kita telah berjaya melancarkan 24 sampel *enzyme protein* yang digunakan untuk industri penyucian ataupun penghasilan pencuci industri, *industrial detergent*. Di mana kita menggunakan pelancar H2A milik Jepun. Ini bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia, Osaka University dan Hyogo University di Jepun.

■1010

Kita juga telah menjalankan program Malaysian Space Seeds pada tahun 2011 juga dengan *Japanese Aerospace Exploration Agency* (JAXA) di mana MARDI telah menyediakan benih padi dan dihantar selama empat bulan ke angkasa lepas. Selepas empat bulan dibawa turun dan setelah itu diagihkan 50 gram untuk MARDI jalankan penyelidikan dalaman. 50 gram lagi diagihkan di sekolah-sekolah untuk melihat hasil daripada penyelidikan tersebut setakat mana benih-benih itu boleh bertindak balas. Bukan padi, pokok cili tempatan sebenarnya, minta maaf.

Kita ada juga program *Parabolic Flight* yang telah dijalankan semenjak 2008 hingga 2012. Ini dijalankan bersama dengan universiti tempatan dan juga bekerjasama dengan Jepun di mana sejumlah beberapa buah universiti telah terpilih untuk mengikuti program-program tersebut. Sebenarnya banyak lagi dan hasil daripada program yang pertama itu Yang Berhormat, nanti boleh edarkan. Kita ada sains mikroviti, tahun lepas kita dah buat di Parlimen. Hasil daripada program angkasawan yang pertama di mana hasil kajian yang telah dibuat telah mendapatkan hasil. Kita dah bentangkan di Parlimen ini sebenarnya dengan program-program yang kita anjurkan. Bagaimana penyelidikan itu berkembang ke tahap yang mana, sehinggalah ada satu produk yang kita lihat akan ada potensi untuk dibawa ke pasaran. Dengan erti kata lain, kita kena melihat program ini menyumbang kepada, satu dari segi percambahan ilmu pengetahuan. Kedua, dalam sudut ekonomi dan ketiga, daripada segi kesejahteraan rakyat.

Di mana ketiga-tiganya *knowledge generation* ini nanti, hasil *research and development* ianya akan dapat memberi impak ekonomi dan juga ilmu pengetahuan untuk kita menyiapkan keupayaan rakyat kita dalam bidang sains angkasa. Ini amat penting sebab masa depan salah satu cabaran ialah bagaimana kita hendak mempertahankan negara kita melalui teknologi angkasa yang makin giat berkembang. Masa depan juga akan melihat kepada setakat mana negara dapat menerokai, menguasai bidang sains angkasa. Itu matlamat kita dan program ini berjalan secara berterusan melibatkan bukan sahaja di peringkat universiti tetapi juga kesedaran di peringkat akar umbi.

Berkaitan dengan Tabung Angkasawan Negara Yang Berhormat, ianya sudah ditubuhkan dan program ini sebenarnya lebih dijalankan untuk menjalankan program-program kesedaran. Sebab itu program kalau kita melihat program angkasawan sama ada yang pertama atau kedua, di mana kita menjalankan program di seluruh negara. Pelbagai program

sama ada ceramah untuk memberi kesedaran kepada anak-anak muda supaya mereka akan meminati untuk mengambil bidang ataupun jurusan Sains Angkasa ini sebagai salah satu subjek keutamaan mereka apabila masuk ke universiti nanti. Fokus kita ialah di peringkat masyarakat dan juga di peringkat sekolah-sekolah menengah dan rendah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi binTuanku Jaafar]: Ya, terima kasih Yang Berhormat. Saya dengar kajian padi hendak ditanam di bulan tadi, saya berharap kajian padi klon yang sesuai untuk Batang Lular itu lebih baik lagi.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua tadi memberikan satu isyarat yang jelas tentang prioriti, keutamaan daripada kajian itu. Tidak mengapalah. Oleh kerana perkara itu telah pun dilaksanakan. Cuma saya hendak dapat detil kalau boleh pada pagi ini. Apakah kajian-kajian yang dibawa bersama oleh Datuk Dr. Sheikh Muszaphar ke angkasa lepas yang saya rasa dalam masa yang begitu singkat, adakah kajian-kajian itu telah dapat disempurnakan. Apakah bidang keberhasilan yang dapat dilangsungkan pada hari ini yang besar kesannya terhadap inovasi dalam bidang ini? Saya juga minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua, berapakah kos sebenarnya daripada mula kita melatih angkasawan kita sampai turun balik ke bumi. Berapakah kos sebenarnya yang ditanggung oleh pihak kerajaan? Terima kasih.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Seperti mana yang saya katakan tadi Yang Berhormat, laporan berkaitan dengan kajian yang pertama untuk program angkasawan pertama telah kita *compilekan*. Nanti saya boleh edarkan kepada Yang Berhormat. Malahan tahun lepas kita telah pun buat di Parlimen, menjemput semua Ahli Yang Berhormat untuk bersama dengan semua *researchers*, untuk mereka bentangkan segala *research findings* mereka dan memberi *updates* ataupun maklumat terkini kepada semua Ahli Parlimen. Cuma, mungkin yang saya katakan tadi ada satu yang sudah pun boleh untuk pergi ke peringkat yang ada potensi untuk *spin-off*, untuk dikomersialkan ialah *portable sterilizer* dan *laminar food sterilizer*. Maknanya, dahulu kita mempunyai permasalahan kalau kita hendak buat kajian berkaitan dengan bahan-bahan biologi, sama ada dalam bentuk bakteria dan sebagainya. Untuk perjalanan jauh kita mempunyai masalah untuk membawa, perlu dibawa dengan pematuhan kepada standard tertentu.

Dengan apa yang mereka bangunkan ini, maka mereka boleh membawa untuk perjalanan jarak jauh, ada *portable sterilizer* yang mereka boleh bawa. Ini salah satu yang telah kita cipta dan ada potensi untuk pergi ke *market*, yang lain-lain itu mungkin saya boleh edarkan. Kalau hendak memperincikan mungkin panjang sebab kita hendak menjimatkan waktu Parlimen. Begitu juga dengan peruntukan yang saya katakan tadi. Ini adalah *offset program*, maka *offset program* itu telah dinyatakan dan dah dilaporkan. Saya tidak berhasrat untuk mengulangi apa yang telah kita jawab beberapa kali di Parlimen pada sesi yang lepas. Kita

boleh rujuk kepada *Hansard* dari segi perbelanjaan yang telah kita belanjakan daripada *offset program*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, izinkan untuk saya tidak mengulangi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi binTuanku Jaafar]: Tidak payah Yang Berhormat.

Datuk Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih banyak. Berkaitan dengan yang tadi, bukannya padi Tuan Yang di-Pertua, cuma cili. Akan tetapi amat penting untuk kita bawa sebab hasil kajian di sanalah untuk dibawa ke bumi nanti untuk memastikan bahawa bila kita tanam hasil-hasil yang telah dibuat kajian di sana, yang lebih berkesan maka ianya akan lebih *resistant* dari segi *disease resistant* dan sebagainya. Itu sebenarnya hubung kait kajian di angkasa bila dibawa ke bumi, kesannya kepada hasilan di bumi nanti yang *insya-Allah*, hasil tersebut, MARDI akan dapat menyebarkan kepada petani-petani kita untuk dapat hasilan yang lebih baik lagi. Itu harapan kita Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi binTuanku Jaafar]: Saya saja-saja Yang Berhormat, saya tahu pagi-pagi ini.

2. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, apakah penyelesaian tindakan undang-undang oleh Sentul Raya Sdn. Bhd. terhadap penduduk-penduduk Kampung Railway, Sentul di mana projek ini di bawah JPM.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Batu, Sentul Raya Sendirian Berhad (SRSB) merupakan pemaju yang akan membangunkan Lot 208 yang mana Ahli Yang Berhormat sebutkan sebagai Kampung Railway Sentul tersebut. Lot 208 merupakan tanah milik SRSB yang akan dibangunkan untuk pembangunan bercampur termasuk pembinaan sebanyak 150 unit rumah kos rendah untuk penduduk Kampung Sentul Raya. Memandangkan Lot 208 merupakan tanah milik swasta, maka pada dasarnya pihak Sentul Raya Sdn. Bhd. (SRSB) adalah bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah setinggan Kampung Railway Sentul.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur akan membantu mengikut bidang kuasa yang ditetapkan sahaja. Dalam masa yang sama, sebagai kementerian yang prihatin dan bertanggungjawab dengan permasalahan rakyat terutamanya di Wilayah Persekutuan, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar turut terlibat dalam membantu menyelesaikan permasalahan ini. Dari segi perundangan pula difahamkan bahawa pihak Sentul Raya Sdn. Bhd. telah mengambil tindakan mahkamah untuk mengosongkan tapak daripada pihak setinggan di mana tarikh penentuan akhir bagi mendapatkan keputusan mahkamah adalah 4 Oktober 2012.

Justeru itu, pada 26 September 2012 yang lalu, saya telah mengadakan perbincangan bersama dengan pihak Sentul Raya Sdn. Bhd. dan juga para penduduk Kampung Railway.

Susulan daripada perbincangan tersebut, pihak pemaju iaitu Sentul Raya Sdn. Bhd. telah menyatakan komitmen mereka untuk membawa perkara ini ke pihak atasan mereka bagi menyelesaikan permasalahan ini dengan cara yang terbaik. Sekian, terima kasih.

■1020

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin dapat penjelasan sedikit, sebenarnya tanah Lot 208, Kampung Railway ini pada mulanya bukan milik swasta, ia milik KTM dan setelah diswastakan, ada perjanjian di antara KTM dengan penduduk dan pelbagai Menteri yang sebelum ini untuk memberi mereka rumah kos rendah. Setakat ini kalau kementerian mengambil sikap bahawa ini terpulang kepada swasta dan penghuni di kawasan itu, adalah seolah-olah tidak mengiktiraf perjanjian sebelum ini. Sehubungan ini, saya juga ingin tahu sebenarnya pada 9 Mac 2012, satu perjanjian perumahan kos rendah telah ditandatangani di antara Sentul Raya dengan DBKL, adakah perjanjian ini meliputi semua hak-hak pengundi di sana dan mereka dijanjikan rumah? Akhir sekali, 26 September, mesyuarat yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri telah memberi jaminan bahawa surat tawaran akan dikeluarkan. Saya ingin tahu bilakah surat ini akan dikeluarkan kepada penduduk-penduduk?

Datuk Saravanan a/l Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya perlu sentuh sikit sejarah Kampung Railway ini supaya Dewan ini tidak dikelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Jangan panjang sangat ya Yang Berhormat.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Kebetulannya tanah Sentul Raya Sendirian Berhad ataupun tanah Kampung Sentul Raya telah tandatangani satu perjanjian penswastan di antara kerajaan dengan pihak Taiping Consolidated pada tahun 1993 dan tiada sebarang perjanjian di antara penduduk, pihak Sentul Raya ataupun Taiping Consolidated telah ditandatangani pada masa itu. Walau bagaimanapun, projek ini telah diambil alih oleh pihak YTL pada tahun 2001 dan setelah pihak YTL mengambil alih projek ini, pelbagai demonstrasi telah diadakan oleh pihak penduduk menuntut hak mereka. Maka sebagai kerajaan yang prihatin dan sensitif kepada permintaan rakyat, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar atas arahan Yang Berhormat Menteri telah mengadakan pelbagai perbincangan dengan pihak Sentul Raya Sendirian Berhad. Akhirnya pada 12 Mei 2010, pihak YTL telah bersetuju untuk membina rumah sebagai CSR mereka kepada penduduk setinggan yang spesifikasi rumah adalah bilangan 150 unit, saiz rumah 678 kaki persegi dengan 51 petak tempat letak kereta dan keluasan pembangunan kos perumahan nilainya adalah dalam 1.22 ekar.

Tempat letak kereta yang bertingkat 4%, dan merangkumi kawasan lapang sebanyak 21.3%. Apabila pihak YTL telah bersetuju untuk membina rumah kos rendah, harga jualan adalah RM90,000 dan harga pasaran semasa adalah RM200,000. Walau bagaimanapun atas permintaan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, pihak YTL telah

bersetuju untuk menawarkan rumah tersebut dengan nilai RM45.000 sahaja untuk penduduk. Apabila kerajaan telah mengumumkan bahawa YTL telah bersetuju untuk membina rumah kos rendah, kita telah menerima permintaan daripada Persatuan Bertindak Penduduk Kampung Railway, tuntutan mereka untuk 174 unit yang menyatakan mereka adalah penduduk setinggan di Kampung Railway.

Pada masa itu, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjalankan bancian dan didapati cuma 53 keluarga sahaja yang berada di sana dan 57 lagi dalam siasatan kerana adalah terdiri daripada warga asing. Kali kedua, YTL telah mengadakan bancian seterusnya dan terdapat 26 keluarga sahaja yang mendiami di sana. Kali ketiga, saya bersama-sama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengadakan bancian dan terdapat 64 keluarga sahaja yang mendiami di kawasan itu, maka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengeluarkan Pelan Pembangunan pada 16 Ogos 2011 untuk menjalankan pembangunan rumah kos rendah untuk penduduk setinggan Kampung Railway tetapi penduduk Kampung Railway enggan mengosongkan tapak supaya tidak memberi laluan untuk pembangunan tersebut. Ada juga baru-baru ini kita terima surat daripada Jawatankuasa Bertindak Kampung Railway yang baru ditubuhkan memohon Dewan Bandaraya Kuala Lumpur supaya kawasan ini diwartakan sebagai Kampung Railway Sentul.

Maka saya dengan tegas ingin menyatakan dalam Dewan yang mulia ini, memandangkan kekurangan tanah di Kuala Lumpur maka Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak akan mewartakan mana-mana kawasan setinggan sebagai kawasan warisan ataupun kampung warisan dan YTL akan membina sekiranya pihak pemaju memberi laluan untuk membangunkan kawasan itu. Walau bagaimanapun, keputusan akan diketahui pada hari esok di mahkamah dan YTL telah berjanji bahawa mereka akan mengeluarkan surat tawaran atau surat akujanji kepada penduduk setinggan pada masa yang terdekat setelah kita mengetahui keputusan mahkamah esok.

3. Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah peminjam AIM sehingga kini dan apakah keupayaan mereka untuk bersaing di pasaran; dan
- (b) apakah usaha AIM untuk meningkatkan capaian AIM di kawasan pedalaman khususnya di Sabah.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) yang ditubuhkan pada 17 September 1987, sejumlah RM7.532 bilion pembiayaan telah disalurkan kepada 320,897 sahabat AIM di seluruh Malaysia. Sehingga kini AIM mempunyai 123 buah cawangan yang telah beroperasi di 13 buah negeri seluruh Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pendekatan AIM membangunkan golongan sasaran melalui proses *empowerment* agar mereka boleh bersaing dalam arus pembangunan negara. Falsafah pembiayaan AIM adalah menggalakkan sahabat atau peminjam berdikari dan berusaha dengan gigih untuk berjaya. Semangat dan budaya ini penting bagi membolehkan mereka bersaing dan terlibat secara aktif dalam aktiviti ekonomi, pendekatan ini diterapkan melalui falsafah pembiayaan dan bayaran balik secara mingguan iaitu sahabat perlu bersungguh-sungguh untuk memastikan projek yang dilaksanakan berjaya agar mereka dapat membayar balik pinjaman secara mingguan.

Selain itu, AIM menerapkan elemen disiplin dalam pengurusan kewangan dan projek dan menggalakkan sahabat melaksanakan projek yang boleh menghasilkan pulangan jangka pendek dan cepat. AIM juga mendorong mereka menyelesaikan masalah projek dengan segera jika berlaku dan menggalakkan tabungan bagi lebihan pendapatan untuk persiapan jika berlaku kesesakan. AIM berjaya mencapai misi dan matlamat terutamanya dalam mengeluarkan isi rumah miskin keluar daripada paras garis kemiskinan semasa. Berdasarkan kajian impak terkini oleh Universiti Utara Malaysia, mendapati purata pendapatan sahabat setelah menyertai AIM meningkat kepada RM2,675 sebulan daripada RM515 sebulan sebelum ini. Usaha AIM meningkatkan jangkauan golongan sasaran di Sabah adalah dengan membuka lebih banyak cawangan operasi berbanding di negeri-negeri lain. Sehingga Ogos 2012, negeri Sabah mencatatkan bilangan cawangan tertinggi iaitu sebanyak 22 buah cawangan berbanding dengan negeri-negeri lain di seluruh Malaysia.

Antara daerah yang mempunyai cawangan AIM di Sabah adalah Beaufort, Kota Belud, Kota Marudu, Tuaran, Papar, Keningau, Tenom, Pintas, Matunggong, Tambunan, Sipitang, Sandakan, Lahad Datu, Tawau ada dua buah cawangan, Semporna, Ranau, Kinabatangan, Kunak, Tongod dan Beluran. Secara tidak langsung sahabat AIM di negeri Sabah mencatatkan bilangan yang tertinggi di Malaysia iaitu seramai 59,072 orang sahabat. Sekian.

■ 1030

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. *Alhamdulillah*, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Amanah Ikhtiar yang telah mengambil inisiatif untuk membantu terutamanya usahawan-usahawan di kalangan wanita apatah lagi kita melihat jumlah cawangan AIM yang terbanyak di Malaysia ini adalah di negeri Sabah.

Ini membuktikan bahawa kita memang tidak boleh memandang ringan faktor kemiskinan ini merupakan suatu perkara yang serius yang perlu diambil perhatian oleh semua pihak terutamanya pihak yang berwajib dan Kementerian Kewangan. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin mengetahui sebab kita dapati di samping Amanah Ikhtiar telah berupaya berjaya membantu usahawan kecil terutamanya di kawasan luar bandar dan golongan wanita tetapi pada masa yang sama juga dalam kelompok kumpulan yang membuat

pinjaman ini mereka terdiri daripada kalangan sahabat dan ada di kalangan sahabat yang dalam kelompok itu hanya beberapa orang sahaja yang berupaya untuk mengadakan perusahaan yang dapat memperoleh hasil yang baik dan ada di kalangan mereka itu juga yang gagal sehingga perniagaan dalam satu hari pun belum tentu ada hasil yang mereka peroleh.

Jadi, apakah inisiatif kementerian untuk membolehkan sebab kita tahu untuk membayar hutang ini Tuan Yang di-Pertua adalah tanggungjawab individu tetapi dalam kes Amanah Ikhtiar ini dia bertanggungjawab dalam kumpulan sahabat itu. Jadi, apakah mekanisme yang telah dibuat oleh Kementerian Kewangan dalam perkara ini untuk memastikan bahawa sahabat yang lain itu tidak dipertanggungjawabkan untuk menanggung beban yang tidak dibayar oleh kumpulan yang mereka?

Selain daripada itu juga, saya ingin penjelasan daripada kementerian setakat ini jumlah pinjaman yang diperoleh di kawasan saya di Parlimen Silam terutamanya DUN Lahad Datu, Tongod dan Kunak, bilangan dia setakat manakah kemudahan-kemudahan lain di masa akan datang untuk usahawan-usahawan yang mendapat pinjaman daripada Amanah Ikhtiar ini dapat diteruskan supaya mereka ini dapat meneruskan bidang perniagaan mereka? Adakah inisiatif kementerian bagi sahabat yang membayar pinjaman balik dengan kadar yang cepat untuk memberikan mereka ini inisiatif dengan kadar pinjaman yang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: ...Mudah diluluskan secara langsung kepada pemohon. Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Silam. Untuk makluman Yang Berhormat seperti Yang Berhormat sedia maklum, Skim Pembiayaan Ikhtiar atau untuk AIM ini atau Amanah Ikhtiar Malaysia iaitu syarat-syarat pembiayaan ialah pembiayaan tanpa cagaran dan penjamin dan juga bersetuju membentuk kumpulan lima orang ahli dan menjalani latihan atas pembiayaan selama lima hari.

Itu isu-isu Yang Berhormat bangkit ada sahabat yang tidak bekerja kuat dan bersungguh-sungguh menyebabkan sahabat yang main mesti menanggung kerugian iaitu isu ini kita akan bincang dan kalau Yang Berhormat ada cadangan yang baik kita memang hendak betulkan atau kita memang hendak buat *event* kalau *necessary*. Itu saya harap Yang Berhormat boleh keluarkan cadangan supaya kita boleh tengok macam mana kita boleh hadapi masalah ada yang tidak bertanggungjawab.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya daripada jumlah RM7.53 bilion telah diperuntukkan dan diagih kepada skim ini, saya hendak tahu berapakah peratusan yang diklasifikasikan sebagai MPL yang tidak berupaya untuk dipungut dan sebagainya untuk tempoh beberapa tahun?

Lanjutan daripada itu saya hendak tahu secara ringkas, Amanah Ikhtiar ini telah dilancarkan semenjak tahun 1987 dan agak lama. Apakah kejayaan rancangan AIM ini dan saya nampak dalam Belanjawan 2012 yang lalu ada satu peruntukan baru di bawah AIM juga tetapi menekankan kepada inovasi. Adakah ini perkara yang sama sebab jumlah tambahannya lebih kurang 49 juta? Adakah ini merujuk kepada perkara yang sama, Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya sudah lupa. Ini kawan baik saya. Soalan pertama untuk Yang Berhormat MPL ialah 0.5%, kedua soalan AIM itu adalah Agensi Inovasi Malaysia. Itu beza dari yang ini. Itu sahaja.

4. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sama ada kementerian mempunyai rancangan dalam masa terdekat untuk mengurangkan kadar jenayah selain daripada jenis-jenis jenayah yang dinyatakan dalam NKRA GTP1 (*Government Transformation Plan 1*)

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat Sepang pada 31 Oktober kerana kedua-duanya ada kaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, usaha mengurangkan kadar jenayah merupakan salah satu daripada agenda utama kerajaan dan ia akan pasti diteruskan bagi memastikan bahawa keselamatan, keamanan, dan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin. Sungguhpun kadar jenayah jalanan dan jenayah indeks sejak tahun 2009 telah dapat dikurangkan namun kerajaan belum berpuas hati dengan kadar penurunan ini dan akan terus berusaha dengan gigih lagi sehingga rakyat sendiri berasa selamat dan yakin bahawa negara ini benar-benar selamat.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa trend jenayah sentiasa berubah. Justeru itu pelbagai penambahbaikan sedang dan akan dibuat. Ini jelas dapat dilihat apabila kerajaan menambahkan peruntukkan bagi menangani masalah jenayah di dalam Bajet 2013 kepada hampir RM600 juta. Sebagai contoh, jenayah yang berlaku di kawasan perumahan kini ditangani melalui memperluaskan *omnipresence*, dengan izin. *Community policing*, dan dengan izin, *empowering residents associations*.

Melalui Bajet 2013, peruntukan telah dibuat untuk menambahkan 1,000 unit motosikal untuk PDRM. Menambah 10,000 anggota *police volunteer reserve* (PBR), menambah

pengambilan anggota PDRM, dan peruntukan geran 10,000 kepada setiap *residents associations* yang berdaftar. Kerajaan juga telah membantu pemilik-pemilik pasar raya dan gedung membeli belah dengan memberi inisiatif cukai kepada mereka untuk menambah ciri-ciri keselamatan seperti pemasangan kamera litar tertutup atau CCTV, cermin keselamatan, penambahan lampu-lampu, dan sebagainya.

Bagi meningkatkan tahap keselamatan di sekolah-sekolah, kerajaan telah memperkenalkan Program *Blue in Green* yang bertujuan untuk meningkatkan pengawasan pihak berkuasa di kawasan-kawasan sekolah dan usaha ini dilibatkan juga pihak-pihak berkepentingan di sekolah termasuklah guru dan ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Bajet 2013 ini disalurkan secara langsung sepenuhnya untuk inisiatif-inisiatif membanteras jenayah. Ini menunjukkan komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk menjadikan negara ini lebih selamat. Kerajaan juga sedar dalam GTP1, inisiatif-inisiatif lebih bertujuan untuk mengurangkan kadar jenayah dengan idea-idea di luar kotak. Dalam hal tuju mengorak langkah ke hadapan kerajaan sedar kesan positif inisiatif-inisiatif ini akan berkekalan apabila kemahiran teknikal insaniah anggota-anggota PDRM dimantapkan lagi.

■1040

Justeru itu, GTP dua akan juga mengambil kira langkah-langkah untuk mempertingkatkan keperluan kemahiran ini. Kesimpulannya inisiatif mengurangkan jenayah merupakan satu inisiatif yang berterusan dan kerajaan akan sentiasa menyemak, memantau dan juga menyesuaikan pendekatan-pendekatan kita mengikut tempat, mengikut masa dan tuntutan semasa rakyat demi menjaga keselamatan, kesejahteraan dan keamanan semua pihak. Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Memang apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri ini adalah memang baik dan satu gambaran yang baik. Akan tetapi persepsi rakyat sekarang ini selama ini masih tidak ada keyakinan terhadap tindakan-tindakan yang telah diambil ataupun langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian. Bagaimanakah kementerian hendak buat sekarang ini hendak mengatasi masalah ini. Masalah *confident, to instill confident* dengan izin, kepada rakyat jelata mengenai dengan soal keselamatan ini. Seperti di Singapura mereka merasai selamat, sentiasa ada keselamatan walaupun kerajaan tidak perlu di Singapura hendak uar-uarkan dalam surat khabar ataupun di Parlimen. Ini adalah satu masalah juga. Persepsi.

Kedua, hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bilakah rondaan-rondaan polis ini akan dilancarkan atau dimulakan di semua kawasan kediaman khasnya di Taman Melati. Mereka meminta saya bertanya di sini sama ada di Wangsa Maju. Bilakah pihak polis hendak memulakan rondaan di Taman Melati. Sama ada Yang Berhormat Menteri sudi bersama-sama

kita lancarkan di Taman Melati di Wilayah Persekutuan dalam masa yang terdekat. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya menjawab soalan kedua akan juga menjawab soalan pertama berhubung kait dengan persepsi. Kalau sekiranya di bawah fasa pertama GTP dan juga NKRA jenayah kita, tumpuan ialah kepada jenayah-jenayah jalanan. Harapan Yang Berhormat untuk kita sekarang turun ke taman-taman perumahan dan saya beri jaminan bahawa saya juga sanggup dan telah pun turun ke beberapa taman perumahan.

Di mana kita sedar di peringkat Kementerian Dalam Negeri dan juga peringkat kerajaan ada taman-taman tertentu di mana persepsi atau memang benar rasa kebimbangan keselamatan di kawasan-kawasan berkenaan perlu ditangani. Akan tetapi perubahan pendekatan kita daripada GTP pertama iaitu untuk menumpukan kepada jenayah jalanan. Jelas di bawah belanjawan kali ini kita beri tumpuan kepada tuntutan-tuntutan semasa rakyat termasuklah di kawasan-kawasan taman perumahan. Contohnya bila kita tambah satu ribu unit motosikal itu dengan mewujudkan satu unit khusus dari segi *omnipresent* polis kita di taman-taman perumahan.

Keduanya untuk mengupayakan persatuan-persatuan penduduk di kawasan-kawasan taman perumahan tadi dengan geran yang akan dikeluarkan. Ini juga melibatkan masyarakat setempat dan pendekatan baru di bawah GTP II, dan disesuaikan dengan mungkin persepsi yang wujud hari kerana perkara-perkara tertentu, tetapi tidak ada kaitan langsung dengan apa yang kita lakukan tiga tahun sebelum ini.

Di mana tumpuannya ialah kepada jenayah-jenayah jalanan di mana indeks menunjukkan bahawa itu berlaku. Akan tetapi saya mengakui seperti dalam jawapan saya awal, sasaran sentiasa berubah berhubung kait dengan tuntutan dan persepsi rakyat berhubung kait dengan keselamatan setiap masa. Itu menuntut kita di dalam KDN dan pihak-pihak berkepentingan untuk menyesuaikan pendekatan kita yang sesuai untuk menangani kebimbangan dan persepsi yang diminta pada soalan pertama tadi. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bila kita bercakap pasal keselamatan, kita nampak zaman-zaman dahulu Tuan Yang di-Pertua, di bandar-bandar kita nampak ramai polis *on bit duty*, dipanggil. Jalan sana, jalan sini tetapi sekarang kita tidak nampak. Jadi apabila keluarga mahu turun ke bandar mereka nampak tidak selamat kerana tidak nampak polis.

Kalau setakat rondaan sahaja, saya fikir *confidence* daripada rakyat memang tidak ada. Jadi saya cadangkan dengan peruntukan yang ada, dengan tambahan anggota yang dibagi dalam bajet maka saya fikir cara dahulu kita kembalikan. Di mana orang-orang yang datang daripada luar bandar ke dalam bandar mereka nampak selamat kerana mereka nampak polis.

Kalau sekarang di bandar Tawau, di Kota Kinabalu, Sandakan bandar-bandar besar tidak nampak polis...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Menyampuk]*

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Jadi persoalannya Tuan Yang di-Pertua di daerah-daerah besar ini persoalannya dulu tidak ada kelengkapan, tidak ada anggota. Jadi saya mahu bertanya kepada Menteri dengan ada peruntukan yang besar dibagi dengan motosikal dengan mungkin kenderaan pun dibagi maka kita mahu tahu dapatkah kementerian mengagihkan peruntukan yang lebih kepada membeli kenderaan supaya boleh dapat digunakan di luar-luar bandar ini. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua sememangnya boleh dan saya setuju dengan saranan Yang Berhormat Kalabakan. Ini kerana kita tengok pendekatan belanjawan kali ini buat pertama kali sejak tahun 1969, di sebut secara khusus penambahan ahli anggota warga PDRM. Disebut secara khusus skim perlindungan insurans bagi PDRM. Disebut secara khusus penambahbaikan atau kajian penambahbaikan laluan kerjaya warga PDRM.

Ini merupakan sejarah untuk kita memperkasakan PDRM, menambahkan ahli anggotanya supaya mereka boleh turun membuat *omnipresent* dan *to be on the bit*, dengan izin. Dengan penambahbaikan laluan kerjaya, dengan perlindungan insurans dan juga jumlah yang khusus RM158.2 juta tambahan untuk ahli-ahli anggota kita dengan pendekatan yang di luar kotak, bekerjasama dengan ATM contoh dengan menggunakan kem-kem ATM untuk latihan. *Insyah-Allah*, harapan Yang Berhormat itu kita tambah mereka di bawah sana akan menjadi kenyataan.

Akan tetapi pada masa yang sama di bawah GTP pertama peruntukannya tidak ada maka kita terpaksa lakukan perkara yang di luar kotak. Lautan Biru (*Blue Ocean*) pendekatan di mana RELA digerakkan juga. JPAM digerakkan juga. Ini *stopgap measure* supaya peruntukan seperti apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dapat kita *online* supaya tahun depan *insyah-Allah* kita berada di atas landasan baik untuk melihat kepada pendekatan jangka masa sederhana dan jangka masa panjang.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua pohon satu soalan tambahan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh soalan tambahan?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua saya pohon ya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Ketawa]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Isu mat rempit ya diambil untuk pohon Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya faham Yang Berhormat. Saya pun rasa soalan ini amat penting Yang Berhormat. Akan tetapi kalau saya lihat dapat tidak kita *achieve* dalam Dewan ini, tapi itu tidak boleh menjadi Yang Berhormat kalau dapat Menteri mungkin boleh taklimat kepada Menteri – Ahli-ahli Parlimenlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya punya soalan ini tidak sampai lima *second*. Lima *second*.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya soalan ringkas sahaja terus sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat, lain kali Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Memang saya pun terima kasih juga.

5. **Datuk Matulidi bin Jusoh [Dungun]** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, sejauh manakah kejayaan Program Francais Mudah alih yang diperkenalkan oleh Perbadanan Nasional Bh. (PNS) khususnya usahawan bumiputera.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mewujudkan satu program di bawah pembangunan francais yang dinamakan “Program Francais Mikro”. Program Francais Mikro ini merupakan satu program yang menyasarkan semua golongan di negara terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana dengan jumlah pembiayaan tidak melebihi RM50,000.

Program Francais Mikro yang lebih berkonsepkan perniagaan secara mudah alih sama ada dalam bentuk kios, *push cart* atau kenderaan bergerak ini merupakan salah satu pendekatan yang diwujudkan oleh kementerian untuk menggalakkan lebih ramai rakyat di negara ini menyertai francais dengan jumlah modal yang rendah. Sehingga kini jumlah 60 francaisor telah menyertai skim program francais mikro ini.

■ 1050

Program ini telah dipromosikan oleh kementerian melalui program francais komuniti yang telah dianjurkan ke seluruh negara bermula pada bulan Oktober tahun 2011 sehingga kini. Konsep perniagaan mudah alih juga dapat menyelesaikan masalah kesukaran bakal usahawan untuk memulakan sesuatu perniagaan francais. Sejak program francais mikro ini diperkenalkan pada 13 Oktober 2011 sehingga kini, sejumlah 181 orang usahawan francaisi bumiputera telah

diluluskan pembiayaan melalui skim pinjaman kecil francais di bawah program francais mikro yang melibatkan 18 buah syarikat francais daripada pelbagai sektor seperti makanan dan minuman, perkhidmatan dan penyelenggaraan, rawatan kecantikan dan kesihatan serta pelbagai lagi. Terima kasih.

Datuk Matulidi Jusoh [Dungun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada jawapan yang telah dikemukakan tadi. Saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian yang telah memperkenalkan idea inovatif dan kreatif ini yang antara lainnya ialah untuk memberikan penjaminan dalam usaha menambahkan modal perniagaan dan juga mesra pelanggan kepada usahawan-usahawan kecil.

Soalan tambahan saya, sejauh manakah usahawan-usahawan yang telah disebutkan tadi memperkembangkan perniagaan kecil mereka? Apakah perniagaan-perniagaan kecil ini dikembangkan juga di bandar-bandar kecil seperti di Dungun? Apakah penglibatan pihak berkuasa tempatan dalam usaha memberikan kebenaran, kemudahan kepada francais-francais mudah alih ini kepada usahawan? Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti Yang Berhormat telah katakan tadi, memanglah kita telah memperkenalkan program ini pada tahun lepas sebab memandangkan bila disebutkan perniagaan melalui francais ini selalunya persepsi kita ialah ia adalah *business* yang besar, yang mempunyai modal yang besar juga. Akan tetapi memang betul. Seperti *McDonald's*, sesiapa yang hendak melabur di dalam perniagaan *McDonald's*, memang memerlukan modal yang besar.

Oleh yang demikian, semenjak tahun lepas, kita telah mengolah satu model yang mana kita mikrokan perniagaan francais itu yang bermodal RM50,000 ke bawah. Kita telah membawa - untuk makluman Yang Berhormat, kita mengadakan *road show* di seluruh negara untuk memperkenalkan kepada segenap lapisan komuniti sebab bila dikatakan francais ini didapati ada satu *mindset* yang mengatakan, "*Oh! Peniaga kecil dan sebagainya tidak mampu*". Oleh yang demikian, kita telah mengolah dan seperti yang saya katakan tadi, kita telah membawa ke seluruh negara, semasa *road show* tersebut, francais-francais yang hanya memerlukan modal RM50,000 ke bawah. Jadi, kita namakan mereka *micro franchisor* yang seramai 60 orang itu yang mana perniagaan mereka dapat dikembangkan kepada seramai mungkin usahawan-usahawan yang berminat dan yang mana kita juga mengadakan modal untuk membantu di bawah PNS juga ada dan di bawah kementerian kita ada.

Kita telah menyediakan RM8 juta untuk memberikan pinjaman mudah kepada mereka telah dapat mengadakan satu perjanjian bersama dengan francais tersebut. Jadi Yang Berhormat termasuk Dungun dan termasuk di mana-mana sebenarnya. Kalau Yang Berhormat berminat, silalah. Kita akan memberi senarai, panjang Yang Berhormat. Ada 60 francais ini yang boleh didatangi. Untuk makluman, seperti *Long Burger*. Modal hanya RM18,000, Yang

Berhormat dan yang mana dikendalikan satu latihan dan diwujudkan juga satu rangkaian yang mana secara minimumnya lima tahun. Tidak boleh kurang daripada lima tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat, kita ada satu jawatankuasa penasihat francais yang mana kita membawa semua kementerian yang terlibat khasnya yang berkenaan dengan pihak-pihak majlis di kawasan-kawasan, di bandar-bandar dan sebagainya supaya kita dapat memudahkan *micro franchise* ini dijalankan begitu lancar sekali. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat semua orang perlu *play proactive role*lah. *Do not wait until the ship come to the wharf, swim to the sea to the ship*. Kalau tidak ia tidak menjadi, Yang Berhormat. Instrumen bagus tetapi tidak ada buat.

6. Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta Menteri Kerja Raya menyatakan status terkini projek pembinaan Plaza Tol Seremban yang baru, jumlah kos yang ditanggung oleh kerajaan dan pecahannya dan bilakah projek ini dapat disiapkan serta dibuka kepada orang ramai.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah bersetuju untuk membina sebuah persimpangan bertingkat yang baru dari Seremban di Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) iaitu sebagai alternatif kepada Plaza Tol Seremban sedia ada yang sering mengalami kesesakan khususnya pada waktu puncak. Lokasi persimpangan bertingkat baru itu, terletak di kilometer 267.5 Lebuhraya Utara-Selatan iaitu kira-kira empat kilometer sebelum persimpangan bertingkat Seremban sedia ada dari arah Sungai Besi.

Pada masa kini, proses pewartaan pengambilan tanah dan reka bentuk terperinci projek sedang di peringkat akhir sebelum kerja-kerja fizikal dimulakan. Berdasarkan perancangan, pelaksanaan projek ini dijangka dimulakan selewat-lewatnya pada akhir tahun ini dan bakal siap dalam tempoh 20 bulan kemudian. Anggaran kos projek yang terlibat ialah sebanyak RM116.7 juta yang mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM5 juta untuk kos pengambilan tanah akan ditanggung oleh kerajaan. Apabila siap kelak, ia akan menjadi akses alternatif kepada pengguna untuk ke atau dari Seremban dan kawasan sekitarnya.

Selain daripada persimpangan bertingkat sedia ada iaitu Persimpangan Bertingkat Seremban-Labu dan Persimpangan Bertingkat Rasah-Port Dickson yang turut akan dikekalkan. Ini untuk memberikan keselesaan kepada para pengguna lebuhraya PLUS ke arah Selatan khususnya pada waktu puncak dan cuti hujung minggu, cuti persekolahan dan musim perayaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Pertamanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah kewajaran wang kerajaan digunakan untuk menampung sepenuhnya perbelanjaan untuk pembinaan plaza tol untuk

PLUS mengutip tol daripada pengguna-pengguna lebu raya? Hendak mengutip tol tetapi wang untuk bina persimpangan tol itu, ditanggung oleh kerajaan. Itu yang pertama.

Kedua, sedarkah Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa pengguna-pengguna lebu raya yang masuk dari Seremban sampai ke Sungai Besi, kadar tol yang mereka bayar itu adalah termasuk jarak yang digunakan dari tol Sungai Besi sampai ke persimpangan lapangan terbang Sungai Besi lama. Apakah kewajaran untuk pengguna-pengguna dari Seremban membayar tol bagi pihak orang yang duduk di Kuala Lumpur? Ini tidak adil kepada pengguna-pengguna dari Seremban kerana orang yang duduk dalam Kuala Lumpur, mereka tidak perlu membayar tol. Kalau keluar dari Seri Kembangan sampai ke Sungai Besi, jajaran itu adalah *toll free* tetapi untuk pengguna lebu raya dari Seremban, mereka perlu membayar tol. Itu yang kedua.

Ketiganya ialah apakah selepas persimpangan ini dibuka, apakah perancangan daripada kementerian untuk mewujudkan satu jajaran *toll free*, sekurang-kurangnya dari plaza tol yang baru ini sampai ke Senawang? Seperti model yang digunakan di Ipoh, dari Simpang Pulai sampai ke Tol Ipoh Utara. Jajaran itu adalah *toll free*. Adakah untuk pengguna-pengguna dalam Seremban? Adakah jajaran itu dapat dijadikan sebagai *toll free*? Terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sebenarnya kerajaan tidak membayar plaza-plaza tol ini. Sebayak RM116.7 juta ini dibiayai oleh pihak PLUS, bukan kerajaan. Itu satu.

■1100

Kedua kutipan tol memang mengikut kadar yang kita ada iaitu 14.9 sen bagi satu kilometer mengikut jarak yang digunakan dan RM7.20 ini mengikut jarak yang mereka guna untuk pergi ke Seremban. Saya hendak beritahu jalan tol *free* saya tidak ada komen, sebab ini adalah cadangan daripada Yang Berhormat.

Saya juga hendak beritahu Yang Berhormat selepas ini persimpangan bertingkat plaza tol di sini yang masih baru dibuat ini siap – berkala ia akan di tol daripada Kuala Lumpur ke Seremban sebanyak RM6.60 dan ia bermakna 60 sen kurang daripada kebiasaannya yang kita gunakan dengan kadar tol yang lama kerana jaraknya telah berkurang dalam empat kilometer mengikut 14.9 sen sekilometer. 60 sen lebih kurang daripada apa yang sedia ada, ini adalah maklumat yang saya boleh berikan kepada Yang Berhormat, sekian terima kasih.

7. Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan adakah kerajaan akan melaksanakan pembinaan Jalan Bawang Obor/Ukong/Medamit/Mentawai Fasa 2 dapat dilaksanakan dalam RMKe-10 untuk memastikan 10 buah rumah panjang, tiga perkampungan kaum Bisaya, sebuah klinik desa dan dua buah sekolah kebangsaan mendapat manfaat dan menjadikan jalan ini sebagai jalan penghubung ke destinasi pelancongan dunia Gunung Buda.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Limbang. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat permohonan bagi pelaksanaan projek pembinaan Jalan Bawang Obor, Ukong, Medamit, Mentawai Fasa 2 tidak diluluskan di bawah *second rolling plan*, RMKe-10. Walau bagaimanapun kementerian telah menyenaraikan projek ini di bawah *third rolling plan* tahun 2014 RMKe-10 bagi program jalan luar bandar dan pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, sekian.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang telah diberikan. Untuk makluman jalan yang dicadangkan ini adalah sebagai jalan alternatif yang menuju ke laluan *tracking* pelancongan *the headhunters trail* dan juga laluan sungai yang menuju ke Gunung Buda iaitu satu lagi destinasi pelancongan dunia dan juga Gunung Mulu yang dikenali. Selain menjadi kemudahan asas kepada rakyat di kawasan dan sepanjang jalan tersebut. Pada masa ini fasa satu sedang dibina dan hanyalah kepada permukaan batu sahaja.

Jadi soalan tambahan saya dan juga permintaan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, dapatkah kerajaan membina fasa 2 ini dan bersekali menaik taraf fasa 1 ini ke permukaan bitumen supaya pelancong-pelancong hujung minggu berserta keluarga dengan kenderaan keluarga mereka dapat juga mengunjungi tempat pelancongan alam semula jadi ini dan menikmati suasana luar bandar pendalaman yang belum pernah dikunjungi oleh penduduk-penduduk bandar. Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Tuan Yang di-Pertua kementerian ini memang sangat prihatin tentang keperluan kawasan-kawasan di seluruh Malaysia tetapi peruntukan siling yang telah disediakan ataupun yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi untuk 2014, bagi seluruh Malaysia adalah hanya RM50 juta sahaja. Untuk tahun depan kebanyakan peruntukan yang telah diluluskan adalah untuk menyambung projek-projek yang lepas. Ini telah menghadkan projek-projek yang kita hendak luluskan untuk tahun 2014 iaitu *rolling plan* ketiga.

Seperti yang saya katakan tadi kita akan cuba membantu Yang Berhormat Limbang supaya permohonan ini dapat diluluskan *the third rolling plan* iaitu tahun 2014 RMKe-10 tetapi ini bukanlah satu janji kerana kelulusan muktamad adalah dibuat oleh Unit Perancang Ekonomi, sekian terima kasih.

8. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Kesihatan menyatakan:-

- (a) apakah peranan *Mental Health Promotional Advisory Council*; dan
- (b) apakah program yang telah dilaksanakan sejak penubuhannya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil langkah menubuhkan satu Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental di mana ahli-ahli yang dilantik menganggotai majlis akan bertindak memberikan pandangan teknikal dan nasihat kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam aspek promosi kesihatan mental. Majlis Promosi Kesihatan Mental telah bermesyuarat kali pertama pada 9 Ogos 2010. Ahli-ahli majlis ini adalah terdiri daripada pakar-pakar psikiatri, pakar dalam bidang kesihatan awam dan juga wakil-wakil pertubuhan bukan kerajaan yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang promosi kesihatan mental.

Terma rujukan ahli-ahli majlis ini termasuklah bertindak sebagai penasihat dalam merancang dan menentukan hala tuju program promosi kesihatan mental agar selari dengan polisi dan dasar kesihatan mental negara. Majlis tidak berfungsi sebagai agensi melaksanakan program, ia membincangkan isu dan program di peringkat polisi dan juga strategi. Di antara aktiviti yang dibincangkan adalah penubuhan *National Body On Problem Gambling* dengan izin, Program Minda Sihat Menangani Stres Dalam Kalangan Murid Di Sekolah, Perkhidmatan Minda Sihat di klinik kesihatan, Kempen Kesedaran Kesihatan Mental, Sambutan Hari Kesihatan Mental Sedunia, Kekurangan Ahli Klinikal Psikologi Dan Pelan Tindakan Kebangsaan bagi Pencegahan Bunuh Diri.

Dengan penubuhan Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental tersebut adalah menjadi harapan Kementerian Kesihatan agar pelaksanaan inisiatif dan aktiviti-aktiviti promosi kesihatan mental dapat diperkukuhkan melalui kolaborasi di antara Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan serta komuniti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Soalan tambahan, nampaknya niat untuk menubuhkan *Mental Health Promotional Advisory Council* ini adalah bagus tetapi saya rasa sampai sekarang di bawah tidak rasa ada apa-apa program. Di Pulau Pinang ada dua badan atau tiga badan yang bekerja untuk meningkatkan kesedaran mental *health* dan ada juga mengadakan program-program untuk membantu orang yang menghadapi masalah ini. Mereka rasa tidak dapat bantuan, mereka rasa begitu *alone*, tidak tahu siapa hendak tujukan kerana *society* atau masyarakat begitu kurang kesedaran ke atas masalah ini tetapi masalah ini *huge*, Tuan Yang di-Pertua. Masalah ini besar kerana ada *survey* yang mengatakan bahawa berapa peratus, banyak peratus yang tinggi. 30% *Malaysian* yang ada sedikit sebanyak ada masalah mental. *[Disampuk]*

Saya rasa ada dan di dalam sekolah pun. Jadi mereka hendak menjalankan aktiviti tetapi tidak ada dana dan tidak tahu siapa yang pihak kementerian dalam aspek ini yang

bagaimana boleh bekerjasama dengan mereka supaya mereka boleh ada kempen. Di sini kata ada kempen tetapi kempen macam mana, tidak lihat dan tidak nampak. Bolehkah Timbalan Menteri memberi tahu Dewan ini, apakah kempen yang dijalankan dan bagaimana NGO-NGO atau individu yang hendak bekerjasama dengan kementerian, apakah caranya? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Izinkan saya untuk menerangkan kepada Yang Berhormat bahawa adalah tidak benar sekiranya tidak ada tindakan atau apa-apa bentuk langkah-langkah yang diambil oleh kementerian untuk menangani serta memastikan bahawa kesihatan mental menjadi aspek penting untuk kita perjuangkan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, saya akan memberikan jawapan saya dalam dua aspek iaitu pertama dari segi logistik dan keduanya dari segi pelaksanaan program-program.

■1110

Untuk pengetahuan Yang Berhormat ya, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah merasmikan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat di Putrajaya dan program ini kita akan perluaskan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, untuk negeri Pulau Pinang, kementerian merancang untuk mewujudkan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat iaitu di Klinik Kesihatan Butterworth.

Bagi menjawab kepada kebimbangan Yang Berhormat mengenai di manakah individu ataupun NGO-NGO ini boleh rujuk sekiranya mereka ingin mengadakan program-program dan pelbagai inisiatif, bolehlah mungkin Yang Berhormat menasihatkan mereka untuk menghubungi pihak kementerian. Pihak kementerian bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak termasuklah badan-badan NGO dan individu bagi memastikan bahawa program-program yang melibatkan kesihatan mental dapat dilaksanakan di negara kita khususnya di negeri Pulau Pinang.

Oleh daripada itu, atas dasar inilah kenapa majlis ini ditubuhkan Yang Berhormat. Kita bukan sahaja ingin mendapatkan partisipasi ataupun penglibatan semua pihak dengan menjadikan mereka wakil-wakil daripada badan-badan NGO, contohnya seperti Befrienders sebagai sebahagian daripada ahli majlis. Ini adalah antara tujuannya iaitu untuk mendekatkan NGO, badan-badan swasta ini dan juga badan-badan NGO supaya bekerjasama dengan pihak kementerian. Kita tidak melakukannya seorang diri Yang Berhormat. Begitu juga pihak yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat sendiri. Jadi...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ada bahagian di dalam kementerian yang khusus tak? Siapa yang boleh hubungi?

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Boleh menghubungi Bahagian Kawalan Penyakit. Kita ada unit khusus yang bertanggungjawab Yang Berhormat untuk kesihatan mental. Bolehlah berhubung dengan pegawai kita dan selepas ini saya akan berikan maklumat lanjut kepada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat. Kalau kita lihat sekitar tahun 2009, terdapat lebih kurang 200 pakar psikiatri yang ada di negara kita dan kita lihat bilangan peningkatan pesakit-pesakit yang memerlukan bantuan psikiatri makin meningkat terutamanya dalam tahun 2008 ini, lebih daripada 400,000 mereka yang terlibat dalam gejala ini. Gejala ini, saya ingin bertanya Yang Berhormat, ia bukan sahaja terlibat di kalangan peringkat umur tertentu malah kalau dibuat kajian, peringkat *primary school*, peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, peringkat pengajian tinggi. Kadang-kadang ia sukar dikesan kerana mungkin penjaga atau ibu bapa tidak ada *knowledge* untuk menyelesaikan masalah ini.

Jadi saya ingin mohon perhatian pihak kementerian kerana belum sampai peringkat *acute* atau boleh dikategorikan peringkat gila yang merupakan *stage* yang terakhir tetapi di peringkat *depression* ini, apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian khusus untuk memberi kesedaran kepada ibu bapa terutamanya dalam pelbagai bahasa kerana ia bukan terlibat di kalangan bangsa tertentu seperti Melayu, Cina dan India tetapi pelbagai bahasa. Sekurang-kurangnya iklan, brosur yang akan diedarkan. Jadi, tindakan yang dibuat, perkhidmatan kaunseling yang sebagaimana yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dan usaha berterusan yang perlu dibuat dalam menangani gejala yang difikirkan cukup serius ketika kita berhadapan dengan kemelut menjadi negara maju dan sebagainya yang banyak berlaku di negara-negara Eropah sekarang ini.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat Arau di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Izinkan saya untuk menjawab persoalan yang dikemukakan dengan menyatakan di sini bahawa di peringkat global Yang Berhormat, gangguan mental dan tingkah laku meliputi 12% pada tahun 2000 dan diramalkan akan meningkat ke 15% dalam tahun 2020. Kajian beban penyakit oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia ini meramalkan bahawa kemurungan yang merupakan salah satu daripada penyakit mental akan menduduki tempat teratas selepas penyakit jantung *ischemia* menjelang tahun 2020. Saya memang mengakui apa yang telah dinyatakan Yang Berhormat tadi.

Menjurus kepada Kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan yang dilaksanakan pada tahun 2006, mendapati bahawa masalah kesihatan mental di kalangan orang dewasa adalah 11.2% berbanding 10.6% pada tahun 1996. *Prevalence* masalah kesihatan mental dengan kanak-kanak dan remaja iaitu yang berusia 15 tahun ke bawah telah meningkat kepada 13% pada tahun 1996, 19.4% pada tahun 2006 dan terus meningkat kepada 20% pada tahun 2011 Yang Berhormat.

Untuk menjawab kepada langkah-langkah Yang Berhormat, selain daripada program-program yang dilaksanakan, pihak kementerian telah mempergiatkan aktiviti Program Minda Sihat di kalangan murid di 150 sekolah. Mula-mula kita melakukan program perintis yang

melibatkan lapan sekolah dan telah diperluaskan kepada 150 sekolah yang telah dikenal pasti. Langkah tersebut adalah antara usaha-usaha kita untuk mengenal pasti pelajar-pelajar yang menghadapi masalah seperti *stress* dan kemurungan supaya bantuan berbentuk kaunseling boleh diberikan kepada mereka sebelum mereka terlibat dengan aktiviti yang lebih buruk ataupun mengalami akibat yang lebih buruk Yang Berhormat.

Saya juga ingin menyatakan di sini bahawa perkhidmatan kesihatan mental boleh diperolehi di semua klinik-klinik kesihatan kita di seluruh negara. Siapa sahaja yang ingin mendapatkan sama ada berbentuk saringan ataupun rawatan bolehlah mengunjungi ke klinik-klinik kesihatan kita. Di mana sahaja Yang Berhormat sama ada di bandar atau di luar bandar, perkhidmatan kesihatan mental disediakan di klinik-klinik kesihatan kita.

Untuk menjawab kepada persoalan adakah pihak kementerian mempunyai perancangan untuk menambah dari segi tenaga kerja (*human resource*) kita, *insya-Allah* Yang Berhormat, perkara ini juga telah dibincangkan di mesyuarat Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental dan ini merupakan salah satu perkara yang menjadi perhatian pihak kementerian di mana pihak kementerian merancang untuk mewujudkan lebih banyak jawatan untuk menangani permasalahan mental yang meningkat di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

9. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Menteri tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan sejauh manakah penjelasan mengenai keperluan pertukaran meter elektrik lama telah diusahakan memandangkan perspektif kebanyakan orang ramai adalah negatif mengenai pertukaran meter elektrik lama yang menyebabkan kenaikan kos kegunaan elektrik bulanan yang tinggi.

Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Noriah binti Kasnon]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, program penukaran meter Tenaga Nasional Berhad (TNB) dibuat berdasarkan kepada tiga sebab iaitu:

- (i) Meter lama yang telah melebihi jangka hayat;
- (ii) meter yang mengalami kerosakan; dan
- (iii) meter yang telah diusik.

Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini pihak TNB sedang secara berterusan menjalankan program penggantian meter lama jenis *electro-mechanical* yang telah melebihi tempoh 15 tahun kepada meter jenis digital atau elektronik yang baru. TNB telah pun menggunakan meter jenis elektronik sejak 10 tahun yang lalu. Amalan penggantian meter lama ini juga adalah selaras dengan amalan utiliti-utiliti lain seluruh dunia.

Tuan Yang di-Pertua, daripada analisis yang dijalankan oleh TNB mendapati bahawa sebahagian meter yang ditukar adalah berusia melebihi 15 tahun yang kejituan bacaannya

telah didapati menurun. Ini bermakna pengguna yang terlibat telah menikmati bil yang berkurangan caj. Memandangkan meter baru dari jenis elektronik akan merekodkan penggunaan elektrik dengan lebih tepat berbanding meter lama jenis *electro-mechanical*, maka adalah wajar jika pihak pengguna akan menerima bil yang lebih tinggi daripada kebiasaan.

Bagi memastikan kejituan bacaan bagi meter baru, ujian kejituan telah dilaksanakan oleh makmal bebas ke atas meter jenis elektronik yang mendapat akreditasi berdasarkan MS ISO/IEC17025:2005 yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia atau *Standard Malaysia* dengan izin Tuan Yang di-Pertua di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Seterusnya pihak TNB juga telah mengambil tindakan proaktif dengan melaksanakan pelan komunikasi mengenai keperluan penggantian meter lama dengan mengadakan beberapa perjumpaan dengan persatuan-persatuan pengguna, pertubuhan-pertubuhan politik dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memberikan penjelasan mengenai keperluan penggantian meter lama ini.

■1120

Taklimat-taklimat khusus telah diberi misalnya kepada Parti Gerakan Rakyat Malaysia (PGRM) dan MCA pada 15 Ogos 2011, taklimat kepada Ahli Parlimen BN-BBC pada 10 Oktober 2011 dan juga taklimat kepada Ahli Dewan Undangan Negeri di setiap negeri. Taklimat kepada pengamal media pelbagai bahasa juga telah dilaksanakan pada bulan Oktober dan November 2011 dan TNB juga telah menyiarkan *advertorial*, penggantian meter lama di dalam enam akhbar utama pelbagai bahasa mulai 7 Oktober 2011 dan terus disiarkan secara berkala.

TNB juga telah menyediakan soalan-soalan lazim mengenai penggantian meter lama ini dalam versi bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di laman sesawang TNB. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertukaran pembacaan meter elektrik yang baru ternyata menyebabkan peningkatan kos perbelanjaan elektrik isi rumah yang terlibat kerana ia meningkat sehingga pembayaran 200% dan lebih. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan mengkaji berapakah peratusan kenaikan kos penggunaan elektrik di kategori sebagai peningkatan yang normal selepas pertukaran pembacaan meter elektrik baru ini? Berapakah kes aduan yang telah dilaporkan dan telah disiasat serta dibuktikan bahawa kenaikan cat daripada pembacaan meter baru ini adalah tidak setimpal dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan?

Selain daripada itu, saya ingin tahu juga berapakah jumlah pengguna yang masih mendapat faedah rebat elektrik RM20 memandangkan RM20 atau kegunaan kurang daripada 91 kilowatt adalah sukar memandangkan peratusan kenaikan caj elektrik yang amat tinggi sejak pertukaran meter baru tersebut. Sekian, terima kasih.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlampau banyak sebenarnya dalam satu soalan itu Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba mana yang saya ingat tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini sudah jadi budaya Parlimen kita Yang Berhormat. Peraturan mengatakan satu soalan sahaja tambahan.

Dato' Noriah binti Kasnon: Tidak mengapa Tuan Yang di-Pertua, asalkan sahaja boleh ingat soalnya. Satu tentang istilah peningkatan yang normal setelah penggantian meter lama kepada meter baru. Sebenarnya, tidak ada istilah khusus tentang berapa peningkatan yang normal, tetapi asal sahaja tidak melampau. Ini bermakna munasabah kerana ketidaktepatan daripada meter lama itu saya kira adalah kerana jangka hayat usia yang mengakibatkan ceper kepada meter itu haus, pergerakannya lambat dan sebagainya.

Kita setakat ini tidak pernah menerima aduan khusus tentang kenaikan seperti 200% Yang Berhormat nyatakan tadi. Akan tetapi jika ada, saya alu-alukan lah semua untuk memanjangkan kepada pihak kementerian ataupun kepada pihak kedai-kedai TNB sendiri yang terhampir. Satu lagi adalah tentang bilangan aduan. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, penggantian meter lama ini adalah dilakukan oleh TNB secara berkala daripada tahun 2011 sehingga sekarang, sudah melebihi 1.2 juta pengguna yang telah ditukarkan daripada meter lama kepada meter baru. Daripada jumlah itu, aduan tentang bil yang tinggi hasil daripada pertukaran itu dalam 3,100 kes. Lebih daripada 3,000 kes tetapi di bawah 3,200 kes. Kebanyakannya pula bukan peningkatan kerana meter baru daripada meter lama tetapi kerana kes-kes usikan meter yang sebelumnya Tuan Yang di-Pertua.

Ini bermakna sepatutnya mereka menggunakan tenaga yang tinggi tetapi kerana telah ada meter *tempering*, dengan izin, telah diusik meternya maka mereka membayar pada jumlah yang rendah. Jadi apabila dipasang meter baru, barulah dapat dikesan, maknanya dapat dikesan usikan di situ telah berlaku, jadi begitu agak mendadak jumlahnya. Akan tetapi kalau pada kadar yang biasa tidak begitu mendadak Tuan Yang di-Pertua. Satu lagi adalah tentang rebat RM20 kepada pengguna yang menggunakan elektrik di bawah bil RM20 sebulan ini, sama ada masih kekal jumlahnya ataupun berapa jumlahnya. Daripada penelitian saya bersama-sama dengan pihak Suruhanjaya Tenaga dan juga TNB, tidak begitu jauh berubah Tuan Yang di-Pertua walaupun telah giat kita lakukan penggantian meter. Daripada mula 2011 sehingga sekarang, jumlah penerima rebat itu dalam lingkungan 800,000 hingga satu juta orang sebulan. Tidak banyak berubah turun naiknya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin tahu, mengapakah sejak kebelakangan ini pegawai-pegawai TNB selalu menyerahkan bil-bil *estimate*, *e-bill* dengan izin, mengakibatkan penghuni-penghuni rumah terpaksa membayar bil yang begitu tinggi kerana *estimated bill* pengiraannya

adalah lebih daripada 30 atau 31 hari. Dua bulan sekali bil mengakibatkan mereka dikenakan tarif yang lebih mahal Tuan Yang di-Pertua.

Tidak ada sebab untuk penyerahan e-bil kalau sepanjang masa pegawai TNB boleh membaca meter-meternya. Ada juga masalah di mana meter halanya tidak dapat dilihat oleh pegawai TNB mengakibatkan mereka mengeluarkan bil-bil *estimate* yang saya rasa ini tidak adil kerana ia bukan penggunaan yang tepat untuk satu bulan bagi penghuni. Jadi, apakah tindakan untuk mengatasinya? Bil-bil *estimate* memang tidak adil dan mengakibatkan penghuni membayar bil pada tarif yang lebih mahal.

Dato' Noriah binti Kasnon: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah isu yang agak berbeza daripada isu pokok, soalan pokok tentang pertukaran meter. Ini adalah tentang bacaan meter yang dibuat oleh pembaca meter TNB pada setiap bulan. Memang ada dalam 10% pengguna yang dibaca meternya secara anggaran iaitu bacaan dwi-bulanan. Bulan pertama datang baca, bulan kedua tidak dan bulan ketiga baca dan akan diselaraskan semula bacaannya Tuan Yang di-Pertua. Ianya memang dibenarkan di bawah Akta Bekalan Elektrik dan menjadi amalan juga kepada negara-negara antarabangsa.

Namun Tuan Yang di-Pertua, hasil daripada aduan-aduan yang mana tidak bersetuju dengan jumlah kerana ia meliputi *band-band* tertentu mengikut tarif tertentu. Saya juga minta sekali lagi kalau ada tentu kalau hendak bawa kepada saya ataupun bawa kepada kaunter bayaran yang biasanya mereka akan semak semula, teliti semula. Kalau betul, makna akan dijelaskan dan kalau tidak betul mungkin ada kesilapan di mana-mana. Akan tetapi, tentang bacaan, anggaran, akibat daripada kedudukan meter yang terlindung dan sebagainya melalui program penggantian meter lama kepada meter baru ini, kepada penghuni ataupun pengguna pemegang akaun TNB, kalau hendak alihkan meter itu kepada satu kedudukan yang lebih jelas, TNB akan melaksanakan secara percuma, secara serentak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

10. Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, sama ada kementerian memantau kerajaan negeri dalam pembukaan kawasan membalak. Apakah jenis pampasan yang diberikan kepada kerajaan negeri jika kerajaan negeri diarah untuk tidak membuka sesuatu kawasan dengan sebab ianya satu kawasan tadahan air negara. Senaraikan (jika ada) pampasan yang telah dibayar kepada kerajaan-kerajaan negeri sejak lima tahun kebelakangan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Perkara 74(2) Perlembagaan Malaysia, perhutanan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa negeri mempunyai kuasa meluluskan lesen pengusaha hasilan atau pembalakan di negeri masing-masing. Namun demikian, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan negeri untuk memastikan sumber hutan diuruskan secara

mapan melalui pelaksanaan amalan pengurusan hutan secara berkekalan atau dengan izin, *Sustainable Forest Management* (SFM). Sehubungan dengan itu, bagi memastikan SFM dilaksanakan secara berkesan, pihak kementerian sentiasa memantau agar semua negeri mematuhi catuan tebangan tahunan atau CTT bagi kawasan hutan pengeluaran dalam hutan simpan kekal sebagai mana yang ditetapkan oleh Majlis Tanah Negara (MTN).

■1130

CTT bagi semua negeri di Malaysia disediakan bagi setiap Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Pematuhan CTT oleh semua negeri turut dipantau oleh setiap Jabatan Perhutanan di negeri masing-masing melalui laporan pengeluaran lesen membalak dan keluasan hutan yang dilesenkan. Pelaksanaan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan seperti mana dijelaskan di atas sememangnya memberi manfaat kepada generasi masa kini dan masa hadapan. Di antara manfaat yang diperolehi daripada usaha ini ialah alam sekitar yang terpelihara termasuk tadahan air dan biodiversiti. Oleh yang demikian ia akan menjamin udara yang bersih serta sumber air yang tidak tercemar untuk memastikan bekalan air yang mencukupi. Maka Tuan Yang di-Pertua, tidak timbul soal pampasan kepada kerajaan negeri jika kerajaan negeri tidak membuka kawasan balak kerana usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan hutan memberi banyak manfaat kepada kesejahteraan rakyat terutamanya penduduk setempat. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.31 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 4 Oktober 2012”.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujukan.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2013

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2013

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang”, dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh sembilan bilion tujuh ratus empat puluh sembilan juta sembilan ratus sembilan puluh sembilan ribu ringgit (RM49,749,999,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2013, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2013, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 9 Tahun 2012, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersestentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut. **[2 Oktober 2012]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Silam, ada 11 minit lagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Bukan setengah jamkah Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Oh, baru *start* ya?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Ya, baru mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baru mula? Sila Yang Berhormat.

11.32 pg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Alhamdulillah rabbilalamin wassalatu wassalamu `ala sayyidina Muhammadin wa `ala aalihi wa sahbihim ajma`in. Assalamualaikum warahmatullaahita'ala wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013. Tuan Yang di-Pertua, saya bagi mewakili seluruh rakyat kawasan Parlimen Silam ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah berjaya menterjemahkan sebuah belanjawan yang benar-benar memberi manfaat dan mengambil setiap pendekatan yang mengambil kira semua lapisan rakyat di negara Malaysia. Ini bersesuaian dengan konsep negara kita yang mengamalkan sistem demokrasi yang mengikut acuan negara Malaysia. Sesungguhnya bajet yang telah dibentangkan pada 28 September yang lepas adalah bajet yang saya sifatkan seumpama daripada rakyat kepada rakyat yang mana kebanyakan selain daripada mengambil kira pandangan dan dasar daripada setiap agensi dan pihak-pihak yang berwajib termasuk pandangan Ahli-ahli Parlimen dan pandangan daripada seluruh rakyat Malaysia, maka bajet yang dibentangkan pada hari Jumaat yang lepas telah mengambil kira semua pandangan rakyat Malaysia.

Sejak memegang jawatan selaku Menteri Kewangan Malaysia sehingga sekarang ini jelas sekali belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengambil inisiatif dengan memberi pendekatan kepada sensitiviti yang mengambil kira pandangan semua pihak. Melihat kepada perkembangan ekonomi pada masa kini kalau kita lihat dari segi perkembangan ekonomi negara Malaysia Tuan Yang di-Pertua, walaupun negara kita berhadapan dengan kekangan dari segi pertumbuhan ekonomi dan kita melihat bagaimana dalam beberapa perkara dari segi kadar *competitiveness* negara kita walaupun menghadapi beberapa penurunan, namun pada dasarnya dan pada umumnya kerajaan masih berjaya mengekalkan skor indeks dari segi kemampuan negara kita bersaing dengan negara yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik inisiatif kerajaan untuk memperkasa aktiviti pelaburan negara dengan terus memperhebatkan pelaksanaan 12 bidang utama ekonomi negara. Ini kerana kita melihat dalam dunia sekarang ini dari segi perkembangan ekonomi negara di mana juga berada sebenarnya ianya dilihat dalam banyak perkara yang perlu diambil kira. Sesungguhnya pembentangan Belanjawan Negara 2013 yang telah dibentangkan itu telah mengambil inisiatif untuk membolehkan dan seperti yang dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan bahawa apa yang dibentangkan itu ialah mengikut kemampuan dan keupayaan ekonomi negara sebenar.

Ini memang sesuai dengan dasar kita sekarang ini yang menekankan kepada kita menjelaskan kepada semua pihak dan terutamanya kepada rakyat supaya kita dapat sama-

sama merealisasikan dan menjana pertumbuhan ekonomi negara kita dalam apa pun keadaan. Kita melihat walaupun kekangan terutamanya macam kalau kita lihat dari segi perkembangan *Euro zone* dan beberapa negara-negara lain di dunia yang berhadapan dengan kegawatan ekonomi dan pelbagai cabaran.

Akan tetapi dengan pendekatan yang dibuat oleh kerajaan dalam belanjawan negara kita ini yang mengambil kira dari segi kekukuhan, kekuatan dan kemampuan ekonomi negara kita jelas perkara ini telah membolehkan walaupun barangkali kita lihat dari segi kadar pertumbuhan yang diunjurkan oleh kerajaan dalam Bajet 2013 bahawa kita boleh menasaskan dan mencapai dalam lingkungan 5.1% KDNK ini memang dari segi kelangsungan dan kesesuaian ekonomi negara kita memang ada kaitan.

Saya menjangkakan dan melihat kepada pandangan pakar-pakar ekonomi antarabangsa juga dengan pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan menasaskan kepada konsep pendekatan konservatif iaitu kita lebih berhati-hati dalam pengurusan dan fiskal kerajaan bagi membolehkan kita mampu dan kita tidak begitu terasa terkejut kalau apa pun cabaran yang melanda. Apabila kita bandingkan dari segi perbandingan dengan negara-negara ASEAN yang lain, kita dapati memang ada beberapa perkara yang memang seperti yang saya sebutkan di peringkat awal tadi menurun tetapi pada umumnya kita masih berupaya.

Tuan Yang di-Pertua, maklum balas yang saya terima daripada rakyat saya daripada kawasan Parlimen Silam, rata-rata mengucapkan jutaan terima kasih kepada kerajaan kerana dengan peruntukan dana terutamanya dana sebanyak RM1 bilion yang pasti membuka ruang terutamanya kepada industri kecil sederhana yang sebelum ini pernah saya bangkitkan dalam beberapa perbahasan saya sebelum ini yang menekankan bahawa kerajaan mengambil perhatian dalam industri kecil sederhana.

Sebagai contoh, kalau kita melihat negara Jerman dan beberapa negara lain yang memberi penekanan kepada industri kecil sederhana ini yang memberi peluang kepada masyarakat sebab kita tahu dari segi peluang pekerjaan terutamanya dalam sektor awam ataupun sektor kerajaan memang terlalu terhad. Inilah peluang yang terbaik iaitu apabila dana RM1 bilion yang diperuntukkan kepada industri kecil sederhana ini saya sangat alu-alukan sebab ia boleh menggalakkan dari segi pertumbuhan ekonomi terutamanya di kawasan luar bandar.

■ 1140

Tuan Yang di-Pertua, sebab ini juga apabila kerajaan mengambil inisiatif untuk memberi penekanan kepada *Foreign Direct Investment* dengan *Domestic Direct Investment* (DDI). Inisiatif yang dibuat dalam RM1 bilion ini adalah satu gambaran yang telah diambil oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan untuk menjana ekonomi terutamanya di kawasan luar bandar. Ini kerana apabila ekonomi ini berkembang sudah tentu usahawan-usahawan kecil di

kawasan luar bandar terutamanya mereka akan berupaya untuk mencetuskan ruang perniagaan yang semakin meluas. Saya dapati sebagai contohnya kalau di kawasan Parlimen Silam lebih kurang ada 1,900 IKS yang beroperasi secara aktif.

Juga memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang 49% rakyat saya di kawasan Parlimen Silam yang terlibat langsung dalam aktiviti industri kecil sederhana ini. Saya sangat alu-alukan konsep *Domestic Direct Investment* ini supaya digalakkan untuk membolehkan *purchasing power parity*, dengan izin, kuasa membeli. Ataupun kuasa aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar ataupun di kawasan bandar-bandar yang sederhana dari segi pertumbuhan dan perkembangannya itu dapat dikembangkan. Sudah tentu ini boleh menjana dari segi pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam belanjawan yang telah dibentangkan baru-baru ini terutamanya dalam industri kecil sederhana. Saya tahu Parlimen Silam telah pun diwartakan sebagai Pusat Akuakultur Negara. Saya ingin menarik perhatian sebab ia sudah masuk empat tahun dan saya nampak dari segi pergerakan industri ini agak sederhana. Saya berharap supaya peruntukan RM1 bilion dapat mengambil kira supaya industri kecil sederhana dalam bidang rumpai laut diberi peruntukan yang sewajarnya ataupun diberikan peruntukan yang besar bagi membolehkan mereka untuk terlibat secara langsung dalam bidang keusahawanan dan mengkomersialkan industri rumpai laut ini.

Kita tahu walaupun barangkali kekangan-kekangan yang diperolehi oleh usahawan-usahawan rumpai laut ini kebanyakan mungkin dari segi teknologi dan kefahaman mereka. Akan tetapi yang paling jelas sekali Tuan Yang di-Pertua ialah kekangan kurangnya modal pusingan mereka untuk mereka menjalankan aktiviti perniagaan ini. Saya berharap supaya industri ini bukan hanya sebagai suatu dasar kerajaan yang diuar-uarkan sebelum ini untuk kita sama-sama menghapuskan kemiskinan. Akan tetapi kita mahu industri ini di masa akan datang ianya sebagai suatu industri yang dominan. Ini yang kita berharap boleh menjana dari segi aktiviti perniagaan domestik di negara kita ini.

Ini kerana kita tahu industri ini dari segi nilai perniagaan boleh dikembangkan secara meluas, sebab kita tahu boleh menghasilkan produk-produk farmaseutikal, *cosmetically* dan *neurotically* yang belum lagi diusahakan secara mendalam oleh beberapa oleh rakyat kita di negara Malaysia ini. Saya berharap supaya kerajaan mengambil perhatian yang sewajarnya untuk memberi keutamaan dalam industri rumpai laut ini terutamanya di negeri Sabah di kawasan zon Pantai Timur dan beberapa tempat yang bersesuaian. Terutamanya untuk perusahaan industri kecil dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga melihat bagaimana belanjawan negara kita ini telah memberi penekanan kepada sektor memperkasa sektor pendidikan dan latihan. Saya percaya untuk menjadikan negara Malaysia ini menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Prasyarat utama untuk menjadi sebuah negara maju memang kita tidak boleh nafikan kita perlu banyak

pelaburan dalam sektor latihan dan pendidikan. Ini kerana saya melihat kalau barangkali pada zaman kita mula merdeka dahulu sekitar di peringkat awal kebanyakan kita punya sistem pendidikan lebih menumpukan kepada konsep yang berteraskan kepada kurikulum. Kita tahu konsep ini ialah kita memberi pendidikan kepada rakyat seluruh negara Malaysia dan pada masa yang sama apabila mereka ini keluar daripada sekolah ataupun pusat pengajian tinggi maka kerjaya itu sudah tersedia.

Itu pada masa kita mula merdeka kemudian kita ubah pula dari segi pendekatan konsep pendidikan kita ini dalam sebelum mencecah umur 55 tahun negara kita lebih menekankan kepada konsep merit di mana kita mahu supaya ada persaingan yang sihat di kalangan pelajar ataupun mahasiswa kita di peringkat universiti. Ini memang tentu sudah dapat kita penuhi bagaimana anak-anak kita bukan sahaja di kawasan bandar tetapi di kawasan luar bandar mempunyai gred yang baik dari segi keputusan UPSR, PMR, SPM, STPM. Ini yang nampak dari segi merit itu kita sudah capai. Saya di sini ingin mengambil perhatian kementerian yang berkaitan terutamanya Kementerian Pelajaran dalam Bajet 2013 ini dengan pelan pembangunan pendidikan yang telah dibentangkan pada September lalu oleh Kementerian Pelajaran.

Saya selaku mewakili rakyat Parlimen Silam menyokong sebenarnya pelan tindakan tersebut. Namun saya ingin berharap supaya peruntukan sebanyak RM38.7 bilion dapat mengambil kira untuk memberi penekanan kepada konsep. Sudah tiba masanya untuk kementerian dalam pelan pendidikan pembangunan nasional ini saya tahu beberapa cadangan yang saya pernah kemukakan di Dewan yang mulia ini, seperti kelas lompat, seperti mengupayakan Jabatan Pendidikan dengan juga menambah tenaga pengajar, terutamanya membantu kepada guru supaya mereka memberikan yang terbaik. Ini memang bersesuaian sebagai sebuah negara yang maju menjelang 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini supaya transformasi pendidikan negara di masa akan datang lebih berorientasikan kepada *school to work*, iaitu dengan izin. Maksud dia apabila kita *enrollment* anak-anak kita di peringkat awal daripada sekolah rendah sampai sekolah menengah itu biar terarah Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kita melihat bagaimana apabila generasi kita yang keluar daripada vokasional, yang keluar daripada pusat pengajian tinggi banyak lagi di kalangan mereka yang belum mendapat peluang pekerjaan.

Sudah tiba masanya sebagai contohnya kalau kita lihat di negara Jerman dan di beberapa buah negara ASEAN yang menekankan kepada *school to work* daripada ada di peringkat awalnya lagi mereka telah memperkenalkan mata pelajaran yang memfokuskan kepada kemahiran. Sekarang ini saya menyambut baik dasar kerajaan untuk mewujudkan kolej-kolej komuniti. Namun saya berharap supaya di masa akan datang kolej komuniti itu dapat diperkasakan untuk melahirkan generasi modal insan yang betul-betul ada kemahiran bagi memenuhi pasaran tempatan.

Ini kerana sekarang ini sebagai contohnya kalau dahulu barangkali kita pengeluar timah yang terbesar, pengeluar getah yang terbesar kemudian kelapa sawit juga kita pada satu masa menjadi pengeluar yang terbesar. Akan tetapi sekarang ini kita berhadapan dengan kekangan tenaga kerja yang kurang kemahiran. Kita bergantung kepada guru daripada negara jiran kita. Sekarang ini kita perlu melahirkan generasi ataupun rakyat yang berkemampuan iaitu kita sebagai juga negara merdeka dan negara maju di masa akan datang, dapat dari segi modal insan itu kita dapat harapkan gelas untuk memajukan. Ini sudah tentu kalau dari segi dasar kerajaan yang menekankan pelaburan dalam domestik sekurang-kurangnya apabila tenaga kerja kita ada sudah tentu pelaburan daripada negara luar akan tertarik melabur di negara kita.

Ini kerana kita boleh *supply* modal insan yang ada kepakaran, yang ada kemahiran. Walaupun barangkali contoh yang saya ambil negara Jerman itu sudah jauh lebih maju. Bagaimana contohnya mereka di Stuttgart lebih tumpukan kepada pembangunan automobil. Kita di Malaysia ini sebenarnya juga ada di beberapa tempat di negara kita ini yang sudah dimajukan dari segi industri. Di sini perlu ada hubung kait dengan sistem pendidikan kita supaya menumpukan kepada ada hala tuju. Sekurang-kurangnya apabila generasi muda kita pergi ke sekolah kemudian sampai kepada peringkat universiti kemudian mereka keluar daripada universiti itu bukan semata-mata bergantung mencari kerja di kerajaan, tetapi mereka juga ada kemahiran dan kepakaran yang akhirnya boleh mencetuskan memulakan bidang perniagaan mereka.

Itu sebabnya saya sangat mengalu-alukan belanjawan negara kita yang memberi penekanan kepada pembangunan pembelajaran. Namun pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya dari semasa ke semasa juga kita memikirkan kalau sekarang ini barangkali sistem orientasi Kementerian Pelajaran ataupun dasar pelajaran, dasar pendidikan negara kita lebih terfokus mengambil konsep pendekatan Barat ataupun daripada Timurkah ataupun di mana-mana yang bersesuaian. Saya menyarankan di sini supaya Kementerian Pelajaran dapat memikirkan suatu modal pendidikan yang benar-benar acuan negara Malaysia itu sendiri supaya kita ada kekuatan. Terutamanya dalam kita memperkasa bahasa Melayu.

Pada sesi yang lepas saya pernah bertanya soalan tentang kenapa di kalangan penduduk negara ini ataupun syarikat-syarikat tidak mengutamakan dari segi *signboard* dia..., dengan izin, untuk menggunakan Bahasa Melayu. Sedangkan itu bahasa kita bahasa utama negara kita yang termaktub dalam Perlembagaan negara kita. Saya menyokong dalam beberapa kenyataan yang dibuat Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri selaku Menteri Pelajaran dalam memperkasa Bahasa Melayu.

■1150

Bagi saya salah satu dapatan yang saya peroleh bagaimana kekangan yang kita hadapi sebagai sebuah negara yang maju, yang majmuk dan ini satu keunikan yang perlu, yang sama-sama sudah kita pelihara tetapi pada masa yang sama saya melihat bagaimana kekuatan

ini dapat kita capai kalau kita sama-sama menerima pakai konsep satu bahasa untuk mempermudah kita berkomunikasi. Kalau kita melihat beberapa buah negara di dunia ini Kazakhstan, negara China, banyak lagi, sampai kalau di Jepun mewajibkan pelajar daripada luar negara supaya mereka bertutur dalam bahasa Jepun. Kita nampak mereka juga boleh melahirkan graduan yang cemerlang dan ini salah satu prasyarat kenapa saya nampak kekangan kita, ialah tidak apa di peringkat sekarang kita memikir sekolah-sekolah jenis kebangsaan itu masih boleh diterima pakai.

Akan tetapi bagaimana, negara kita ini bukan menuju ke arah negara yang mundur. Ia akan bertambah maju lagi di masa akan datang dan sudah tentu Tuan Yang di-Pertua saya berharap dalam bajet negara ini supaya kementerian yang berkaitan dapat mengambil perhatian dalam konsep ini. Selain daripada itu juga saya berharap pembangunan fizikal terutamanya pembinaan sekolah-sekolah di kawasan luar bandar terutamanya di negeri Sabah supaya kementerian ini dapat mengambil perhatian. Saya mohon supaya terutamanya di kawasan Parlimen Silam, di kawasan DUN Tungku saya dapati hanya sekolah-sekolah menengah kebanyakan di zon FELDA dan saya mencadangkan di masa akan datang supaya Kementerian Pelajaran dapat menerima cadangan saya untuk membina sebuah sekolah menengah di kawasan luar FELDA terutamanya di kawasan Zon Tanjong Labian sampai ke kawasan Tambisan.

Oleh sebab ini kita melihat pendidikan ini sangat penting bagi masyarakat luar bandar terutamanya kita di negeri Sabah dan selain daripada itu juga tentang baik pulih di masa akan datang, saya berharap Kementerian Pelajaran dapat mengambil perhatian, sebagai contohnya SK Pekan Lahad Datu. Sekolah yang tertua di kawasan Parlimen Silam belum diambil perhatian oleh Kementerian Pelajaran walaupun saya telah menghantar surat beberapa kali dan ada beberapa blok bangunan terutamanya blok bangunan pentadbiran dan bilik guru yang terlalu uzur yang telah dapat surat daripada...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Yang Berhormat, sedikit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Saya habiskan ayat saya dan saya minta Kementerian Pelajaran prihatin dalam perkara ini terutama Jabatan Pelajaran setiap daerah di seluruh negara Malaysia, bukan hanya di negeri Sabah, peka dari segi turun ke bawah melihat masalah-masalah yang dibangkitkan oleh rakyat, yang telah dibangkitkan oleh wakil-wakil rakyat supaya kita tidak mahu sebab benda ini boleh menjadi isu di satu-satu tempat. Ada baiknya supaya kementerian dapat mengambil perhatian. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sedikit sahaja.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Sedikit sahaja, setengah saat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih rakan saya Yang Berhormat Silam. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa perlu diberikan tumpuan untuk pembangunan dan pembaikan kepada sekolah-sekolah

bukan sahaja di Sabah dan Sarawak tetapi seluruh negara Malaysia. Akan tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa apa yang tidak sepatutnya berlaku dalam Bajet 2013 ini ialah pengurangan peruntukan bajet pembangunan berbanding dengan 2012, kalau tidak silap saya hampir RM2 bilion yang tidak sepatutnya berlaku sedangkan pendidikan ini sektor yang sangat penting dalam pembangunan masa depan negara kita. Jadi, kita minta supaya pihak kerajaan harus mengembalikannya peruntukan itu walaupun ada masalah yang tidak begitu selesai antara 'Timbalan Perdana Menteri' dengan Menteri Pelajaran.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Batu api yang berupa fitnah.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Kalau inilah kerja yang dibuat oleh sahabat kita sebelah ini menabur fitnah sahaja dan kemudian perkara yang tidak begitu serius difikirkan, cuba merosakkan hubungan, sudah tentu kalau kita *too much politicking*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dia boleh menjejaskan dari segi pertumbuhan. Jadi saya rasa tidak perlulah saya layan saranan yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya dari segi aktiviti pelancongan saya menyokong tahun hadapan mengikut belanjawan negara kita, Tahun Melawat Malaysia tetapi saya ingin bertanya di samping peruntukan yang telah diberikan ini saya berharap supaya Kementerian Pelancongan dan kerajaan – sebab sekarang ini sudah bulan Oktober. Tidak lama lagi 2013. Saya berharap supaya industri pelancongan ini sebab dalam masa akan datang, ianya merupakan penyumbang GDP yang terbesar di negara Malaysia ini terutamanya bagi negeri Sabah. Saya berharap supaya industri pelancongan ini dari segi kemudahan, dari segi peluang contohnya kalau kita melihat paling dekat dengan kita Bangunan Sultan Abdul Samad. Nasib baik dia berdekatan dengan Dataran Merdeka, kalau tidak saya nampak tidak begitu diambil perhatian oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar atau Kementerian Pelancongan.

Jadi saya berharap supaya persiapan kita untuk Tahun Melawat Malaysia ini, dalam industri pelancongan ini supaya kementerian dapat mengambil inisiatif untuk memastikan benda-benda yang ada nilai *heritage* ini. Kalau barangkali Prince William datang melawat ke Parlimen Silam walaupun sebelum ini kita pernah utarakan supaya Parlimen Silam itu menjadi pusat *ecotourism* di kawasan Pantai Timur Negeri Sabah. Akan tetapi Kementerian Pelancongan belum mengambil inisiatif sehinggalah bagaimana manusia seperti Prince William boleh melawat ke Parlimen Silam di Lembah Danum dalam kawasan saya yang sebenarnya Prince William pun, sebelum dia *take-off* daripada Air Port Lahad Datu, dia sempat bercakap bagaimana keindahan semula jadi, bagaimana kebaikan rakyat Malaysia yang bersatu-padu, yang melayan.

Saya berharap pihak-pihak tertentu jangan menggambarkan ataupun bahawa negara kita ini tidak aman sebab *future King of England*, dengan izin, dia sanggup. Jadi saya berharap supaya industri pelancongan ini Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tuan Yang di-Pertua di

kawasan Kota Belud, Bajau yang boleh menunggang kuda. Di tempat lain tidak ada. Jadi ini satu keunikan yang perlu diambil kira oleh Kementerian Pelancongan supaya dengan adanya *diversity* ini yang menjadi kekuatan. Kenapa pelancong suka datang ke Kuala Lumpur kalau mengikut bacaan yang saya perolehi ialah oleh sebab keunikan *diversity* yang ada di Kuala Lumpur itu, makanannya, kebudayaannya. Di situlah "*Malaysia truly Asia*" ini memang sesuai dan saya berharap Kementerian Pelancongan dapat mengambil perhatian yang berat dalam perkara ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang R&D. Saya selalu membahaskan di Dewan yang mulia ini tentang R&D ini penting Tuan Yang di-Pertua sebab kepentingan ini kita boleh tahu macam mana. Contohnya negara kita dalam beberapa sektor kita agak ketinggalan dan yang menghairankan ICT kita agak turun kalau dibandingkan dari segi konsep yang dibuat oleh kerajaan kita, Komputer 1Malaysia telah pun kita edar tetapi kenapa dari segi kesedaran ICT itu masih berkekurangan?

Di sinilah nampak sekali jelas pentingnya supaya kita memberi penekanan kepada bidang R&D dan R&D ini kalau syarikat-syarikat besar Tuan Yang di-Pertua, memang jelas mereka memberi keutamaan sebab mereka tahu dari segi kekuatan yang mereka boleh hadapi, ceburi di masa akan datang dan begitu juga di negara kita ini. Sebelum ini saya pernah mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan kementerian R&D di masa akan datang, kemudian kita mewujudkan R&D itu dalam bidang sosial sebab contohnya barangkali kajian daripada UKM profesor ulung, Dr. Shamsul Amri yang mencadangkan juga supaya wujud R&D sosial yang memungkinkan untuk kita sama-sama mengkaji dari segi kekuatan kita bermasyarakat. Memang terima hakikat bahawa kita ini negara berbilang kaum, maka ini yang perlu dan saya ucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memberi peruntukan sebanyak lebih kurang RM700 juta dalam bidang R&D ini walaupun barangkali belum mencecah RM1 bilion tetapi sekurang-kurangnya Yang Amat Berhormat telah memberi penekanan pentingnya R&D itu dalam pembangunan negara kita menjadi negara maju di masa akan datang.

Terakhir saya ingin menyentuh tentang Bajet 2013 ini Tuan Yang di-Pertua, hubung kait dengan generasi muda ataupun belia. Saya melihat bajet dan belanjawan negara kita 2013 ini sebenarnya banyak menekankan kepada pembangunan modal insan terutamanya yang menjurus terhadap kemajuan para belia kalau dari segi misalnya BR1M 2.0 ataupun kemudahan yang diberikan kepada PTPTN, kemudian kolej-kolej yang dimajukan.

Saya nampak ini jelas sekali, bagaimana kerajaan mengambil tahu sebab contohnya kalau di kawasan Parlimen Silam sejak daripada 47,117 orang pengundi yang berdaftar, 68% pengundi di kawasan saya adalah generasi muda. Jelas sekali bahawa bajet yang dibentangkan ini lebih menumpukan dan saya minta supaya Kementerian Belia dan Sukan dapat mengambil perhatian sebab kerap kali sudah saya minta supaya kompleks sukan dibina

dengan segera di kawasan Parlimen Silam yang mengambil kira juga oleh sebab lebih kurang ada hampir 10,000 orang yang menunggang motosikal yang secara walaupun waktu siang kadang-kadang tidak kelihatan di kawasan Parlimen Silam tetapi ramai generasi muda yang terlibat dalam permotoran ini. Saya mencadangkan supaya Kementerian Belia dan Sukan dapat mengambil perhatian dalam pembinaan kompleks sukan berteraskan kepada pembinaan litar motor yang disesuaikan dengan cita rasa dan kehendak para belia di kawasan saya.

Selain daripada itu juga saya berharap supaya untuk mengisi kemajuan di masa akan datang, saya cadangkan di masa akan datang supaya kementerian atau pun kerajaan memikirkan untuk mewujudkan universiti awam yang kedua di negeri Sabah.

■1200

Saya juga mencadangkan supaya dibina di kawasan Parlimen Silam sebab sebelum ini saya pernah mencadangkan wujudkan Universiti FELDA yang berasaskan kepada penyelidikan dan pembangunan untuk kekuatan dan kemajuan negara Malaysia di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menutup perbahasan saya pada pagi ini dengan membuat perbandingan secara sepintas lalu bagaimana bajet yang telah dibentangkan pada beberapa hari yang lepas yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Pertama sebenarnya jelas sekali bahawa bajet ini telah memberi ruang lingkup ataupun skop golongan rakyat yang mendapat manfaat di mana bajet Barisan Nasional ini merangkumi semua golongan daripada OKU hinggalah kepada korporat. Selain daripada itu juga saya melihat bajet yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini perancangan Barisan Nasional jelas mengambil kira kesan dalam jangka masa panjang dan jangka masa pendek dari segi kekuatan ekonomi negara kita.

Selain daripada itu juga bajet ini telah jelas membuktikan bahawa Barisan Nasional mengambil inisiatif untuk membentangkan bajet yang benar-benar mengambil kira untuk kesejahteraan rakyat dan kemajuan negara. Kita bandingkan ini pula kalau pihak kawan kita di sebelah sana walaupun mereka membentangkan bajet ini tetapi kebanyakan rangka dan kajian mereka hanya dibuat secara umum.

Seterusnya saya melihat bajet ini Tuan Yang di-Pertua sebenarnya telah memenuhi aspirasi masyarakat kita dan negara kita walaupun barangkali ada kelemahan dan kekurangan yang telah diutarakan oleh beberapa pihak dalam kita membincangkan bajet ini. Akan tetapi pada keseluruhannya saya melihat bajet ini benar-benar telah mengambil kira tentang kemampuan dan kekuatan negara kita dalam mentadbir urus ekonomi negara bersesuaian dengan konsep dan kemampuan yang ada pada kita. Saya berharap supaya kita sama-sama membantu untuk memajukan negara kita ini sesuai dengan kemampuan dan acuan kita untuk membolehkan kita sebagai sebuah negara maju yang akan datang dan kita melihat dari segi GDP yang telah diunjurkan oleh kerajaan ini sebenarnya ia bersesuaian dengan kemampuan yang ada pada negara kita.

Kita nampak dari segi kalau pembiayaan untuk jangka masa panjang pun rizab negara kita boleh bertahan sampai tiga, empat, lima bulan. Ini membuktikan walaupun barangkali setengah pihak menganggap kadar rating yang telah diunjurkan oleh pihak tertentu itu ada menggambarkan tetapi bagi saya ia telah mengambil kira semua pandangan pihak untuk memastikannya.

Tuan Yang di-Pertua, Silam mohon menyokong bajet tersebut.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Gombak. Selepas Yang Berhormat Gombak Yang Berhormat Sri Gading.

12.02 tgh.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam reformasi. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbincangan berhubung Belanjawan 2013. Sebelum saya meneruskan perbincangan pada pagi ini izinkan saya memperbetulkan istilah sebenarnya bukan 'bajet', istilah yang tepat ialah 'belanjawan'. Sementara beberapa pengumuman telah pun dibuat dalam Bajet 2013, Menteri Kewangan gagal untuk mengemukakan dasar-dasar fiskal yang dapat memperbetulkan struktur ekonomi negara.

Kebimbangan ini bertambah parah apabila pengumuman-pengumuman yang dibuat termasuk imbuhan-imbuhan kecil dan juga sogokan politik menjelang pilihan raya umum yang ke-13 tidak mengambil kira beban hutang negara yang semakin membengkak. Masyarakat perniagaan melihat secara dekat pembentangan Belanjawan 2013 dan mendapati pengumuman-pengumuman kecil yang dibuat itu tidak mempunyai *multiplier effect* ataupun kesan gandaan ataupun berganda untuk merencanakan kegiatan ekonomi. Rakyat juga ingin mengetahui apakah langkah-langkah fiskal yang diambil untuk mengurangkan hutang negara dengan lebih efektif termasuk usaha menjamin pertumbuhan ekonomi yang lestari dan menjamin pengagihan kek ekonomi secara adil dan saksama.

Dalam usaha mengekang ekonomi yang semakin malap, kita tidak boleh bersandarkan kepada angka unjuran dan statistik semata-mata. Akan tetapi isu *governance* ataupun tata kelola yang baik, ketirisan, *leakages*, kebocoran, pembaziran, akauntabiliti dan ketelusan merupakan paksi penting dalam belanjawan sesebuah negara. Ini memerlukan tekad politik dan komitmen yang cukup jelas. Namun di dalam belanjawan yang dibentangkan, dimensi ini dipadamkan sama sekali dalam pembentangan tersebut.

Bajet 2013 juga gagal mengungkapkan unjuran serta situasi ekonomi global. Kegagalan ini boleh menyumbang kepada kemungkinan unjuran yang terkandung dalam Belanjawan 2013 akan mengalami nasib yang sama iaitu tersasar daripada unjuran asal. Kita harus sedar bahawa ekonomi Malaysia adalah ekonomi yang terbuka dan sudah tentu ia

mempunyai kesan langsung akibat ekonomi global yang tidak menentu dan kegagalan untuk mengungkap situasi ekonomi global ini pastinya akan menjejaskan keupayaan ekonomi domestik untuk menjana pertumbuhan yang lestari demi kepentingan masa depan.

Apakah Yang Berhormat Menteri Kewangan bimbang dengan berkongsi unjuran ekonomi dunia maka akan terdedah bahawa ekonomi Malaysia tewas dalam persaingan. *Global Competitiveness Report 2012 and 2013* menunjukkan kegagalan kerajaan untuk merangsang pertumbuhan ekonomi negara. Laporan yang dikeluarkan oleh *World Economic Forum* mengukuhkan lagi hujah bahawa kerajaan gagal menjana daya saing ekonomi negara melalui pelaburan dalam sektor strategik demi masa hadapan.

Menurut laporan *Market Watch*, Filipina dan Indonesia dilihat muncul sebagai harimau ekonomi Asia Tenggara yang baru. Hutang Kerajaan Persekutuan Indonesia sekitar 25% daripada KDNK dan Filipina pula sekitar 41% daripada KDNK. Manakala hutang negara kita sudah hampir mencecah 55% daripada KDNK. Menteri Kewangan juga menyentuh isu KDNK dengan menyatakan pertumbuhan ekonomi negara akan berkembang pada kadar 4.5% sehingga 5.5% dan melepasi paras RM1 trilion.

Namun kerajaan gagal untuk menerangkan bahawa kedudukan KDNK sesebuah negara bergantung kuat kepada prestasi ekonomi negara yang menyumbang ke arah ekonomi negara yang lebih baik. Kita tidak dapat menyangkal fakta bahawa negeri Selangor merupakan penyumbang terbesar iaitu 23% daripada KDNK hasil daripada tata kelola pentadbiran yang baik dan telus. Malangnya Selangor hanya menerima sejumlah RM364 juta untuk tempoh daripada Januari 2012 sehingga September 2012.

Oleh sebab itu saya terkejut dengan kenyataan yang dibuat oleh sahabat saya Yang Berhormat Kota Belud yang mengatakan Selangor telah menerima RM67 bilion. Saya tidak tahu fakta mana yang diguna oleh Yang Berhormat Kota Belud yang dipinjam daripada Yang Berhormat Rembau. Maka pada pagi ini Tuan Yang di-Pertua saya ingin pencerakinkan pemberian persekutuan kepada Kerajaan Negeri Selangor mengikut Perlembagaan yang sedia ada memang wujud pemberian persekutuan kepada semua kerajaan negeri dalam tujuh jenis pemberian iaitu:-

- (i) jalan raya ataupun MARRIS;
- (ii) pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan hidup;

■1210

- (iii) pemberian bayaran perkhidmatan 10% kerana penglibatan kakitangan kerajaan negeri dalam melaksanakan projek persekutuan;
- (iv) pemberian perbelanjaan menguruskan jabatan persekutuan secara bersama seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat, Majlis Sukan Negeri dan juga JPS;

- (v) pemberian tahunan;
- (vi) pemberian mengikut bilangan penduduk atau sering disebut sebagai *capitation grant*; dan
- (vii) pemberian pertambahan hasil.

Untuk tahun 2012 ini Tuan Yang di-Pertua, Negeri Selangor hanya menerima RM364 juta. Malahan beberapa jenis pemberian yang termaktub dalam Perlembagaan yang menuntut Kerajaan Persekutuan untuk menyerahkan dan memberikan kerajaan Negeri Selangor masih belum diserahkan. Pemberian berdasarkan tahap pembangunan ekonomi yang dianggarkan berjumlah RM16 juta sehingga hari ini Kerajaan Pusat belum menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Begitu juga pemberian perbelanjaan mengurus Jabatan Persekutuan yang berjumlah RM31 juta. Sehingga hari ini, Kerajaan Persekutuan gagal menyerahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor. Pemberian pertambahan hasil yang dianggarkan RM24 juta sehingga hari ini Kerajaan Persekutuan gagal menyerahkan Kerajaan Negeri Selangor.

Ini sekali lagi membuktikan bahawa andaian angka yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud itu tidak berasas. Sekiranya beliau mendakwa bahawa yang dimaksudkan ialah pembayaran emolumen ataupun gaji Kerajaan Persekutuan kepada kerajaan negeri, saya telah menyemak dengan Bendahari Negeri Selangor dan juga pegawai kewangan negeri tidak ada satu sen pun peruntukan Kerajaan Persekutuan yang dibayar untuk tujuan emolumen ataupun gaji anggota perkhidmatan awam di negeri Selangor.

Untuk tujuan pembangunan, kalau itulah alasan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Rembau sukacita saya ingin nyatakan di sini memang ada peruntukan yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan pada setiap tahun melalui kementerian dan agensi yang harus dioptimumkan penggunaannya melalui pelaksanaan projek dan juga program yang dirancang di peringkat kementerian dan agensi yang berkenaan.

Sebagai langkah dalam usaha untuk memperkukuhkan penyelarasan dan juga pelaksanaan, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan suatu agensi penyelarasan atau disebut sebagai ICU yang berperanan untuk menyelaras, melaksana, memantau dan menilai keberkesanan program dan projek Kerajaan Persekutuan di peringkat negeri. Mengikut arahan nombor 1 2010, untuk memastikan pemantauan, pelaksanaan pembangunan dapat diselaraskan, suatu majlis tindakan negara telah dibentuk di peringkat pusat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Manakala di peringkat negeri majlis tindakan negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar dan diurusetikan oleh ICU. Di peringkat pelaksanaan pula Tuan Yang di-Pertua, Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri yang dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri diwujudkan dan juga diurusetikan oleh ICU. Malangnya hal seperti ini tidak berlaku di negeri Selangor. Majlis Tindakan Negeri tidak mendapat kerjasama langsung daripada ICU.

Maka kerajaan ini telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Tindakan Negeri Selangor, tetapi ianya diurusetikan Unit Perancang Ekonomi Negeri dan tidak mendapat kerjasama daripada ICU di mana senarai projek-projek persekutuan yang dilaksanakan di Selangor tidak diberikan kepada kerajaan negeri bagi tujuan pemantauan dan ianya berlaku semenjak tahun 2008. Bagi saya ini adalah satu pengkhianatan kepada prinsip federalisma yang menjadi asas pentadbiran negara kita.

Saya ingin mencabar kepada Yang Berhormat Kota Belud dan Yang Berhormat Rembau, sekiranya benar Kerajaan Negeri Selangor mendapat sejumlah RM67 bilion dalam bentuk pembangunan, kita ingin tahu di mana projek itu sekarang? Sebab Audit Negeri Selangor menjalankan audit ke atas Belanjawan Negeri Selangor yang berjumlah RM1.6 bilion. Maka kita ingin tahu siapakah yang menjalankan audit ke atas projek-projek yang kononnya disalurkan oleh Kerajaan Pusat kepada Kerajaan Negeri Selangor.

Saya telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar semalam dan beliau telah bersetuju untuk meminta Kerajaan Persekutuan menyenaraikan projek-projek yang dikatakan berjumlah lebih RM60 bilion yang disalurkan kepada kerajaan negeri dan kita akan melakukan audit terbuka dengan melantik juruaudit bertauliah untuk melihat siapa yang mendapat projek-projek berkenaan... [Tepuk] Sekiranya dikatakan projek-projek ini mendapat manfaat kepada rakyat negeri Selangor, sudah tentulah rakyat negeri Selangor juga berhak untuk mengetahui siapa sebenarnya yang dianugerahkan projek tersebut, apa nilai kos projek tersebut, apakah dijalankan secara tender terbuka ataupun *direct nego* dengan kroni-kroni UMNO dan Barisan Nasional dan ini semua boleh dibuat secara terbuka melalui pelantikan juruaudit bertauliah yang akan ditanggung oleh sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi menjaga kepentingan rakyat dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, perumahan satu keperluan asas dan ianya adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Kerajaan negeri sekadar menyediakan tanah untuk tujuan pembangunan. Namun sekali lagi pada tahun 2008, tanggungjawab ini telah dikhianati oleh Kerajaan Pusat atas hukuman yang diberikan kepada negeri-negeri di bawah Pakatan Rakyat dengan tidak menyediakan sejumlah peruntukan yang jelas bagi tujuan menyediakan rumah mampu milik. Kerajaan negeri terpaksa melalui PKNS (Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor) menyediakan sejumlah peruntukan bagi memenuhi pasaran dan keperluan semasa.

Walau bagaimanapun, jumlah ini masih tidak mencukupi memandangkan permintaan yang tinggi untuk rumah kos rendah dan mampu milik. Untuk tujuan pembinaan rumah kos rendah dan mampu milik bagi tahun 2012 sehingga 2021, Kerajaan Negeri Selangor menganggarkan peruntukan yang besar demi menanggung subsidi sejumlah RM1.1 bilion. Jumlah subsidi yang besar ini adalah untuk membina 12,242 unit rumah. Hal ini adalah disebabkan kos pembinaan yang tinggi dan harga jualan yang rendah dan bagi memastikan harga jualan memenuhi kemampuan kumpulan sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan Pakatan Rakyat telah menyatakan komitmen kita bahawa perumahan merupakan tanggungjawab nasional di mana kita akan membangunkan projek perumahan awam secara besar-besaran di seluruh negara melalui penubuhan Lembaga Perumahan Negara dengan peruntukan awal sejumlah RM5 bilion dan suntikan lanjut RM2 bilion pada tahun kedua hinggalah tahun kelima setiap tahun. Berbanding dengan bajet yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan yang memberikan kuasa penuh kepada PR1MA yang merupakan satu badan swasta yang sudah tentulah bagi mereka keuntungan adalah faktor utama dan bukannya kepentingan rakyat khususnya yang berpendapatan rendah.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh perkara 1MDB ataupun 1Malaysia Development Berhad yang diberikan peranan untuk menguruskan aset komersial milik kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik.

■1220

1MDB baru-baru ini telah membeli penjana kuasa bebas ataupun IPP milik Mastika Lagenda Sdn. Bhd. yang memiliki 75% saham Genting Sanyen dengan harga RM2.55 bilion yang menyaksikan harga premium dengan nilai enam kali ganda lebih tinggi daripada nisbah harga buku purata saham penjana kuasa lain di rantau ini. Urus niaga ini telah menimbulkan pelbagai persoalan yang perlu dijawab kerajaan. Persepsi umum ialah wang diperlukan sebagai dana UMNO menjelang pilihan raya yang ke-13. Saya akan jelaskan Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat ada ruang untuk menjawab dan menyanggah hujah-hujah saya.

1MDB membeli Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. dengan kos pembelian saham bernilai RM8.5 bilion sedangkan kos bagi menubuhkan IPP tersebut 15 tahun dahulu adalah RM8.9 bilion. Sudah tentulah setelah lima belas tahun IPP ini terbentuk, nilainya akan susut. Mengapa 1MDB masih membayar harga yang begitu tinggi kepada Tanjong Energy Holdings Sdn. Bhd. yang dimiliki oleh kroni UMNO, Ananda Krishnan. 1MDB juga merupakan sebuah syarikat pelaburan, sudah tentulah mahu melihat pulangan yang baik untuk kerajaan yang akan memberikan manfaat kepada rakyat keseluruhannya. Akan tetapi persoalannya, mengapa 1MDB melabur dalam syarikat yang kontraknya sudah hampir tamat dengan nilai kontrak yang terlalu tinggi dan di luar amalan tata kelola yang baik. 1MDB telah mengambil alih Syarikat Mastika Lagenda dan Tanjong, Mastika memiliki loji jana kuasa generasi pertama yang mempunyai kapasiti 700 megawatt. Manakala Tanjong Energy memiliki loji jana kuasa generasi pertama yang mengeluarkan 40 megawatt dan juga loji jana kuasa generasi kedua yang mengeluarkan 700 megawatt.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan ataupun kejituan, ketepatan upaya loji jana kuasa generasi pertama sudah tentulah tidak sebaik dengan generasi kedua. Turbin gas di kedua-dua IPP ini telah beroperasi lebih kurang lima belas tahun. Persoalannya, mengapa 1MDB melabur dalam IPP yang sudah kurang keberkesanannya, keupayaannya dari segi *efficiency* dan kemampuan turbin gas yang sudah beroperasi lebih 15 tahun. Saya difahamkan 1MDB secara

senyap-senyap akan diberikan lanjutan tempoh kontrak selama 10 tahun lagi. Maka nilai yang tinggi atau nilai premium yang dibayar oleh 1MDB kepada Mastika Lagenda dan Tanjong Energy itu, saya ingin tahu daripada kementerian, berdasarkan nilai semasa ke atas kontrak yang hampir luput atau mengambil kira nilai kontrak baru yang disambung selama 10 tahun lagi. Kalau itu pertimbangan yang diberikan oleh 1MDB, saya ingin bertanya bagaimana 1MDB boleh membayar premium kepada Mastika Lagenda dan Tanjong Energy dengan andaian mereka akan diberikan lanjutan kontrak selama 10 tahun sedangkan kerajaan belum lagi membuat keputusan penyambungan.

Sekiranya kerajaan berhasrat untuk memberi layanan istimewa kepada 1MDB yang tidak mengejutkan dengan menyambung kontrak selama 10 tahun lagi, ianya bermakna kos tambahan yang perlu dibayar oleh TNB. Apakah TNB sudah diberikan peluang untuk berbincang berhubung perkara ini. Sekali lagi, 1MDB mendapat perlindungan khas, perlindungan istimewa daripada kerajaan UMNO untuk memaksa TNB membayar kos yang tinggi hasil penyambungan kontrak selama 10 tahun dan ini pastinya akan membebankan pengguna kerana kos tersebut pasti akan dipindahkan kepada pengguna khususnya rakyat biasa. Maka kerajaan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa TNB mempunyai keupayaan untuk menerima lanjutan kontrak tanpa memberi kesan kepada kadar tarif yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, persoalan-persoalan ini akan mengundang persoalan yang lebih besar iaitu sama ada pengguna akan terus dibebankan dengan kadar tarif yang baru, yang lebih tinggi atau yang akan diteliti semula oleh kerajaan. Sekiranya kerajaan mempunyai hasrat untuk mengkaji semula kadar tarif yang terkandung dalam PPA ataupun *Purchasing Power Agreement*, sudah tentulah ia membawa makna untuk meneliti kadar yang tinggi supaya kadar ini diturunkan. Sekiranya kerajaan berhasrat untuk mengkaji dan berunding atau *enter into agreement* ataupun *negotiation*, sudah tentu ianya bermaksud untuk mengurangkan harga daripada harga sekarang. Maka kalau inilah hasrat kerajaan, ianya menjadi satu perkara yang pelik kerana pada masa yang sama, 1MDB membayar premium dan nilai yang terlalu tinggi kepada Mastika Lagenda dan Tanjong Energy.

Kerajaan harus meyakinkan pasaran bahawa tanpa penyambungan kontrak akan menyebabkan kekurangan bekalan ataupun *shortage*. Kerajaan perlu menyatakan hujah yang dapat menyokong alasan tersebut. Saya ingin mendapatkan penjelasan tentang unjuran kepada permintaan dan pembekalan ataupun *forecast on the demand and supply*. Saya juga ingin tahu siapakah sebenarnya badan yang bertanggungjawab untuk menyediakan unjuran ini sama ada Suruhanjaya Tenaga atau Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi atau TNB. Menurut pandangan saya,...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Gombak, minta mencelah sedikit. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Gombak sama ada

segala pembutiran tentang pembelian ini dan apa yang dianggap sebagai *internal rate of return* bagi pembelian loji-loji penjana kuasa milik Tanjung dan Mastika Lagenda ini telah pun dikemukakan untuk tatapan umum. Dalam keadaan 1MDB ini adalah merupakan badan yang menggunakan duit rakyat sama ada ianya dilakukan dengan cara yang telus dan terbuka ataupun ianya dilakukan secara senyap di mana segala angka-angka ditutup dan tidak didedahkan untuk tatapan umum.

Sekiranya itulah yang dilakukan, maka tidakkah ianya merupakan satu pengkhianatan kepada rakyat Malaysia di mana pihak 1MDB ini telah melibatkan perbelanjaan yang begitu tinggi membeli loji-loji daripada sebuah syarikat yang kontraknya pun sudah hendak habis. Sepatutnya kalau dilihat dari sudut perniagaan, dalam keadaan yang terdesak sebegitu rupa, pihak 1MDB boleh menekan untuk mendapatkan harga yang terendah dalam keadaan tidak ada jaminan bahawa kontrak yang baru akan diberikan. Apakah yang akan dilakukan oleh pihak Ananda Krishnan dengan loji-loji dan peralatan-peralatan yang buruk ini kalau tidak dibeli oleh pihak 1MDB. Adakah dengan tindakan yang dilakukan ini, boleh dikatakan bahawa kepentingan rakyat dan negara diabaikan demi kepentingan kroni. Apa pandangan Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Shah Alam, persoalan yang dibangkitkan merupakan persoalan yang menjadi perbualan umum sekarang dalam masyarakat sama ada di belah sini mahupun di belah sana. Saya bertemu ramai pimpinan di dalam UMNO dan Barisan Nasional juga menjadi bingung dan tidak faham mengapa urusan niaga seperti ini yang tidak telus masih diteruskan. Kita lihat Perdana Menteri menegaskan bahawa semua urusan, mengambil kira *principe value for money*. Mengapa perkara seperti ini tidak diambil kira dalam pembelian loji penjana kuasa oleh 1MDB. Jadi sebab itu saya sebut daripada awal tadi Yang Berhormat Shah Alam, kerajaan bertanggungjawab untuk mencerakinkan yang menyatakan di dalam Dewan ini bagaimana urusan niaga ini dijalankan.

■ 1230

Bagi saya, sekiranya ada keperluan untuk 1MDB terlibat dalam pelaburan loji penjana kuasa, mengapa 1MDB sebagai milik penuh kerajaan tidak membeli loji penjana kuasa yang dimiliki oleh TNB? Maka aliran kewangan itu akan berlaku di antara agensi kerajaan dengan kerajaan. Sekarang, premium yang dibayar itu jatuh ke dalam tangan *private companies* milik kroni UMNO dan Barisan Nasional dan jumlahnya bukan sedikit Tuan Yang di-Pertua. Ini wang pembayar cukai yang tidak mengikut amalan tata kelola yang baik dan sudah tentulah persepsi umum ini adalah wang yang diperlukan untuk pilihan raya yang ketiga belas...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun].

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya berminat melihat 1MDB ini bercita-cita untuk masuk ke industri penghasilan tenaga ini, nak menjadi IPP juga. Dengan kos yang begitu tinggi untuk suatu industri ataupun satu IPP yang sudah berumur 15 tahun dengan kebolehan ataupun dengan keupayaan generasi pertama yang disebutkan tadi, apakah tidak lebih baik kalau seriusnya 1MDB ini ingin terlibat dalam industri ini, mereka memikirkan untuk membina suatu loji baru yang jauh lebih moden dengan keupayaan lebih baik. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Gombak?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai yang membangkitkan perkara ini. Sekiranya 1MDB berhasrat untuk terlibat dalam pelaburan loji penjana kuasa, saya ingin melontarkan persoalan tambahan. Apakah mereka ada keupayaan dan kepakaran dalam bidang ini. Oleh sebab itu kita mesti terikat sekali lagi dalam proses pembidaan secara terbuka untuk melihat keupayaan-keupayaan syarikat-syarikat yang lain dalam usaha kerajaan untuk memberikan lesen-lesen baru sekiranya alasannya ada *shortage* ataupun kekurangan bekalan. Lanjutan daripada ini, saya juga ingin bertanya dalam Dewan yang mulia ini mengenai maklumat yang saya dapat daripada pihak kerajaan juga, Tuan Yang di-Pertua, 1MDB juga telah dijanjikan satu lagi lesen penjana kuasa di Butterworth yang baru walaupun ianya dijalankan secara tender terbuka untuk menutup mata rakyat tetapi sudah ada arahan yang diberikan kepada pegawai-pegawai yang terlibat supaya melakukan *spec* itu, terma-terma itu mengikut cadangan yang dikemukakan oleh 1MDB. Sebenarnya tender terbuka ini juga terbuka kepada manipulasi dan penyelewengan dengan menyediakan terma-terma dan garis panduan yang selari dan sealiran dengan cadangan yang dikemukakan oleh 1MDB...

Tuan Yang di-Pertua: Lima minit lagi. Yang Berhormat Gombak, lima minit lagi.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Lima minit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maka saya ingin bertanya apakah benar 1MDB akan dianugerahkan satu lesen baru iaitu lesen loji penjana kuasa di Butterworth dalam masa yang terdekat ini? Berhubung perkara yang sama, saya juga ingin merujuk dan menarik perhatian Dewan bahawa ada dua bentuk kontrak yang ditandatangani oleh IPP di Malaysia ini. Satu, dia disebut sebagai kapasiti caj. Ini dibayar oleh semua IPP tetapi satu lagi, dia menggunakan terma *take and pay contract* oleh YTL. Kita ada lima IPP di Malaysia ini Tuan Yang di-Pertua YTL, Malakoff, PD Power, Mastika, Lagenda dan Tanjong Energy. Mastika dan Tanjong telah diambil alih oleh 1MDB. Ada tiga yang lain iaitu YTL, Malakoff dan Pd Power.

Semua ini menggunakan terma pembayaran kapasiti caj kepada TNB tetapi YTL ini dia ada satu kuasa baru, anak emas kepada UMNO di mana dia menggunakan terma *take or pay*. Maknanya TNB ambil kena bayar, TNB tak ambil pun kena bayar. Jadi saya nak tanya kerajaan UMNO dan Barisan Nasional yang didukung oleh Yang Berhormat Sri Gading dan

Kinabatangan, mengapa YTL diberikan layanan yang begitu hebat. *Take or pay*. Mana ada dalam dunia ini menggunakan terma pembayaran tersebut...

Seorang Ahli: YTL bumiputera.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Apa? Oh! YTL bumiputera? Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya baru dimaklumkan YTL ini adalah syarikat bumiputera oleh UMNO dan Barisan Nasional. Oleh sebab itu dalam Belanjawan Pakatan Rakyat yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh, sekiranya dan *insya-Allah* kita sampai ke Putrajaya, kita akan panggil semua pengamal-pengamal tenaga ini dan kita akan *review* kadar tarif supaya ianya memberi manfaat kepada rakyat bukan kepada tauke... [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya nak merujuk kepada *Tun Razak Exchange* ini. Saya pelik kenapa tak disebut *Sri Gading Exchange* ataupun *Kinabatangan Exchange* tapi digunakan nama "*Tun Razak Exchange*", dan diberikan pelepasan cukai sepuluh tahun.

Apa yang diumumkan oleh Perdana Menteri ialah mana-mana syarikat yang melabur dan memiliki hartanah dalam TRX ini mendapat *tax holiday* selama sepuluh tahun. Insentif ini Tuan Yang di-Pertua, setahu saya yang kerdil ini, diberikan kalau pembangunan itu di kawasan luar bandar untuk tarik pelabur masuk ke kawasan luar bandar ataupun untuk teroka teknologi baru tetapi ini pembangunan hartanah di dalam Kuala Lumpur. Dengan memberikan *tax incentive* kepada pelabur-pelabur ini yang terdiri daripada kroni-kroni UMNO, akhirnya ianya akan membunuh pembangunan hartanah di dalam Kuala Lumpur juga yang tidak mendapat insentif yang sama.

Mengapa TRX diberikan layanan istimewa? Kerajaan namanya *Tun Razak Exchange*? Mengapa tidak dibuat *Sri Gading Exchange* di Johor memberikan insentif yang sama? Mengapa di dalam Bandaraya Kuala Lumpur diberikan 10% pengecualian cukai kepada syarikat berstatus TRX? Ianya pasti akan membunuh pembangunan harta tanah di sekitarnya...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: [*Bangun*].

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Akhirnya saya nak sentuh soal ...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Soalan, ringkas sahaja. Adakah ini disebabkan daya tarikan untuk melabur di Kuala Lumpur itu sendiri pun sudah pudar sehingga terpaksa diberikan *tax incentive* yang sebegini? Apa pandangan Yang Berhormat Gombak?

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Yang Berhormat Gombak, pada pandangan saya, pelabur bukan tak minat melabur di Kuala Lumpur, pelabur sudah tidak berminat datang ke Malaysia kerana kerajaan yang korup, sistem yang bobrok, tidak telus dan saya dalam pertemuan saya dengan pelabur-pelabur asing, mereka telah menyatakan sekiranya Pakatan Rakyat sampai ke Putrajaya, mereka akan datang melabur di negara ini, *insya-Allah*... [*Dewan riuh*].

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya nak bangkitkan soal laporan yang dibuat oleh *World Economic Forum* tentang *Global Gender Gaps Index 2011* yang dilaporkan baru-baru ini

di mana laporan ini dibuatkan berdasarkan tiga kriteria asas iaitu penglibatan dan peluang wanita dalam soal ekonomi, kesihatan serta partisipasi dalam urusan pembuatan keputusan. Berdasarkan laporan ini, Malaysia berada di tangga ke 97 daripada 135 negara. Berdasarkan kriteria yang dibuat, Malaysia berada di tangga 115 di belakang Sri Lanka. Sri Lanka di tangga ke tujuh, Bangladesh 11, Filipina 16, India 19, Thailand 60 dan Indonesia 90. Malaysia 115. Apakah sebagai Menteri Wanita, Perdana Menteri gagal untuk memberdayakan wanita Malaysia? Ini membuktikan bahawa wanita perlu diberikan pengiktirafan sebagai ejen perubahan dan pemangkin ekonomi negara dan saya mengucapkan tahniah kepada wanita Pakatan Rakyat... [*Tepuk*] yang telah mencetuskan gagasan baru dalam agenda wanita Malaysia dan kita telah memperuntukkan jumlah RM3 bilion untuk memberdayakan wanita di Malaysia berbanding dengan kerajaan UMNO yang memperuntukkan hanya 50 juta dalam Bajet 2013.

■1240

Jadi akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih, Belanjawan Pakatan Rakyat 2013 bertemakan "Ekonomi Rakyat Negara Berkat" adalah tekad politik untuk mengembalikan kebijakan ekonomi bagi memacu pertumbuhan yang lestari dan pengagihan kekayaan yang saksama. *Insya-Allah* kita yakin dengan sokongan rakyat yang semakin kuat dengan Pilihan Raya Umum yang ke-13, Pakatan Rakyat akan tiba di Putrajaya dan agenda reformasi ekonomi Pakatan Rakyat akan mengembalikan Malaysia sebagai kuasa ekonomi yang mampu bersaing di peringkat global dengan tertubuhnya kerajaan baru Pakatan Rakyat Milik Rakyat. Terima kasih. [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Sri Gading.

12.41 tengah hari.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang berucap ini Timbalan Perdana Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Bismilaahir Rahmaanir Rahiim. [Membaca selawat ke atas Nabi SAW].* Tuan Yang di-Pertua, orang berbudi kita berbahasa Tuan Yang di-Pertua, orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa.

Tuan Yang di-Pertua, orang tua-tua kita memberi pengajaran yang sangat baik kepada kita. Banyak pengajaran orang tua-tua kita yang harus kita turuti, yang harus kita teladani untuk menjadikan hidup ini Tuan Yang di-Pertua benar-benar bererti. Bukan hanya semata-mata menyalahkan orang lain. Diri sendiri yang tidak pernah melihat cermin, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak dipersatu-satukan terlalu banyak silap dan salah, segala dosa yang kita lakukan. Maka itu cerminlah diri sendiri sebelum menuding jari ke muka orang yang lain.

Rakyat di Parlimen Sri Gading Tuan Yang di-Pertua. Rakyat di Parlimen Sri Gading yang saya wakili Tuan Yang di-Pertua seperti juga rakyat di seluruh negara termasuk yang ada

di Gombak, di Pokok Sena Tuan Yang di-Pertua, seluruhnya melahirkan rasa syukur ke hadrat *Allah S.W.T.* Melahirkan rasa syukur Tuan Yang di-Pertua dan berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kenyataan yang tidak boleh dinafikan. Pada jam 6.15 petang Jumaat, 28 September yang lalu Tuan Yang di-Pertua, sebaik-baik sahaja selesai Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan selesai membentangkan Bajet 2013 mereka menganggap inilah bajet yang terbaik, Tuan Yang di-Pertua. [*Dewan riu*]

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sejak daripada Zaman Nabi Adam itu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang terbaik di kalangan bajet terbaik sejak 55 tahun negara merdeka, Tuan Yang di-Pertua. Ini bagi orang yang hendak menilai dengan hati nurani, Tuan Yang di-Pertua. Memandang dengan mata hati bukan dengan perasaan iri hati, sakit hati, benci, hasutan, dengki Tuan Yang di-Pertua. Rasa takut dan gubra cita-cita hendak ke Putrajaya akan tersangkut di tengah-tengah jalan. Sangkut baik cukup-cukup jauh di Kepong sahaja Tuan Yang di-Pertua. [*Ketawa*]. *Astaghfirullahalazim*, Tuan Yang di-Pertua.

Mereka yakin dan percaya, siapa? Siapa yakin dan percaya? Seluruh rakyat, Tuan Yang di-Pertua, kot kalau ada dua tiga orang di Parlimen mempertikaikan dia tidak menjadi kudis, Tuan Yang di-Pertua *al-maklum* Pembangkang kerjanya lain tidak ada cuma membangkang. Allah..[*Ketawa*]. Membangkang, membangkang seekor ayam pun tidak terjual Tuan Yang di-Pertua kalau kita bersikap seperti itu Tuan Yang di-Pertua.

Rakyat yakin Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Gombak jangan tanyalah soal kroni. Tanya Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak lebih faham apa erti kroni satu ketika dahulu.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat. Terima kasih. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Sri Gading, ini penting. Saya baca dalam akhbar dan saya baca dalam *Portal News*, sekarang ini dijadikan isu kenyataan daripada Ketua Pembangkang kononnya waktu dia membahaskan belanjawan, Perdana Menteri tidak ada dalam Dewan Rakyat. Saya bangkit perkara ini sebab hari Ketua Pembangkang berucap saya tengok Perdana Menteri ada di pejabat di bangunan Parlimen.

Dalam Parlimen, Pejabat Perdana Menteri ada TV. Dia boleh tengok perbahasan dalam kaca mata TV. Kemudian dia boleh sambil itu dia boleh buat kerja sebagai seorang Perdana Menteri dan waktu Ketua Pembangkang menjadi Menteri Kewangan dahulu saya ingat saya sudah menjadi Ahli Dewan Rakyat. Sesudah dia bentang belanjawan Ketua Pembangkang waktu itu Ahli Parlimen Ipoh Timur berucap Ketua Pembangkang, dia pun tidak ada. Dia masuk dia keluar begitu sahaja, dia pun tidak ada. Jadi sekarang ini dia pun tidak ada. Dia cabut pergi ke Paris sudah tidak hendak dengar apa yang Ahli Parlimen Sri Gading berucap. Jadi apa cerita seumpama ini tidak lebih daripada menggambarkan betapa kecewanya puak-puak ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Hendak jawab satu-persatu panjang. Saya terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas masuk sahajalah ucapan itu dalam ucapan saya. Perdana Menteri sibuk, Tuan Yang di-Pertua. Menguruskan negara dan rakyat 28 juta ini bukan kepalang beratnya Tuan Yang di-Pertua. Ketua Pembangkang apa, cuma tahu membangkang soal membangkang bukanlah satu tugas yang berat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan. Terima kasih rakan saya. Saya terpanggil dengan satu perkataan kroni. Kalau Yang Berhormat rakan saya sedar dahulu kita ini pun kroni, Yang Berhormat Gombak ini. *[Ketawa]* Dalam dunia ini kalau satu pemerintah tidak ada kroni dia akan labakan musuh dia, itu nama dia dengan pepatah Melayu, "Ambil kayu minta pukul kepala sendiri". *[Dewan riuh]*

Jadi oleh kerana itu soal kroni dalam DAP sendiri pun bapa ada, anak ada, itu pun kroni. Dalam PKR bapa ada, anak ada, emak ada, itu pun kroni. Jadi apa pandangan Yang Berhormat soal kroni rasa saya di Selangor pun, Pulau Pinang, di Kedah, di Kelantan pun semua kroni. Jadi tidak ada kita ini dua kali lima sahajalah. Jangan lagi memikirkan hasrat bahawa kalau kita pemerintah kroni kita tidak ada. Itu temberang orang Sabah cakap.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cuma hendak betulkan sedikit Yang Berhormat Kinabatangan, bukan dua kali lima itu kita sama, dua kali lima itu dia dan dia, bukan kita. *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, boleh beri saya dua jam Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan ketawa]*.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat Sri Gading, Sri Gading 'dia maha kaya' saya hendak tahu siapa, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Minta maafah sedikit Yang Berhormat Pasir Mas. Rakyat yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, bukan macam Yang Berhormat Seputeh. Baru sampai.

■1250

Ahli Parlimen bermula pukul 10 pagi, dekat pukul 1 petang baru sampai. Ini jenis apa punya Ahli Parlimen? *[Dewan riuh][ketawa]*

Akan datang tolak sahaja Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh][Ketawa]* Duduklah duduk.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Tuan Yang di-Pertua, tengok sebelah sana siapa datang?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk, duduk. *[Ketawa]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Saya terpaksa lewat kerana kena pergi ke mahkamah hendak saman *Utusan Malaysia*.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seputeh ini kawan lama saya Tuan Yang di-Pertua. Boleh bergurau dengan dia, boleh bergurau, tidak ada masalah bukan? *[Disampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Itu sebab Ahli-ahli Yang Berhormat, tuduh-menuduh ini kadang-kadang tidak baik. Ini kerana kadang-kadang kita ada alasan yang benar, betul. Jadi hentikan tuduh-menuduh itu. Lain itu cuma sini sahaja, bergurau tidak apa.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya, gurau Tuan Yang di-Pertua, gurau, gurau. Sahabat lama Tuan Yang di-Pertua, bergurau sahajalah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lagi pun hendak bergaduh dengan Yang Berhormat Seputeh buat apa Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]* Gurau sahajalah. Okey, Tuan Yang di-Pertua.

Mereka yakin dan percaya Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum membentangkan Bajet yang dikatakan oleh Yang Berhormat Gombak belanjawan, ia samalah bagi saya. Belanjawan atau bajet samalah. Dahulu Menteri Kewangan guna perkataan belanjawan. Tidak pedulilah! Asalkan kita faham sudahlah Tuan Yang di-Pertua.

Mereka tertunggu-tunggu Tuan Yang di-Pertua. Oh, hebatlah! Hebat bajet yang akan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mewakili rakyat dan kerajaan ditunggu-tunggu oleh rakyat Tuan Yang di-Pertua. Itu sebabnya pada petang 28 hari bulan itu Tuan Yang di-Pertua, berjuta rakyat menunggu di TV. Mereka gembira Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Sri Gading, sikit sahaja Yang Berhormat Sri Gading. Sikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Yang Berhormat Sri Gading menyebut soal kehebatan ucapan belanjawan, ucapan bajet Perdana Menteri. Rakyat tertunggu-tunggu bajet Perdana Menteri kata Yang Berhormat Sri Gading tadilah. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Sri Gading. Ucapan bajet Yang Berhormat Sri Gading yang lepas, ucapan bajet kali ini nampaknya serupa sahaja. Akan tetapi yang sebenarnya ayat tunggu ini ialah tarikh pilihan raya. Jadi kalaulah sebut kehebatan bajet yang lepas, bajet yang kini tetapi tarikh pilihan raya yang sedang dinanti-nantikan oleh rakyat Malaysia belum berani lagi Perdana Menteri umumkan. Apa pandangan Yang Berhormat Sri Gading?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Pilihan raya ini lima tahun sekali Tuan Yang di-Pertua. Sabarlah. Sabarlah, macam tak sabar-sabar menunggu kekalahan Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Astaghfirullahal'zim. Sabar sahajalah. Ada masa lagi kita bertugas, syukurlah Tuan Yang di-Pertua. Dapatlah gaji yang penuh di Parlimen ini Tuan Yang di-Pertua. Mereka gembira Tuan Yang di-Pertua. Rasa lega Tuan Yang di-Pertua, rakyat Tuan Yang di-Pertua. Ada suatu kepuasan Tuan Yang di-Pertua dipamerkan oleh rakyat selepas mendengar ucapan bajet tersebut. Mereka sebenarnya menghargai sangat apa yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam usaha memakmurkan negara.

Dalam usaha memakmurkan negara, menyejahterakan rakyat, janji ditepati. Ini masalah kita dengan pihak sana. Kadang-kadang janji bulan dan bintang, mereka sebenarnya memang tahu tidak akan dapat memenuhi janji mereka kerana mereka tidak akan memerintah. Akan tetapi kita yakin dengan sokongan rakyat, kita akan memerintah dan janji yang kita lakukan telah pun terbukti, Yang Amat Berhormat perdana Menteri tepati pada masa-masa yang telah lalu. *Insyah-Allah* janji dalam bajet ini akan ditunaikan, akan dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kemakmuran negara dan kesejahteraan rakyat ini difikir Tuan Yang di-Pertua, bukan mimpi. Difikir, dicanang, dirancang, dirangka. Makna satu usaha yang bersungguh-sungguh yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional kerana setiap janji yang dilahirkan mesti akan ditepati. Ini kerana kita memikul tugas yang diamanahkan oleh rakyat dan tidak sekali-kali kita akan memungkir janji dan tidak menunaikan tanggungjawab.

Insyah-Allah Tuan Yang di-Pertua, bajet ini yang memberikan tumpukan kepada lima fokus utama:-

- (i) merancang aktiviti pelaburan;
- (ii) memperkasakan pendidikan dan latihan;
- (iii) membudayakan inovasi dan meningkatkan produktiviti;
- (iv) mempercepat pencapaian dan perkhidmatan awam; dan
- (v) menyejahterakan rakyat.

Apa yang saya baca Tuan Yang di-Pertua, dipecahkan menjadi 111 tajuk-tajuk utama yang akhirnya menjelang akhir tahun 2013, *insyah-Allah* segala objektif perbelanjaan ini akan tercapai sepenuhnya. *Insyah-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan rakyat menerima bajet ini dengan gembira, ada puak-puak dalam negara ini yang dukacita. Ada puak dalam negara ini yang berdukacita, bermuram durjana. Maka bermulalah kata-kata pepatah orang-orang tua kita, "Rumah siap, pahat berbunyi". PM umum, pembangkang kutuk. PM umum, pembangkang hina. PM umum, pembangkang keji. PM umum, pembangkang caci. PM umum, pembangkang maki. Ini kerja mereka Tuan Yang di-Pertua.

Ini salah, itu salah! Rumah sudah siap, pahat berbunyi. Inilah! Mereka mendengar bajet ini, dalam hati nurani mereka pun merasai bahawa bajet ini yang terbaik untuk rakyat negara tercinta ini Tuan Yang di-Pertua. Cara supaya rakyat jangan terus terpicat dengan Barisan Nasional, salah sana, salah sini, kondem sana, kondem sini, kritik sana, kritik sini menjadi senjata untuk menghakis kepercayaan rakyat kepada Barisan Nasional. Itu sebab ada orang yang tidak gembira melihat rakyat gembira Tuan Yang di-Pertua. Itu sebab ada orang berduka jika rakyat bahagia Tuan Yang di-Pertua. Bajet ini membahagiakan rakyat. Itu sebab mereka duka. Itu sebab ada orang tidak senang melihat rakyat senang Tuan Yang di-Pertua.

Bajet ini menjanjikan kesenangan rakyat. Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya yakin kewarasan rakyat terbanyak yang memang waras. Kewarasan rakyat terbanyak yang memang waras! Tuan Yang di-Pertua faham ya waras?

Tuan Yang di-Pertua: Lebih kurang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Waras itu suku-sakat saya punya perkataan Tuan Yang di-Pertua. Di Johorlah kebanyakannya, orang-orang Jawa guna perkataan 'waras'. Waras ini dia lebih hebat daripada baik Tuan Yang di-Pertua, waras! Waras, keras, beras. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, minta maaf. *[Ketawa]*. Oleh sebab itu kewarasan rakyat yang memang waras adalah menjadi jawapan terbaik Tuan Yang di-Pertua untuk bersama-sama Kerajaan Barisan Nasional dalam memperkukuhkan negara tercinta ini Tuan Yang di-Pertua. Dalam mempertahankan jati diri untuk memberi erti sebenarnya kepada kemerdekaan negara dalam usaha kemakmuran untuk dikecap secara bersama Tuan Yang di-Pertua.

Rakyat harus faham, membina itu susah Tuan Yang di-Pertua. 55 tahun sejak merdeka tahun 1957, kita bina setapak demi setapak kita ke hadapan. Membina ini susah Tuan Yang di-Pertua. Rakyat pun faham membina itu susah tetapi meruntuhkannya senang, senang Tuan Yang di-Pertua. Dengan hasutan, dengan fitnah, dengan pembohongan, dengan macam-macam penipuan menghasut fikiran rakyat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Sri Gading. Saya mohon maaf mengganggu hujah Yang Berhormat Sri Gading. Boleh sambung tidak sebelah tengah hari?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ya, saya...

Tuan Yang di-Pertua: Ada lebih kurang 15 minit lagi sebelah tengah hari Yang Berhormat Sri Gading. Selepas Yang Berhormat Sri Gading, Yang Berhormat Pokok Sena.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan 25 minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Selepas Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Batang Sadong bersedia.

Ahli-ahli Yang Berhormat, kita tangguhkan mesyuarat sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kenapa bangun?

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Tidak ada orang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading.

2.32 ptg

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah*, saya telah membuat ucapan sebelum kita berehat tadi dan *insya-Allah*, saya sambung baki-baki ucapan ini dalam membahaskan Bajet 2013. Saya sedang memperkatakan pembangunan negara dan rakyat yang kita kecapai selama 55 tahun. Kita melangkah setapak demi setapak ke depan. Yang penting ke depan. Kita tidak pernah undur ke belakang. Maju dan terus maju. Jika rakyat terus yakin bersama-sama Kerajaan Barisan Nasional yang telah pun terbukti selama 55 tahun lamanya tidak mustahil. Menjelang subuh tahun 2020, negara ini akan menjadi negara maju berpendapatan tinggi untuk rakyat sebagaimana yang kita cita-citakan bersama. Rakyat harus yakin tiada pilihan lain. Tiada pilihan lain, Tuan Yang di-Pertua, melainkan Barisan Nasional. Tidak ada pilihan lain.

Kemakmuran dan kesejahteraan rakyat negara ini tinggi nilainya. Pencapaian kita ini tinggi nilainya. Ia diacu dengan nilai-nilai yang mulia. Nilai yang mulia ini membina tamadun dan peradaban untuk menjadi pegangan kita seluruh rakyat Malaysia agar erti hidup bermaruah menjadi kenyataan yang membanggakan kita semua. Kebiadaban, kurang ajar dan pengkhianatan kepada negara mesti ditolak oleh kita semua, rakyat Malaysia. Tidak ada kompromi di sini. Ini kerana ini bukan acuan kita. Acuan kita ialah hormat-menghormati. Ini amalan kita. Berkasih sayang antara satu sama lain. Hidup dalam berharmoni walaupun kita berbilang-bilang. Bertolak ansur untuk kebaikan, bertolong-tolongan untuk kebaikan dan cinta kepada negara kerana negara ini negara kita bersama. Tidak ada negara lain. Di sinilah negara kita, di sini kita dilahirkan dan di sinilah kita akan mati. Tidak ada pilihan.

Setiap rakyat harus sedar dan setiap rakyat harus menjadi benteng kepada negara ini. Contoh-contoh baik dan ajaran-ajaran yang mulia oleh guru-guru kita akan menjadi azimat yang berguna dan harus kita pegang sekuat-kuatnya sebagai pegangan hidup kita. Jangan sesekali kita yang waras ini, Tuan Yang di-Pertua, kita yang waras ini membuat kerja gila. Kerja yang tidak masuk akal. Kerja yang menyanggah arus peradaban. Kerja yang merosakkan negara dan diri sendiri. Jangan sekali-kali mendengar kata beluru, akhirnya kita terbenam dalam lubuk. Terlanjur perahu boleh dihilirkan, terlanjur laku, padah akibat. Jangan sekali-kali kita beranggapan kita memegang tali, orang memegang simpulnya. Kita menjadi alat, orang

mendapat untungnya. Kita bermuka lebam, jangan bercermin di dalam air. Orang bermuka manis, kita menjadi cair. Tuan Yang di-Pertua, faham, Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih.

Orang berjaja lontong, kita berjaja lompong, orang mendapat untung, kita terganggu-ganga terlopong. A. Samad Said, nama ini dulu menjadi sanjungan saya. Banyak saya baca tulisannya, yang pernah diberi gelaran Sasterawan Negara. Satu gelaran yang mulia, yang tinggi. Akan tetapi hari ini mencemarkan diri, mengepalai gerakan hina, mencemar malam 30 Ogos yang lalu sewaktu kita menyambut di ambang 55 tahun merdeka. Orang bertanya kepada saya, apakah gelaran Sasterawan Negara ini masih layak kepada beliau yang mengepalai gerombolan biadab, kurang ajar, perbuatan keji dan jijik oleh pengikut-pengikut beliau pada malam tersebut. Memijak gambar pemimpin negara yang dipilih secara demokrasi, melondehkan seluar menunjukkan punggung, membawa dan mengibarkan bendera palsu, menafikan Jalur Gemilang, mengajar dan mencipta budaya songsang yang menyalahi budaya dan pekerti mulia.

Bendera, Tuan Yang di-Pertua, adalah lambang negara. Banyak air mata dan darah mengalir kerananya. Kerana mempertahankan bendera yang menjadi lambang kemegahan negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai seorang rakan yang lebih tua daripada saya. Saya ceritakan sedikit secebis kisah yang menarik, Tuan Yang di-Pertua, tentang bendera. Sewaktu 30 Ogos 1957, kawan saya yang lebih tua ini berada di depan bangunan – padang di depan Bangunan Sultan Abdul Samad. Sekarang dipanggil Dataran Merdeka. Waktu itu pukul 12 malam, waktu hendak diturunkan bendera *Union Jack* yang telah berkibar selama 153 tahun di negara ini, diturunkan. Sebelum ia diturunkan, dipadamkan lampunya. gelap.

■1440

Selepas diturunkan, diterangkan balik lapangan itu. Maka, bermulalah dengan megahnya anak watan negara ini menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu. Waktu sampai ke puncak tiang itu Tuan Yang di-Pertua, maka waktu itu gegak gempita, naik bulu roma orang memekik merdeka! Merdeka! Merdeka! Tuan Yang di-Pertua, betapa hebat, bendera yang menjadi lambang negara dihormati seperti itu yang menaikkan darah rasa pahlawan cinta kepada negara yang dikemukakan oleh bapa-bapa kita ketika itu.

Apakah jasa-jasa wira kita yang mempertahankan bendera ini dipandang sampah oleh mereka yang diketuai oleh A. Samad Said? *Blogger* menyatakan dia ini bukan sasterawan tetapi 'sasauwan' negara. Mereka benar-benar musuh kepada negara walaupun apa alasan yang diberi. Secara sedar dan terang mereka menentang persekutuan dan perlembagaan. Apakah ini juga hasil wang sumber pihak luar yang mahu menghancurkan negara. Adakah ini duit yang diberi oleh Soros melalui SUARAM? Tuan Yang di-Pertua, persoalan seperti ini harus diselesaikan oleh pihak yang berwajib.

Ini kerana perkara seperti ini bukan boleh kita anggap mudah Tuan Yang di-Pertua. Kita mengakui kewujudan pihak pembangkang. Memang wajar pembangkang ada di kawasan

kita, ada di dalam negara kita tetapi apakah pembangkang yang macam ini yang diperlukan oleh rakyat wujud dalam negara ini? Kita diberitahu ada Ahli Parlimen pembangkang yang dikaitkan terlibat dengan wang Soros. Saya difahamkan mereka ini pengkhianat dan mereka ini tidak boleh dibiarkan. Tuan Yang di-Pertua, kebebasan ada had dan batas. Pengkhianatan kepada negara bukan sesuatu dosa yang kecil. Barah-barah ini jika dibiarkan akan menjadi api yang membakar negara dan rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, Nabi Muhammad SAW adalah Rasul pesuruh Allah yang maksum, yang menjadi contoh yang unggul kepada seluruh manusia, baik kata-katanya, baik perbuatannya dan baik tingkah laku. Ianya diakui kerana ia Rasul pilihan Allah. Allah berfirman ertinya - *"Tidak diutuskan engkau wahai Muhammad melainkan menjadi rahmat seluruh alam"*. Tidak ada seorang makhluk pun yang diberikan satu ungkapan yang sangat mulia ini - *"Tidak diutuskan engkau Muhammad melainkan untuk menjadi rahmat fill'alamin."*

Islam menjadi agama yang dihormati, Islam yang menjadi agama yang diredai oleh Allah, yang mentauhidkan Allah dan membawa keamanan dan kesejahteraan kepada seluruh umat manusia seluruhnya, tidak ada berkecuali. Itu Islam. Akan tetapi telah dihina dan dinista oleh sebuah filem yang dihasilkan oleh tangan yang paling jahat, Yahudi berniat jahat telah membangkitkan kemarahan seluruh umat Islam sejagat sehingga berlaku rusuhan di sesetengah-setengah negara. Apabila rusuhan berlaku kerana kemarahan umat Islam hasil penghinaan tersebut, Barat menuding jari menyalahkan umat Islam menyatakan umat Islam itu ganas dan pengganas. Akan tetapi kenapa Barat tidak menyalahkan penyebab kemarahan umat Islam ini? Apakah Barat sengaja membiarkan supaya kata nista boleh dikemukakan kepada orang Islam sedangkan tindakan barat orang Islam itu hasil perbuatan keji dan jahat mereka? Konon atas nama kebebasan. Apakah kebebasan boleh menghina, mengutuk sesuka hati?

Tuan Yang di-Pertua, di negara kita juga ada orang menyalahkan kita. Fikirlah! Fikirlah, apakah puak-puak ini, puak-puak seperti ini patut menjadi rakan dan taulan seiring jalan? Apakah mereka yang berkawan dengan puak ini tidak boleh dikatakan bersubahat dan bersekongkol? Mata hati yang diberi petunjuk oleh Allah, yang diberi hidayah oleh Allah akan mendapat kebenaran.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bajet ini dan saya baca dalam *touch point* bajet ini berbagai-bagai bantuan diterima oleh rakyat. Terima kasih Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Yang menarik kali ini orang-orang yang bersara diberikan tambahan daripada RM720 menjadi RM820. Beberapa orang menelefon kepada saya menghargai dan mereka lebih menghargai kerana bonus RM500 diberi kepada mereka. Mereka berharap supaya RM820 itu dikekalkan dan RM500 itu diteruskan pada tahun depan. Kerana mereka yang bekerja 20 tahun, 25 tahun, 30 tahun dahulu pada ketika mereka bekerja Tuan Yang di-Pertua, mereka bekerja enam hari – satu hari berbanding pekerja-pekerja yang ada hari ini. Hargailah mereka.

Antara itu ada permohonan daripada mereka yang berkhidmat dengan kerajaan yang bersifat sementara seperti guru KEMAS, JASA, RISDA, FELCRA yang mereka bekerja berpuluh tahun tetapi tidak dapat saraan, tidak dapat pencen. Mereka juga mengharapkan kalau boleh dipertimbangkan sebagai sara hidup RM500 sebulan bagi kehidupan mereka yang hari ini rata-rata dalam keadaan yang telah lebih dewasa. Mereka golongan yang berjasa. Fikirlah dan terserlah kerajaan cara membantu golongan ini. Ada juga keluhan daripada petani-petani.

Tuan Yang di-Pertua, kawasan saya ialah kawasan 80% daripada penduduknya ialah petani-petani dan kebanyakan mereka mengusahakan kelapa sawit. Mereka mengeluh kerana walaupun harga getah, kelapa sawit itu naik harga racun dan baja juga naik. Getah dan kelapa sawit boleh turun tetapi harga racun dan baja yang sudah naik tidak akan turun. Ini menjadi masalah kepada mereka. Mereka berharap kalau boleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ada di sini. Kalau boleh letakkan racun dan baja ini dalam Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) supaya harganya dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya duduk di Sri Gading tetapi *alhamdulillah* mempunyai rakan-rakan ramai di Kuala Lumpur ini. Ada satu pertanyaan yang harus dijawab oleh kerajaan. Suria KLCC, bangunan wang hasil rakyat.

■ 1450

Satu, bangunan kemegahan Petronas melambangkan kemegahan kita. Akan tetapi nampaknya Suria KLCC telah cuba menghakis peniaga-peniaga bumiputera. Kalau di bangunan yang begini megah, peniaga-peniaga bumiputera dinafikan. Saya tidak faham bagaimana pengurusan Suria KLCC. Dulu ada kedai *jeans* menjual pakaian, Kelantan *Delights*. Hari ini hanya sebuah kedai bumiputera menjual kamera. Dulu harga sewanya RM7,000. Hari ini RM22,500. Mereka ini bayar. Akan tetapi tiba-tiba dapat notis suruh keluar. Mereka sekalipun satu bulan pun tidak ada mungkir daripada membayar.

Apakah nasib bumiputera di Suria KLCC ini? Apakah tidak boleh kita bela? Ini saya harap perkara-perkara seperti ini harus dilihat supaya rakyat bumiputera jangan sampai dipinggirkan dan dianaktirikan di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penghargaan tahniah dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Perdana Menteri, saya menyokong bajet ini agar diluluskan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena dalam catatan. Dalam catatan Yang Berhormat Pokok Sena.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak. Dalam catatan bukunya Yang Berhormat Pokok Sena.

2.52 ptg.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberikan keizinan dan peluang kepada saya untuk turut membahaskan bajet panik Barisan Nasional.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Mana ada panik. Mana ada panik. Okey sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bajet panik Barisan Nasional.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Kuala Krau terasa hati.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sewaktu banyak institusi kajian perkembangan politik dalam negara kita ini menemui bagaimana bahawa Barisan Nasional mengalami kemerosotan, sokongan dan dokongan daripada rakyat kepada mereka.

Malah kalau dilihat Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir bekas Perdana Menteri sendiri pun mengakui bahawa beliau yakin Barisan Nasional...

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini hendak lantik Menteri Besar Selangor macam mana?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak akan memperoleh kemenangan majoriti yang besar. Ini bermakna bahawa Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir mengakui bahawa sokongan rakyat kepada Barisan Nasional itu tidak berlaku lonjakan selepas daripada pilihan raya tahun 2008.

Oleh sebab itu kata Tun Dr. Mahathir kerajaan tidak punya banyak masa kerana menghadapi suasana dekat dengan pilihan raya melainkan terpaksa menggunakan sejumlah wang yang besar untuk memberikan pembahagian-pembahagian, pemberian-pemberian tertentu walaupun dia mengatakan bahawa itu suatu yang tidak baik tetapi itulah jalan sebagai talian hayat kepada kerajaan Barisan Nasional.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Ke mana Yang Berhormat Sri Gading, duduklah dengar.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu tuan-tuan..

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau menyampuk, dia tidak bagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat daripada belanjawan yang ada ini, dia mengulangi belanjawan yang lalu, Belanjawan 2012. Hanya dari segi pemberian itu dibesarkan kepada kelompok-kelompok yang tertentu.

Saya tidak tolak pemberian yang diberikan kepada rakyat. Akan tetapi saya harap bahawa kerajaan janganlah ada rasa kecewa jika rakyat tidak memberikan sokongan kepada mereka dalam pilihan raya yang akan datang ini.

Semalam satu bukti di Bukit Bintang pemandu-pemandu teksi, hampir 500 pemandu teksi yang mendapat sumbangan RM500 untuk duit tayar. Teksi telah berdemonstrasi, membantah tindakan SPAD sehingga mereka melaungkan slogan tukar kerajaan pada pilihan raya yang akan datang. [Disampuk] [Tepuk] Jadi saya katakan bahawa rakyat makin cerdik, makin ada kebijaksanaan untuk menilai sejauh mana pemberian tersebut boleh menyelesaikan masalah kehidupan rakyat ataupun tidak.

Oleh sebab itu saya balik ke kampung, kita bertemu dengan anak-anak muda. Saya mengatakan kepada mereka, "*Kamu seronoklah. Kamu dapat macam-macam sekarang ini. Dapat itu, dapat ini. Dapat rebat telefon pintar.*" Mereka kata mesti beli RM1,000 dulu baru dapat RM200. Jadi ini. Mereka merasakan bahawa, saya kata, "*Mungkin selepas ini kamu sokong Barisan Nasional.*" Mereka kata, "*Yang Berhormat jangan bimbang. Kami bersama dengan Pakatan Rakyat. Insya-Allah. Oleh kerana bagi kami belanjawan ini tidak ubah, hanya belanjawan seperti mana gula-gula getah.*"

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Itu yang pemuda sokong Pakatan Rakyat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Orang Kedah panggil apa Yang Berhormat Sungai Petani? "*Singgam*". Orang sini kata *chewing gum*. Orang Kedah panggil "*singgam*". Orang Simpok panggil "*singgam*". Orang Pokok Sena panggil "*singgam*".

Saya kata lagu mana yang dikatakan belanjawan "*singgam*"? Dia kata belanjawan "*singgam*" ini macam kita makan "*singgam*" kita kunyah setakat ada manisnya. Selepas manis itu orang tidak kunyah sudah. Kalau kunyah, lenguh pasung dagu. Dia kata tidak ada manusia yang waras telan *chewing gum*. Tidak ada. Habis itu saya kata dia buat macam mana? Mereka kata, "*Haiyak, ptuiih*". Dia kata luah.

Jadi maknanya, setakat belanjawan ini, belanjawan *chewing gum* ini setakat ada manis dia sahaja. Maknanya rakyat makin cerdik untuk menilai tentang sejauh mana pemberian itu boleh memberikan penyelesaian kepada kehidupan mereka. Oleh sebab itu kalau kita lihat dalam belanjawan ini kerajaan langsung tidak memberikan gambaran bagaimana untuk menambahkan, mencari sumber pendapatan baru untuk negara.

Saya berkali-kali saya katakan bahawa di dalam beberapa perbahasan belanjawan ini, menunjukkan bahawa belanjawan ini sangat-sangat lemah. Begitu juga kalau kita lihat bahawa dengan hutang yang meningkat dan kerajaan tidak berusaha untuk bagaimana untuk membawa kembali pulang wang sejumlah RM1.08 trilion yang dipungah kekayaan negara di seludup ke luar negara oleh golongan-golongan elit sehingga terpaksa mengecilkan dana dalam negara

kita. Sudah tentu ini sangat merugikan dalam konteks untuk membiayai ekonomi-ekonomi negara.

Pemindahan wang ini Tuan Yang di-Pertua kalau mengikut rujukan *global financial integrity*, sepuluh negara, Malaysia berada pada tangga yang kelima. Pertama ialah China USD2.7 trilion, Rusia USD504 bilion, *Mexico* USD501 bilion USD, Saudi USD380 bilion. Malaysia USD350 bilion. Lebih kurang bersamaan RM1.08 trilion.

Saya katakan bahawa sepatutnya kerajaan mesti datang dengan satu cadangan yang konkrit bagaimana untuk membawa balik duit yang sejumlah RM1.08 trilion ini yang pada saya kalau belanjawan saya pergi Melaka baru-baru ini mereka kata belanjawan Melaka setahun lebih kurang RM500 juta. Maknanya mereka kata boleh tahan 200 tahun. Boleh tahan 200 tahun untuk belanja seluruh negeri Melaka. Tambah kalau negeri Perlis yang besar 'kelembuai' ini tidak ada masalah dengan RM1.08 trilion.

Jadi saya katakan bahawa saya hendak minta penjelasan daripada kerajaan. Apakah mekanisme kerajaan? Apakah cadangan? Apakah rancangan kerajaan? Bagaimana untuk membawa balik wang sejumlah RM1.08 trilion ini yang saya anggap bahawa satu pemunggaan kekayaan negara yang disembunyikan di dalam akaun-akaun rahsia yang dibuat di luar negara yang sudah tentu ini akan memberikan kerugian yang amat besar kepada negara kita ini?

Jadi oleh sebab itu bagi saya cadangan-cadangan kerajaan yang dikatakan dikemukakan di dalam belanjawan baru-baru ini umpamanya saya katakan bahawa cadangan kerajaan untuk menarik balik subsidi kepada harga gula atas alasan. Saya kata inilah dia maknanya belanjawan yang kartun, yang kartun bagi saya. Sepatutnya kerajaan datang dengan satu formula untuk fikir bagaimana hendak mengurangkan perbelanjaan ini, hendak mengembalikan pendapatan negara ini membawa balik RM1.08 trilion.

Akan tetapi dia hanya membawa, dia hanya mengurangkan 20 sen kepada subsidi gula dengan tujuan saya katakan bahawa dia menggunakan sandaran dia ialah kerana "*Oh, ini tidak baik. harga gula yang murah ini tidak baik kerana kita hendak mengurangkan penggunaan gula, hendak mengurangkan penyakit diabetes ataupun penyakit kencing manis di dalam negara kita.*" Jadi saya katakan bahawa ini satu cadangan yang tidak membawa kepada apa-apa makna.

Tuan Yang di-Pertua seingat saya daripada saya kecil saya mula pergi kedai sampai hari ini RM2.50 sekilo. Mula-mula itu harga gula 25 sen satu kati. Waktu itu kati, 25 sen satu kati.

■1500

Maknanya kalau dari segi 25 sen sekati sehingga sekarang RM2.50 sekilo, saya tidak tahu berapa dia punya kenaikan. Kalau hendak katakan bahawa penyakit kencing manis boleh berkurangan, sepatutnya penyakit kencing manis sudah berkurangan. Saya *search* dalam

Internet, lebih kurang penyakit kencing manis dalam negara kita ini ada lebih kurang 5.6 juta orang, penghidap kencing manis ada 5.6 juta sejak daripada gula dua kupang lima duit (25 sen), sampai gula RM2.50 Yang Berhormat Kuala Krau. Dengan 1.4 juta pesakit ini yang menghadapi komplikasi yang serius, risiko sampai ke peringkat boleh potong kaki. Jadi, saya hendak katakan bahawa alasan kerajaan mengatakan bahawa menaikkan harga gula, mengurangkan subsidi kepada harga gula dan sekali gus menaikkan harga gula untuk mengurangkan penyakit kencing manis, itu satu alasan yang tidak masuk akal, tidak kukuh.

Saya tidak menafikan, saya bersetuju kita harus mencari jalan bagaimana hendak mengurangkan penyakit kencing manis ataupun penyakit diabetes tetapi bukan alasan hanya sekadar mengurangkan gula boleh selesai masalah penyakit kencing manis tetapi sebaliknya dia telah memberikan beban yang besar kepada masyarakat dan rakyat khususnya golongan yang berpendapatan rendah. Dapat RM500 Tuan Yang di-Pertua tetapi kita berhadapan dengan masalah yang sangat besar dengan kenaikan barangan-barangan makanan, minuman yang menggunakan gula.

Kerajaan kata peniaga-peniaga tidak seharusnya menaikkan harga, saya kata bagaimana peniaga tidak boleh naikkan harga sedangkan kalau daripada tahun 2010 sampai sekarang ini sudah lima kali kenaikan harga gula, dua kupang, se kupang, dua kupang, se kupang, dua kupang, lima kali. Bagaimana orang yang berniaga boleh tidak naikkan harga minuman, kuih dan sebagainya?

Saya cabar mana-mana seorang Menteri tolong ambil cuti dalam dua tiga bulan, balik kampung pergi meniaga kopi, meniaga kopi jual kuih, jangan naik harga, boleh tidak boleh? Jangan kecilkan kuih, boleh tidak boleh berniaga? Guna modal sendiri, Yang Berhormat Kuala Krau buat dahulu, letak jawatan lekas, ambil cuti. Saya hendak katakan bahawa bagaimana kerajaan hanya mengharapkan pada peniaga tidak menaikkan harga barang sedangkan sudah tentu mereka tidak dapat hendak elak dengan kenaikan harga gula ini yang mengakibatkan mereka terpaksa menaikkan harga minuman dan sebagainya yang sudah tentu ini membebankan masyarakat dan rakyat. Oleh sebab itu saya katakan bahawa, sepatutnya kerajaan hendak menjimatkan perbelanjaan ini harus melihat bagaimana kerajaan berusaha membawa balik RM1.08 trilion, itu satu.

Keduanya, bagaimana kita hendak menangani persoalan-persoalan ketirisan, kebocoran, ini sebenarnya kencing manis. Ini pengurusan kewangan negara yang mengalami penyakit kencing manis bukan kerana menggunakan gula lebih itu menyebabkan orang menghidap penyakit kencing manis tetapi pengurusan kewangan negara sebenarnya yang menghadapi penyakit kencing manis yang sangat serius. Maknanya belanjawan ini adalah belanjawan yang berpenyakit kencing manis sebab membiarkan soal ketirisan, kebocoran yang terus berlaku dalam negara kita.

Saya hendak tunjuk contoh kepada Tuan Yang di-Pertua, ini yang diumumkan dalam belanjawan ialah peruntukan untuk sektor pertanian iaitu membekal pembekalan benih padi sah kepada petani. Ini ulang sahaja, dia setiap tahun ada, dia ulang sahaja, ia bukan satu benda yang baru, subsidi itu, subsidi ini, bukan satu benda yang baru. Saya hendak katakan bahawa, bagaimana kerajaan boleh meluluskan kuota benih padi sah ini kepada syarikat-syarikat yang tidak direkomenkan oleh Jawatankuasa Penilai Teknikal Kementerian Pertanian sendiri.

Ini saya katakan bahawa satu penyelewengan besar, di tangan saya ini ada satu surat daripada Kementerian Kewangan. Kementerian Pertanian buat satu surat laporan kepada Kementerian Kewangan sebab dia perlu minta kelulusan daripada Kementerian Kewangan. Jadi laporan teknikal itu memuatkan dan didapati Kementerian Kewangan sendiri dalam surat balas dia kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian ini menyetujui bahawa petender-petender ini tidak mengemukakan dokumen, tidak mengikut syarat, tidak mematuhi syarat, tidak lulus daripada segi kriteria, teknikal dan sebagainya, semua tidak lulus, *failed*.

Namun, akhirnya Kementerian Kewangan, beri juga kementerian Kewangan - saya hendak katakan di sini bahawa bukan isu setakat Menteri Pertanian tetapi di sini ialah kenapa Kementerian Kewangan diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang bentang bajet, yang sebut soal benih padi sah ini pun boleh menyetujui, diberikan kepada syarikat-syarikat yang tidak memenuhi penilaian teknikal oleh jawatankuasa teknikal di Kementerian Pertanian sendiri. Atas alasan kononnya hanya sekadar oleh kerana kita menghadapi masalah musim padi dan sebagainya, lalu kita kena segera.

Saya hendak sebut bahawa sedangkan tender ada sekarang ini, yang berjalan ini, dia sampai syarikat-syarikat yang kena bekal benih padi sah kepada petani ini, ia punya tempoh habis pada Mac 2013, baru dia habis. Maksudnya bahawa, tender ini dikemukakan, dikeluarkan pada bulan Mac 2012. Kemudian pada bulan Julai diluluskan, maksudnya kenapa perlu disegerakan? Sedangkan benih padi kita masih mencukupi sehingga Mac 2013. Jadi saya katakan bahawa ini satu penyelewengan yang dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan juga penyelewengan yang dilakukan oleh Kementerian Kewangan seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Salak semalam isu baja, hendak bekalkan baja mestilah baja yang berkualiti.

Sekarang apa jaminan syarikat yang tidak lulus dari segi penilaian teknikal, apa jaminan benih padi itu adalah benih padi yang berkualiti untuk dibekalkan kepada petani-petani? Sedangkan semusim yang lalu petani-petani merungut bahawa ada syarikat-syarikat yang membekalkan benih padi ini bahawa benih padi yang dibekalkan itu adalah benih padi yang tidak punya kualiti standard yang diperlukan. Jadi saya katakan bahawa ini antara penyakit kencing manis dalam belanjawan penyakit kencing manis dalam pengurusan kewangan negara kita yang tidak diambil hirau oleh kerajaan untuk mencari jalan bagaimana untuk hendak mengatasi persoalan ini.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Yang Berhormat Pokok Sena, minta penjelasan sikit. Yang Berhormat Pokok Sena, yang saya bimbang ini ekoran daripada pemberian benih padi yang tidak berkualiti, apa yang saya bimbang ini kerana peratus percambahan benih padi itu kurang menyebabkan peningkatan hasil padi itu tidak ada. Sampai kita terpaksa membelanjakan lebih dan sebagainya, hasil padi masih kurang sedangkan kerajaan memberikan peruntukan untuk peningkatan hasil padi. Jadi ke mana duit peningkatan hasil padi itu kalau tidak berlaku peningkatan hasil padi ekoran daripada benih padi yang tidak berkualiti? Apa pandangan Yang Berhormat Pokok Sena?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya, inilah masalah yang dihadapi oleh kita semua bahawa sepatutnya bila benih padi yang berkualiti kita dapat meningkatkan hasil padi. Tiba-tiba benih padi yang dibekalkan ialah benih yang tidak berkualiti oleh syarikat yang diluluskan oleh Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Kewangan yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Yang Berhormat membentangkan belanjawan, diberikan kepada petani, akhirnya petani tidak dapat habuanlah dari segi hasil peningkatan padi. Oleh sebab itu saya katakan bahawa pengumuman untuk memberikan satu imbuhan kepada peningkatan hasil padi tidak ada apa-apa maknalah kepada petani-petani, ia hanya satu cakap kosong.

Kedua saya hendak sebut ialah berkaitan dengan Kementerian Pertahanan, iaitu isunya berlaku dalam kawasan saya iaitu di Kem TUDM Kepala Batas, Alor Setar iaitu dalam kawasan Parlimen Pokok Sena kerana sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, pelatih-pelatih untuk membuat latihan penerbangan atau ini pilot TUDM ini sudah dua bulan tidak boleh buat latihan penerbangan kerana 30 buah kapal terbang PC7 tidak boleh digunakan.

Isunya begini, PC7 ini dia diservis oleh AIROD. Bila dia dihantar untuk diservis oleh AIROD sama ada diservis di Alor Setar ataupun dihantar ke pusatnya di Kuala Lumpur, lalu TUDM membuat satu penilaian teknikal kepada *workshop* dan juga kerja-kerja yang dilakukan oleh AIROD. Ringkas saya hendak sebut ialah jawatankuasa teknikal ini menemui bahawa semua kerja yang dilakukan oleh AIROD itu tidak memenuhi substandard, spesifikasi standard yang diperlukan oleh TUDM.

■1510

Menyebabkan sekarang ini 30 buah kapal itu tidak boleh terbang dan latihan tidak boleh dilakukan kerana pihak Jawatankuasa Teknikal TUDM ini mengehendaki supaya AIROD kena hantar servis ke luar negara sebab mereka tidak yakin lagi dengan AIROD. Ini AIROD dapat tender daripada kerajaan. Saya hendak sebut kepada Yang Berhormat bahawa AIROD mendapat tender daripada kerajaan ini meliputi beberapa antaranya C-130 Nuri, VVIP *Aircraft Global Express* pun AIROD dapat. F-5E *Boeing* BBJ Black Hawk, Falcon, dan Fokker. Kemudian termasuk kapal terbang yang dimiliki oleh bomba. Saya hendak katakan bahawa AIROD adalah anak syarikat kepada NADI, syarikat induk. Saya difahamkan NADI juga adalah

merupakan syarikat yang melakukan servis ke atas kapal terbang yang kita baru beli Sukhoi. Isu dia ialah pertama sekali ialah PC-7 ini. PC-7 ini sangat penting untuk melatih juruterbang-juruterbang untuk dikeluarkan oleh TUDM dalam negara kita.

Sekarang mereka tidak boleh melatih. Kerana apa? Ini kerana PC-7 itu terpaksa dihantar ke luar negeri untuk diservis. Kerana apa? Ini kerana masalah kegagalan kepada di dalam AIROD. AIROD tidak langsung memikirkan bagaimana hendak meningkatkan keupayaan, kemampuan, kebolehan staf dia, tidak dihantar, berikan latihan dan sebagainya. Saya ada kertas tentang laporan yang dibuat oleh pihak TUDM yang tidak berpuas hati terhadap laporan servis yang dibuat oleh AIROD. Saya bimbang Tuan Yang di-Pertua, ini baru kita tahu daripada kapal kecil, kapal PC-7 untuk berlatih.

Tadi yang saya sebut F-5E, takut pergi perang kalau ada berlaku peperangan apa akan jadi kapal terbang untuk VVIP hendak muat, hendak bawa Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong. Saya kata saya risau apa akan jadi kepada kapal terbang-kapal terbang seperti ini yang hendak membawa Raja-Raja dan Yang di-Pertuan Agong pergi ke sana ke sini. Mereka ini servis sedangkan TUDM mengesahkan bahawa keupayaan dan kebolehan mereka ini sangat dipertikaikan. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya kepada pihak Kementerian Pertahanan untuk memberikan penjelasan yang sewajarnya kepada Dewan ini bagi memastikan supaya negara kita ini diuruskan secara yang sebaiknya.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soal disebut oleh rakan saya daripada Indera Mahkota semalam ini sepatut dia kata keuntungan Tabung Haji dan sebagainya boleh memberikan banyak manfaat kepada penyimpan dan juga jemaah haji sepatutnya harga boleh dikurangkan. Saya sangat bersetuju sebab sebaliknya apa yang saya lihat pada hari ini ialah keuntungan Tabung Haji ini lebih banyak dihabiskan kepada *top management*, kepada lembaga pengarah termasuk beberapa orang Ahli-ahli Parlimen yang boleh RM50,000 setahun bawa keluarga pergi berjalan. Ada kertas dekat saya ini.

Saya hendak sebut, sebelum ini saya telah pun menyebut bagaimana berlaku pemindahan duit RM300,000 kepada akaun CEO, Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Ismee. Ada Tabung Haji jawablah. Dia kata mengikut peraturan dan sebagainya. Ini saya hendak sebut ini. Bonus ini penyata gaji CEO Tabung Haji Disember 2011. Disebut ini, bonusnya RM700,000. [*Dewan riuh*] Dia ini jawatan kontrak. Kontrak maknanya habis setahunkah, dua tahunkah. RM700,000 ini bonus. Kemudian *gratuity* ada. Gaji dia RM490,000 setiap kali tamat tempoh habis dia punya kontrak dia akan dapat RM490,000 kemudian sambung pula. Katanya gaji tadi, gaji 2011, RM70,000. Tahun 2012 sebulan tidak mungkin setahun, mana ada gaji orang beri setahun sekali. Gaji sebulan RM70,000, 2011. Tahun 2012 Menteri sains lulus kenaikan gaji RM15,000. Tambah RM15,000 jadi RM85,000. Saya tidak tahu. Ini baru satu daripada syarikat yang ada kaitan dengan kerajaan yang sekali gus secara

langsung dia ada kaitan dengan orang kampung, duit getah ini. Duduk simpul, duduk menoreh, Kuala Kedah pergi ke laut. Eh! Duit ini yang disimpan untuk Yang Berhormat Pokok Sena. Yang Berhormat Ledang tidak mengapalah dia senang. Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya bukan hendak menafikan angka itu sebab Yang Berhormat Parit Sulong yang baca. Harap daripada dokumen-dokumen, saya hendak tanya ada dua Tabung Haji. Satu Lembaga Urusan Tabung Haji, kedua adalah Tabung Haji *Business*. Ini yang mana satu ini CEO Lembaga Urusan Tabung Haji atau Tabung Haji *Business*? Tabung Haji *Business*. Ini syarikat, berniaga. Kalau gaji RM100,000 pun tidak apa sebab untungnya RM100 juta, bukan?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Datuk Ismee Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif. Ya! Ya! Tidak. Saya hendak sebut bahawa, ini penyata ini penyata Tabung Haji.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tidak, maksudnya... Minta maaf. Ini urusan *business*.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Betul!

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Syarikat besar biasa, bukan?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tidak menafikan sebab itu saya hendak katakan bahawa apa penilaian kita? Kita hendak berikan gaji yang begitu tinggi, kita hendak berikan bonus sebegitu tinggi sedangkan pegawai-pegawai yang bertaraf tetap, *permanent*, mereka ini tidak dapat. Ini pegawai-pegawai kontrak sama ada CEO, COO, CFO, ada lagi setengah-setengah agensi kerajaan ini CDO.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Ada satu lagi UFO.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Hah! UFO yang itu Yang Berhormat Ledanglah.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya hendak katakan apa penilaian kita? Apa yang disebut selalu, *Key Performance*. KPI kita, apa dia? KPI apa yang kita hendak tentukan untuk kita hendak berikan kepada seseorang pegawai di dasar satu agensi kerajaan ataupun dalam syarikat-syarikat ataupun GLC yang ada kaitan dengan kerajaan. Oleh sebab itu saya katakan bahawa ini suatu yang sangat memerlukan kepada penjelasan daripada pihak kerajaan khususnya Perdana Menteri yang membuat pemantauan terhadap Tabung Haji. Saya hendak tunjuk kepada Tuan Yang di-Pertua. Ini tandatangan Mentari Jabatan Perdana Menteri, dipersetujui sebanyak RM85,000 dan penyambungan kontrak selama dua tahun. Menteri sains naik gaji RM85,000 daripada RM70,000 jadi RM15,000 sambung kontrak dua tahun. Apa penilaian dia? Sepatutnya mestilah ada satu penilaian yang rapi untuk dilihat sejauh mana keuntungan, pulangan pencarum penyimpan dalam Tabung Haji hanya terima berapa? 6%?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh celah sedikit? Sedikit sahaja. Saya tidaklah menentang sangat, cuma hendak buat sedikit *correction*. Jawapan *nanti insya-Allah* Menteri akan jawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Cuma saya hendak beritahu, Datuk Ismee, CEO ini dia jaga tidak kurang 50 anak syarikat. Maknanya, dia bukan satu syarikat dan semuanya besar-besar belaka dan kalau dibandingkan dengan keuntungan yang dibuat di peringkat kumpulan, terlalu besar keuntungan yang dibuat berbanding dengan gaji yang diterima.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, kita sudah tahu bahawa pertama sekali kita hendak tahu syarikat mana yang untung besar? Ada juga syarikat yang rugi. Ada lembaga pengarah yang dilantik duduk dalam anak syarikat tidak berfungsi menyebabkan berlaku penyelewengan. Ini perlu diperjelaskan. Kalau dikatakan bahawa berbanding gaji dengan keuntungan yang dibawa balik, kenapa penyimpan dapat hanya 6%? Dia boleh dapat setiap kali habis kontrak, dapat sekali cuti sampai RM490,000 ataupun RM50,000 kemudian dapat lagi bonus sampai RM700,000. ini terlalu tinggi. Saya katakan bukan tidak boleh beri, boleh. Lembaga pengarah hendak beri pun boleh. Tidak mungkinlah sampai RM50,000 pergi... Ini ada surat anak beranak pergi luar negeri.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Pokok Sena...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit lagi.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak ada.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: 6% itu...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya *gentlemn* sebab...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: 6% itu Tabung Haji sahaja.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Akan tetapi keuntungan lain tidak boleh samakan 6% keuntungan Tabung Haji dengan syarikat-syarikat lain.

■1520

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak apa, tidak apa.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: ...Tidak boleh, tidak *balance*, *weightage* tidak betul. Macam bawa kapal terbang itukan. Macam jaga kapal terbang. Dia terbalik kapal terbang itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Daripada penyimpan, penyimpan, penyimpan. Kita simpan duit itulah digunakan, *develop* untuk Tabung Haji berkembang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau harapkan penyimpan tidak cukup.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi tidak apa, tidak apa. Yang Berhormat tidak apa. Saya – dia bagi isyarat. Kalau tidak saya boleh berdebat dengan Yang Berhormat. Saya banyak lagi dokumen ini. Ini saya tidak sempat. Saya tunggu ingat jawatankuasa pula.

Jadi saya minta bahawa ini kadang-kadang kita seronok orang pergi Mekah ini pun tidak tahu kata baca di sana baguslah, dapat RM500 ini kita balik. Tahu-tahu tengok orang lain dapat sampai beratus-ratus ribu dan sebagainya. Mereka tidak tahu kata Ketua Menteri Melaka ini, Ketua Menteri Melaka punya jamuan ini. Anak beranak kahwin, kahwin anak dia. Hari ini Pegawai Khas mengakui bahawa semua jamuan itu RM10 satu kepala semua *disponsor*. Kita hendak tahu siapa dia? SPR kena masuk. SPRM. Ini saya hendak katakan bahawa ini logistik. Kertas kerja logistik. *[Sambil menunjukkan dokumen yang berkenaan]* Mesyuarat logistik berkaitan kenduri rumah Ketua Menteri Melaka yang dikendalikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. CEO dia sendiri yang *chair meeting* kenduri. Kenduri ini kenduri personal, menikah anak. *[Disampuk]*

Ini, Datuk Yusuf bin Haji Jantan, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Ini semua jabatan, semua agensi, sebut pula dalam minit ini. “Jangan tuntutan atau hantar bil kepada Yang Amat Berhormat. Semua ini diberi percuma.” Dia hendak hubungi tentera, hendak melibatkan tentera. Disebut ini hendak tentera ini, hendak khidmat tentera supaya kebersihan.

Saya katakan tidak salah hendak panggil tetapi salah gunalah bagi saya bahawa dia kena bayarlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, masa habis Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya minta akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya hendak gulunglah ini. Saya hendak gulung iaitu pertama sekali berkaitan dengan AES. Saya tidak sebut AES ini. Kesian orang kena saman, orang ambil, pegawai kerajaan pun kena. Putrajaya itu lagi, lagi kerap kena. Dia pasang...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau anak kena langgar macam mana?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Ya?

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Kalau anak kena langgar, macam mana?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kalau anak kena langgar, kita tidak setuju...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sebab itu kena bersetuju dengan ini.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Mereka langgar undang-undang. Ini saya hendak tanya. Dengar dulu! Baik, saya hendak tanya ini dalam...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Saya cadangkan kita buat kempen supaya syarikat itu bankrap. Boleh? *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...*Website* kementerian juga JPJ ada disebut tentang FAQ ini. Disebut bahawa Kementerian Pengangkutan adalah merupakan tuan

punya *owner* kepada AES. Jadi saya hendak tahulah bahawa sebelum ini disebut bahawa ada dua syarikat yang terbabit. Dua syarikat. Sekarang dia kata dia *owner*. Dia *owner* ini adakah dia bawa keluar duit sedangkan sebelum ini kerajaan tidak menanggung apa-apa? Syarikat ini sahaja yang akan mengeluarkan duit.

Kalau syarikat ini telah diberikan secara rasmi saya hendak minta bahawa kemukakan apa bentuk perjanjian. Perjanjian yang dibuat dengan dua syarikat Beta Tegap dan ATES Sdn Bhd ini apa perjanjian yang telah dibuat. Ini kerana saya tak mahu nanti bahawa apabila mereka tidak capai tidak kepada tahap saman yang dikehendaki itu yang diperlukan akhirnya jadi macam konsesi lebuhraya.

Maknanya tidak naik harga tol maka kerajaan akan *top up*, akan ganti, akan bayar. Ini akan menyebabkan duit negara. Dia banyak lagi perkara-perkara yang hendak saya minta dan akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah akhir sekali disebut bahawa MRT ini untuk RM9 bilion untuk 42% – 43% untuk bumiputera. Untuk bumiputera. Ini yang menjadi pertikaian sehingga menyebabkan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia timbul rasa tidak puas hati terhadap persoalan ini.

Jadi saya hendak tahu bahawa 42% – 43% yang diberikan kepada kontraktor bumiputera untuk projek MRT itu siapa dia? Adakah diambil senarai nama syarikat-syarikat itu setelah berunding, berbincang dengan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia. Sepatutnya bagi saya bahawa mereka inilah yang mewakili. Ini kerana saya tidak mahu nanti bahawa – Saya ada dengar kata bahawa 43% itu ialah syarikat *public listed*. Saya kata *public listed* bukan syarikat bumiputera. Betul tidak?

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Campur.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia bukan 100% bumiputera. *Public listed*. Walaupun ada seorang dua dan sebagainya. Jadi saya hendak katakan ini yang menjadi persoalan. Maknanya syarikat-syarikat daripada Dewan Perniagaan Melayu Malaysia ini tidak boleh apa, tidak boleh apa! Mereka kata kami pun tidak boleh, mereka buat satu kenyataan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mereka pun berebut.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, itu sekarang ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Syarikat-syarikat, Ahli-ahli Dewan itu berebut. Guna nama Dewan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat menyerang Dewan Perniagaan Melayu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak menyerang! Saya hendak bagi tahu, ikhlas.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta supaya kerajaan mesti berunding dengan Dewan ini dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Menggunakan nama Dewan untuk kepentingan syarikat tertentu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia kena berbincang dengan Dewan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak usah salah gunakan Dewan itu.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik, baguslah itu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan salahkan kerajaan.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baguslah itu. Terima kasihlah. Terima kasihlah. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa habis Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kejap. Jadi saya minta supaya kerajaan memberikan penjelasan kepada Dewan ini untuk memastikan supaya betul-betul syarikat itu betul-betul Melayulah. Syarikat bumiputera betul, sebab kerja-kerja yang hendak ditawarkan ini bukan kerja-kerja yang memerlukan *high technology*. Kerja apa nama, orang panggil apa 'tapak', buat tapak.

Ini bukan memerlukan *high technology*, sebab itu mereka katakan bahawa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Tak perlu hendak beri pada *public listed company*. Berilah kepada syarikat-syarikat yang sedang hendak merangkak naik ini untuk membantu betul-betul, hendak membantu bumiputera hendak membantu orang Melayu dalam negara kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tanya sikit?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Jadi saya ucapkan ribuan - Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis masa Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang mana Yang Berhormat tahu yang kerja itu kerja senang? Tidak perlukan teknologi tinggi? Mana Yang Berhormat tahu? Apa kerja dia? Cuba sebut?

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak boleh jawab.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh bagi masa lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tidak, saya boleh terang. Dia hendak kena bagi penjelasan ini. Dia tidak berapa hendak cerdik sebab itu luruh habis rambut itu.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Ketawa]*

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Kerja-kerja tapak takkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Memerlukan teknologi yang tinggi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan bawa *forklift* Yang Berhormat.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Dia bukan memerlukan satu teknologi yang tinggi. Banyak kerja yang ada disenaraikan di sini, yang saya katakan bahawa boleh diberikan kepada syarikat bumiputera. Kita tidak mahu nanti bahawa hanya disebut dalam satu belanjawan, "*Oh! ini hendak tolong bumiputera*". Akan tetapi hakikatnya tolong kepada kroni-kroni.

Ini kerana saya katakan Gamuda ini selain daripada dia sebagai *project delivery partner*, dia juga adalah kontraktor. Dia juga berperanan sebagai kontraktor. Jadi dialah menentukan bahawa syarikat mana yang akan dapat. Bukan diberikan kepada syarikat-syarikat yang betul-betul perlu diberikan bantuan oleh pihak kerajaan.

Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan belanjawan panik, belanjawan cemas, belanjawan [*Disampuk*] belanjawan *chewing gum* oleh rakyat Malaysia. Rakyat Malaysia anggap belanjawan *chewing gum* selepas manis diluahkan gula-gula getah itu mereka tidak telan.

Inilah kebijaksanaan rakyat Malaysia yang sangat dibangga oleh kita semua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batang Sadong.

3.27 ptg.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas pada petang ini. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamuallaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*. Terima kasih sekali lagi. Berdirinya saya di sini di Dewan yang mulia ini berbahas kerana hendak menyatakan sokongan saya kepada Belanjawan 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September yang lalu, walau apa pun yang Pokok Sena katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menerima banyak mesej dari kawasan dan juga dari kawan-kawan bahawa belanjawan ini banyak membantu rakyat yang disasarkan. Memang, memang betul. Oleh sebab itu pembangkang sekarang ini panik juga. Secara perlahan kita cuba mengurangkan subsidi yang tidak memberi gambaran sebenar kepada bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

Jadi sebelum saya hendak meneruskan perbahasan saya ini, izinkan saya mengucapkan tahniah kepada empat tokoh wanita yang mendapat anugerah tokoh wanita sempena Hari Wanita semalam.

Pertama kepada Profesor Puan Sri Fatimah Hamid Don, seorang pejuang wanita sejak era kemerdekaan lagi. Tokoh-tokoh wanita yang lain ialah Puan Sri Sukumari Sekhar, Datuk F.R Bhupalan dan Allahyarham Tun Fatimah Hashim. Mereka ini adalah pejuang wanita yang terlebih awal dari kita sehingga Malaysia membentuk sebuah negara yang memberi keistimewaan kepada golongan wanita.

Tuan Yang di-Pertua kita amat menghargai orang-orang yang telah berjasa kepada negara kita. Langkah sebegini menunjukkan keprihatinan kementerian yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri. Semalam saya telah mendengar dengan tekun hujahan Yang Berhormat Bukit Mertajam, rakan seperjuangan saya yang memperjuangkan hak-hak wanita dan kesaksamaan gender.

Akan tetapi saya terpaksa juga kalau orang putih kata "*with you respect*" itulah rakan saya baru masuk supaya dapat mendengar apa yang telah beliau hujahkan dan saya terpaksa menjalankan tugas saya untuk *to rebut* dengan izin.

Yang Berhormat Bukit Mertajam menyatakan bahawa kepimpinan BN aneh kerana di dalam langkah-langkah yang menyokong dwi peranan wanita tidak menyentuh mengenai perwujudan pusat jagaan kanak-kanak. Jelas sekali Yang Berhormat, Yang Berhormat telah tidak bercakap perkara yang benar.

■1530

Saya ingin merujuk kepada pernyataan Menteri Kewangan semasa pembentangan bajet khususnya berkaitan dengan pusat penjagaan kanak-kanak. Izinkan saya membaca petikan daripada pembentangan bajet tersebut. [*Membaca petikan*], "*Berhubung perkhidmatan taska dan pusat jagaan kanak-kanak yang berkualiti pula, demi memastikan kanak-kanak mendapat penjagaan sempurna di samping membangunkan perkembangan minda yang positif, kerajaan mencadangkan insentif-insentif berikut:-*

- (i) *geran pelancaran RM10,000 kepada penyedia pusat pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) swasta untuk membantu mereka membuka taska baru yang berkualiti. Dianggarkan 1,000 ECCE swasta baru akan mendapat manfaat;*
- (ii) *potongan cukai dua kali ke atas elaun atau subsidi yang diberikan kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak akan diberikan kepada majikan;*
- (iii) *pegecualian cukai pendapatan bagi tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun diberi kepada pengusaha taska dan pusat jagaan kanak-kanak swasta; dan,*
- (iv) *pegecualian cukai pendapatan untuk tempoh lima tahun dan elaun bangunan industri pada kadar 10% setahun kepada pengusaha prasekolah swasta."*

Jadi Tuan Yang di-Pertua, sudah terbukti bahawa Yang Berhormat Bukit Mertajam sudah tidak bercakap benar semalam dalam hal ini. Diharapkan agar beliau menarik balik tuduhan beliau itu. Yang Berhormat, saya sudah mendengar dengan tekun semalam, biar saya habiskan. Saya banyak lagi yang hendak saya cakapkan ini. *[Dewan riuh]* Masa 30 minit – you boleh gunakan orang lain untuk ini. Kalau saya ada masa, saya beri, ya. Akan tetapi sudah jelas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya ada di sini. Saya ada dokumennya yang mengatakan yang mana Yang Berhormat menyatakan di sini *[Membaca petikan]* “Tuan Yang di-Pertua, untuk menyokong dwi peranan wanita, yang paling penting ialah mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak supaya meringankan beban wanita untuk menjaga anak-anak, rumah tangga dan juga kerja mereka. Live and work-balanced tetapi sangat aneh. Langkah ini sangat aneh. Sokongan Barisan Nasional ini sangat aneh kerana di dalam keempat-empat langkah ini tidak ada langkah untuk mewujudkan pusat jagaan kanak-kanak”. Ini yang dinyatakan. Jadi, saya rebut ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Selepas ini, ya. Teruskan.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Hanya ada pusat jagaan kanak-kanak untuk OKU iaitu ialah di bawah bahagian yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, teruskan.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jadi, ini yang saya nyatakan di sini. Saya rasa tidak adil bagi Yang Berhormat menyatakan sedemikian.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta sedikit sahaja.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sebenarnya Yang Berhormat Bukit Mertajam...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan sedikit.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Okey, saya beri. Jangan lama sangat, ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ini rakan, ini rakan.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jangan lama sangat, ya. Saya tidak banyak masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Okey, okey. Terima kasih Yang Berhormat ‘Batang Sarung’ dan juga Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh][Disampuk]* Yang Berhormat ‘Batang Sadong’.

Terlebih dahulu, saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat kerana kita sama-sama berjuang untuk hak wanita. Apa yang dikatakan di dalam ucapan Perdana Menteri

itu, semua itu bukan baru. Semua insentif itu sudah 20 tahun ada. Akan tetapi responsnya, tidak berjaya. Memang insentif ini tidak mencukupi untuk menunjukkan...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Yang saya hendak dengar – terima kasih. Yang saya hendak dengar memang ada itu, ya? Sudah berpuluh tahun, ya? Bermakna ada. Jangan kata tidak ada langsung.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Jadi, cukup. Saya tidak banyak masa.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa maksud saya ialah *you want to* sokong dwi peranan wanita, harus ada di situ.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya akan teruskan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Harus ada di situ. Pusat jagaan kanak-kanak harus menjadi langkah dan ia tidak diletak...

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sudah, sudah Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Di situ. Apa maksudnya ia itu tidak betul.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sebab jelas apakah Yang Berhormat sekarang tahu bahawa ini memang ada termasuk dalam inilah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...Ia jelas sebagai langkah. Akan tetapi ia di tempat yang lain. Itu yang saya maksudkan dalam ucapan saya. Terima kasih.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Sebab Yang Berhormat - terima kasih. Yang Berhormat sendiri mengatakan memang sudah ada berpuluh tahun. Bermakna adalah di situ. Jangan kata tidak ada. Jadi, terbukti sudah memang Yang Berhormat tidak mengatakan yang benar. Terpaksa tarik balik itu Yang Berhormat.

Sebenarnya Yang Berhormat Bukit Mertajam, tidak salah kalau kita beri peluang kepada orang lelaki untuk memimpin kementerian tersebut kerana ia bukan hanya kementerian untuk wanita sahaja. Ia adalah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat! Malah, adalah baik jika Yang Amat Berhormat sendiri berpeluang merasai apakah isu-isu yang ditangani oleh kementerian ini supaya beliau dapat merasa serta menunjukkan keprihatinan beliau dalam menangani isu-isu di bawah kementerian ini. Kita wanita juga berpeluang hendak melihat bagaimana orang lelaki memegang jawatan kementerian ini sama ada mereka lebih baik ataupun lebih prihatin ataupun langsung tidak prihatin kepada kita.

Bagi sayalah, secara peribadi saya rasa adalah tidak *gender sensitive* juga malah *prejudicial* apabila Yang Berhormat Bukit Mertajam menuduh Yang Amat Berhormat sebagai seorang bapa dan tidak pernah perlu menjaga anak. Saya rasa itu satu kenyataan yang tidak adil. Saya percaya ramai kaum bapa di luar sana tidak bersetuju dengan pandangan *prejudicial* Yang Berhormat. Saya rasa itu juga perlu memohon maaf kepada rakan lelaki terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, seharusnya kita bersyukur kerana di antara negara-negara di dunia ini, Malaysia adalah di antara beberapa buah negara yang menubuhkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Masih terdapat beberapa buah negara juga, ada juga yang masih belum ada kementerian khusus untuk wanita dan keluarga. Dari tahun ke tahun, banyak keistimewaan yang diumumkan untuk wanita semasa belanjawan mahupun bukan semasa belanjawan. Misalnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah dengan beraninya mengumumkan 30% wanita diletakkan di posisi membuat keputusan di sektor swasta. Bukan sahaja dalam kerajaan tetapi sektor swasta juga. Ini satu langkah yang begitu berani sekali yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri yang bertanggungjawab terhadap wanita, keluarga dan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, kita mahu menunjukkan ke mata dunia dan ke seluruh negara ini bahawa kita ini *gender sensitive* tetapi jelas sekali kenyataan Yang Berhormat Bukit Mertajam semalam, cakap tidak serupa bikin. Mengapa saya berkata sedemikian? Saya ada dasarnya. Yang Berhormat Bukit Mertajam menyoal berapa ramai sahaja dalam kalangan Menteri adalah wanita. Cuba lihat amalan pembangkang sendiri. Ini terpaksa saya nyatakan di sini walaupun berkali-kali disentuh di sini. Kalau dahulunya Permatang Pauh diwakili oleh seorang wanita, Datin Seri Dr. Wan Azizah tetapi oleh kerana mengutamakan wakil rakyat lelaki, maka terpaksa beliau mengorbankan kawasan Parlimen itu untuk suami beliau! Adakah ini adil untuk wanita? Ini mengurangkan lagi dalam kalangan kita sebagai wanita, sebagai pemimpin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam juga menyentuh mengenai bekas Menteri wanita yang dikaitkan dengan kes perusahaan lembu.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Batang Sadong, boleh mencelah sedikit? Pasal Yang Berhormat Permatang Pauh tadi. Sedikit sahaja. Pasal saya suka pasal Yang Berhormat Permatang Pauh ini. Sebenarnya Yang Berhormat, saya kira pada waktu itu beliau mempunyai pilihan mengorbankan seorang wanita ataupun meminta supaya Yang Berhormat Bandar Tun Razak mengundurkan diri dan bertanding di Bandar Tun Razak. Pasal Bandar Tun Razak pada waktu itu juga adalah ADUN di Ijok. Jadi, dia ada *choice* tetapi nampak Yang Berhormat Permatang Pauh tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam tentang *gender equality* ini; mengorbankan seorang Ahli Parlimen wanita, mengurangkan jumlahnya dalam suara wanita di Parlimen. Itu sebabnya saya katakan Yang Berhormat itu betul pada pendapat Yang Berhormat.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih. Akan tetapi di sinilah saya hendak mengajak Yang Berhormat Bukit Mertajam, di sini kita perjuangkan betul-betul hak wanita supaya tidak lagi diturunkan wanita. Sama-sama. Ini *something that we have to work together on*, dengan izin.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bagaimana Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sekarang?

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak sampai ke situ. Yang menjatuhkannya adalah wanita sendiri.

Yang Berhormat Bukit Mertajam juga menyentuh mengenai bekas menteri wanita yang dikaitkan dengan kes perusahaan lembu. Yang Berhormat, sebagai seorang pemimpin wanita yang memperjuangkan isu wanita dan gender, seharusnya menyedari bahawa yang menjatuhkan kaum wanita itu ialah wanita sendiri. Siapa? Yang Berhormat sendiri tahu bahawa yang terlibat ialah ahli keluarga beliau, bukan beliau sendiri. Di manakah prinsip *rules of natural justice* kita? Beliau mempunyai hak untuk didengari. Mengapakah wanita juga sanggup untuk menghukum seorang pemimpin wanita lain yang jelas sekali tidak bersalah. Macam-macam tuduhan terhadap beliau. Di manakah amalan kesaksamaan gender kita yang dilaung-laungkan oleh kita selama ini?

Yang Berhormat Bukit Mertajam juga berhujah menyatakan mengenai caruman untuk wanita sebanyak RM50 sebulan. Bermakna setahun ialah RM600 untuk seorang wanita.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Yang Berhormat Batang Sadong, Yang Berhormat Batang Sadong. Sedikit sahaja. Saya tertarik dengan hujah daripada Yang Berhormat Batang Sadong. Contoh yang diambil tadi adalah mengenai Ketua Pembangkang. Akan tetapi satu lagi soalan kepada Yang Berhormat Batang Sadong mengenai kedudukan wanita itu daripada kanta ataupun perspektif parti pembangkang. Kita semua tahu bahawa salah satu daripada parti pembangkang telah... [Disampuk] PAS telah memaksa wakil-wakil rakyatnya untuk mengambil *bai'ah* ataupun sumpah talak tiga.

■1540

Kalau mereka keluar daripada PAS dan masuk BN dan sebagainya maka terjatuhlah talak tiga cerai dengan isteri mereka, maksudnya kedudukan isteri itu digadaikan, dijual demi kepentingan politik, apakah itu satu perjuangan yang mengangkat martabat wanita ataupun itu satu penghinaan kepada institusi keluarga.

Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Yang Berhormat Rembau, sebenarnya itu juga ada di dalam perbahasan saya tetapi oleh sebab kita sudah sampai ke situ, sebenarnya ini saya dalam rasa berat hati tetapi terpaksa bercakap di sini juga. Saya hendak mengajak bersama-sama rakan saya di sebelah sana, kita bercakap mengenai memperjuangkan hak-hak wanita, hak-hak kesaksamaan gender, jadi di manakah suara-suara daripada pihak sana untuk betul-betul mengangkat martabat wanita di dalam hal ini, saya hendak mendengar daripada sebelah sana dan saya berharap ada yang akan betul-betul memperjuangkan.

Ini kerana apabila perkara ini berlaku tidak banyak suara-suara daripada sebelah sana yang kita dengar, jadi saya amat bersetuju dengan rakan-rakan saya di sini oleh sebab selama ini berdiam diri sebab kita tidak mahu menjatuhkan ataupun menurunkan taraf wanita tetapi sudah tiba masanya kita mesti memperjuangkan wanita di mana keutamaannya adalah seorang

isteri atau orang yang kita anggap wanita yang martabatnya begitu tinggi sekali, mengapa perlu kita dikorbankan, kita memberi lebih kedudukan kepada parti daripada wanita, itu amat menghinakan golongan wanita dan saya berasa amat kecewa sebagai orang yang mengakui dirinya yang memperjuangkan wanita di sini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Mertajam juga berhujah mengatakan mengenai caruman untuk wanita sebanyak RM50.00 sebulan, bermakna setahun RM600.00 untuk wanita. Kita di sini asyik mengatakan kita ini gender sensitif, memperjuangkan kesaksamaan gender, kenyataan ini sering kali didengar oleh kita di mana kita bukan bercakap untuk wanita sahaja tetapi untuk kesaksamaan gender. Kerajaan Barisan Nasional memperuntukkan kepada kumpulan sasaran iaitu ketua isi rumah yang memerlukan berdasarkan kelayakan pendapatan iaitu mereka berpendapatan di bawah RM3000, kalau ketua isi rumah itu seorang wanita maka layaklah wanita itu menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia ataupun BR1M berjumlah RM500.00, malah sekarang diperluaskan lagi kepada golongan orang bujang tidak kira lelaki mahupun wanita berpendapatan kurang daripada RM2000, walaupun sejumlah RM250 itu sekurang-kurangnya juga membantu mengurangkan beban lebih ramai lagi golongan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini pada tahun 2012 Kerajaan Barisan Nasional telah membelanjakan sejumlah RM2.1 bilion untuk 4.3 *million* rakyat Malaysia untuk menerima BR1M. Kerajaan Barisan Nasional memang mesra rakyat, sehingga penyokong pembangkang pun tersipu-sipu menerima wang BR1M, malah anak-anak penyokong pembangkang gembira kerana mendapat baucar RM250.00 dan juga rebat RM200.00 untuk pembelian *smart phone* 3G ini. Kalau kita mahu menyentuh mengenai membantu wanita, Kerajaan Barisan Nasional menuju ke arah memperkasakan masyarakat di antaranya ialah wanita. Setakat ini 3,800 usahawan wanita telah berjaya dilahirkan, sasaran kerajaan adalah 4000 usahawan wanita dilahirkan pada akhir tahun ini, tidak lama lagi dan Insya-Allah kita akan mencapainya.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, melalui program 1Azam pula, sehingga September 2012 seramai 64,191 wanita telah menyertai program 1Azam yang melibatkan perbelanjaan sejumlah sehingga susah untuk saya menyebutkannya kerana jumlah yang terlalu besar, RM475,221,070. Perancangan kerajaan kita adalah menyeluruh dan realistik yang telah pun dilaksanakan dan dinikmati oleh kumpulan sasaran kita, bukannya bajet bayangan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ada lagi program-program yang membantu wanita meningkatkan sosioekonomi mereka iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia, selain daripada TEKUN di mana bilangan peserta sehingga kini peserta wanita sahaja ialah 310,549 orang dan jumlah pembiayaan terkumpul dikeluarkan berjumlah RM7.532 bilion semenjak ditubuhkan pada 17 September 1987, apa lagi yang hendak dikatakan kerajaan tidak membantu.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau saya bercerita mengenai hendak *debate* apa yang dikatakan oleh pembangkang saya tidak dapat menyuarakan hal-hal lain tetapi ingin disimpulkan di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kalau kita menyentuh mengenai bantuan untuk wanita ternyata sekali Yang Berhormat Bukit Mertajam mengatakan memang sudah disentuh di dalam bajet berpuluh-puluh tahun ini, wanita sebenarnya amat istimewa sekali di dalam perancangan Kerajaan Barisan Nasional. Setiap kali memang ada sahaja belanjawan yang berupa bantuan khusus untuk wanita supaya wanita Malaysia dapat meningkatkan sumbangan mereka kepada pembangunan negara. Rakan-rakan saya yang lain akan menyentuh mengenai perkara ini, mengenai *training* dan apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam semalam memang sudah banyak yang sudah kita lahirkan wanita yang terlatih di negara kita ini.

Saya juga ingin menyentuh beberapa perkara di sini selain sebagai cadangan, negara kita mempunyai ramai penyelidik yang boleh membantu negara berkembang maju dalam bidang-bidang tertentu, misalnya dalam bidang perubatan dan sains. Dalam hal ini negara perlu lebih banyak peruntukan dalam bidang penyelidikan, sekarang ini peruntukan masih jauh berkurangan untuk menepati keperluan dalam bidang penyelidikan. Sebagai seorang yang mahu melihat Malaysia sentiasa ke hadapan dalam bidang ini, maka saya berharap untuk melihat lebih banyak penemuan baru untuk membantu negara kita maju dalam bidang perubatan dan lain-lain lagi, saya rasa di antara kementeriannya adalah kementerian MOSTI dan juga beberapa kementerian lain yang banyak yang menginginkan agar peruntukan dalam bidang penyelidikan ditambah dan jangan dikurangkan.

Satu lagi yang saya hendak bawa di dalam perbincangan belanjawan pada kali ini ialah akibat daripada perubahan iklim Tuan Yang di-Pertua. Keadaan cuaca yang tidak menentu sehingga tempat yang tidak pernah dilanda banjir sebelum ini sudah dilanda banjir teruk dan tempat yang tidak pernah dilanda kemarau teruk tetapi dilanda kemarau yang teruk juga. Akibat daripada kemarau teruk ini, saya memohon agar diperuntukkan sekurang-kurangnya RM20 juta untuk menyambung air paip air ke kawasan saya di Simunjan, di Simunjan di bawah Parlimen Batang Sadong. Pada masa ini hujan sudah lama tidak turun di kawasan Simunjan sehingga kemarau berlaku selama empat bulan sudah. Namun begitu saya berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana dengan serta-merta meluluskan permohonan saya secara lisan sahaja sejumlah RM3 juta untuk menyelesaikan masalah bekalan air serta-merta. Saya berdoa agar hujan turun di kawasan Simunjan demi kesejahteraan rakyat di Simunjan.

Tuan Yang di-Pertua, projek yang dilaksanakan di bawah NKRA telah membantu mempercepatkan proses pembangunan di kawasan luar bandar. Saya memohon agar diteruskan projek seumpama ini bagi melaksanakan pembinaan beberapa jalan raya dan jeti dan menambahkan lagi pemasangan perkhidmatan elektrik dan air bersih. Kita sedar bahawa

perkara ini telah diumumkan, namun bagi merekodkan keperluan ini di kawasan saya, saya mahu menyebutkannya sekali lagi. Saya memohon agar kementerian seperti Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan ICU bekerja rapat dengan wakil-wakil rakyat tempatan yang lebih arif dengan keperluan rakyat bagi membolehkan kita menepati janji pemimpin dengan lebih efisien lagi. Ini adalah kerana kita sebagai wakil rakyat yang menerima banyak permohonan secara terus daripada rakyat yang memerlukan, saya juga memohon agar diadakan peralatan pemeriksaan *mammogram* bergerak bagi membolehkan golongan wanita di kawasan luar bandar untuk membuat pemeriksaan *mammogram* dan juga peralatan pemeriksaan yang lain yang hanya tertumpu di kawasan bandar ditambahkan dan ditempatkan di kawasan luar bandar untuk meluaskan lagi penggunaan perkhidmatan berkenaan.

■1550

Sebelum saya mengakhiri perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak penduduk di kawasan Batang Sadong ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana menepati janji kepada penduduk Batang Sadong dengan meluluskan pembinaan Jambatan Batang Sadong yang mana kerja-kerjanya telah pun bermula sekarang. Jadi, inilah selaras dengan tema 'Memakmur Negara, Mensejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati'. Saya doakan agar hasrat murni Kerajaan BN mendapat keberkatan dari Tuhan Yang Maha Esa dan dikabulkan segala permintaan yang baik demi untuk memakmurkan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

3.51 ptg.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2013. Izinkan saya memetik satu perenggan dari ucapan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 28 September lalu di Dewan yang mulia ini seperti di bawah:

"Kerajaan ini hakikatnya tidak pernah menjanjikan bulan, bintang mahupun cakerawala. Kita tidak pernah melakar lukisan yang pada hari ini tampak muluk-muluk dan indah tetapi sebenarnya berupa racun yang berbisa. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita tetap menceritakan kebenaran biar pun kelat. Kita tidak pernah mendodoi rakyat dengan dongengan lipur lara tetapi sebaliknya sentiasa menawarkan penyelesaian serta kepimpinan bitara terhadap segala permasalahan rakyat."

Tuan Yang di-Pertua, dukacita dimaklumkan bahawa ada pihak-pihak yang menyatakan ini adalah bajet pilihan raya dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dilemparkan dengan pelbagai tuduhan atau *name calling*. Memang betul bajet ini adalah yang

terakhir sebelum PRU ke-13. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri juga menyatakan bahawa ini adalah bajet terakhir sebelum PRU ke-13.

Kepada saya Tuan Yang di-Pertua, sama ada bajet ini adalah bajet pilihan raya atau tidak, itu tidak penting. Apa yang penting ialah semua lapisan rakyat, warga emas, warga kota, pemuda-pemudi, nelayan, pekerja swasta, penjawat kerajaan, petani, *driver* teksi dan lain-lain menikmati hasil Bajet 2013 ini. Pada sesi 2012 juga ejekan yang sama dilemparkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri walaupun hakikatnya beliau jauh dari membuat apa-apa keputusan mengenai PRU ke-13 sehingga kini dan kita masih berbahas di sini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingatkan oleh ramai warga Wangsa Maju supaya menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana apa yang dimuatkan dalam Bajet 2012 berserta Bajet 2013, saya sendiri terkejut dengan bajet 2013 setelah meninjau sendiri bahawa semua lapisan rakyat dapat menikmati bantuan, kemudahan dan keistimewaan yang diberikan oleh kerajaan. Sekali lagi terima kasih tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Di waktu yang sama, saya amat berharap rakyat menolak *politic of hatred* yang tidak sihat yang dapat kita lihat dan kerap mendengar ungunannya. Pada amnya, kita semua ingin membangunkan negara kita dengan baik supaya ia terus makmur dan aman. Untuk ini, kita semua perlu bersepadu mendukung apa jua usaha dan langkah dalam proses *nation building* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada semua rakyat bahawa kita perlu berwaspada dengan apa yang dibuktikan di mana organisasi-organisasi asing khususnya dan, atau *samaritan* asing sebagai George Soros memberi bantuan kewangan yang besar kepada organisasi-organisasi tertentu yang sentiasa mempolitikkan segala isu dalam negara ini. Untuk tujuan apa? Untuk hendak *destabilize* kan negara kita. Organisasi-organisasi tertentu tidak akan berhenti kegiatan yang tidak sihat mereka selagi agenda bos mereka tidak dicapai. Betul tidak? Organisasi ini kita pun tahu, *representativenya* pun ada di luar bersama dengan pemberita. Kita tahu. *On news portal* yang mana? Kita pun tahu. Ya. Ada di luar. Tidak payah hendak sebut namalah. Saya pun rasa malu nak sebut nama itu.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membiarkan perkara ini berterusan kerana kepentingan dan kestabilan negara akan terjejas. Saya merayu kepada kerajaan supaya mengambil tindakan keras demi kepentingan dan kestabilan negara kita. Saya amat hairan kenapakah Bank Negara Malaysia selama ini tidak tahu dana asing telah disalurkan kepada organisasi-organisasi tertentu sedangkan semua dana yang masuk ke dalam negara kita perlu dimaklumkan kepada Bank Negara Malaysia seperti butir-butirnya dan tujuan-tujuannya.

Kita hantar duit RM20,000 pun kena maklumkan kepada Bank Negara. Wang masuk pun kena maklumkan kepada Bank Negara tetapi dalam perkara ini, Bank Negara masih tertidur. Undang-undang ataupun sengaja tertidur. Undang-undang yang sedia ada seperti

Exchange Control Act pun boleh mengawal perkara ini, tetapi Bank Negara kita mengambil tahu perkara ini sehingga dikesan melalui media. Ini menunjukkan kelemahan Bank Negara yang kerajaan perlu mengambil tindakan supaya keadaan sedemikian tidak berlaku lagi. Saya berharap Kementerian Kewangan dapat menjelaskan kenapa Bank Negara tidak tahu dana yang besar masuk ke negara tanpa dikesan ataupun tanpa dilaporkan dan apakah tindakan-tindakan yang telah ataupun akan diambil terhadap perkara ini terhadap organisasi-organisasi tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, setiap usaha dan tumpuan dari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah ke arah melaksanakan dasar-dasar beliau seperti 1Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dan lain-lain. Untuk apa? Ini kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu melihat kejayaan pelaksanaan dasar-dasar itu bukan untuk diri sendiri tetapi untuk kesejahteraan rakyat keseluruhan. Saya berani menyatakan tanpa ragu-ragu di Dewan yang mulia ini bahawa beban yang ditanggung oleh beliau adalah amat berat sekali. Ini kerana apa? Ini kerana beliau adalah anak kepada Perdana Menteri kedua yang dikenali sebagai Bapa Pembangunan Negara. Ia seolah-olah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Seri Najib telah ditakdirkan untuk bertanggungjawab menyambung segala usaha murni ayahandanya yang tidak tercapai.

Ketiga, itu kerana Allahyarham Tun Abdul Razak meninggal dunia dalam usia yang agak muda. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya Kota Belud.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Pokok Sena jangan balik lagi. Kuala Krau hendak berucap ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar dengan teliti ucapan daripada Wangsa Maju tentang cara pembangkang untuk menggambarkan satu perkara yang cukup buruk tentang negara kita. Saya minta pandangan Yang Berhormat daripada Wangsa Maju.

Di tangan saya ini ada statistik. Statistik yang saya minta daripada Unit Statistik, Bahagian Pengurusan Rekod dan Teknologi Maklumat ibu pejabat SPRM.

■1600

Pembangkang mengatakan bahawa Barisan Nasional ini *corrupt*, rasuah dan sentiasa menggembar-gemburkan cerita ini. Maka, saya minta dari segi pandangan rakyat di negeri-negeri yang dipimpin oleh Pakatan Rakyat. Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk Kedah tahun 2006, aduan yang dibuat oleh orang awam kepada BPR pada waktu itu hanyalah 14 kes. Tahun 2007 – 7 kes. Setelah Pakatan Rakyat mengambil alih

Kedah pada tahun 2008, kes aduan rasuah dan salah guna kuasa melonjak kepada 77 kes, tahun 2009 (54), tahun 2010 (127), tahun 2011 (153). Pulau Pinang Yang Berhormat, tahun 2006 hanya 16 aduan. 2007 dua aduan. Tahun 2008, tahun mereka memegang Pulau Pinang, saya tidak mengatakan apa-apa kerana ini adalah aduan rakyat (64). Sekejap sahaja Yang Berhormat. Selangor, tahun 2006 (28), tahun 2007 (28), masuk tahun 2008 sampailah sekarang ini 100 aduan setiap tahun.

Jadi, dua pertanyaan saya tuan. Pertamanya, sewaktu mereka memerintah, aduan daripada rakyat mengenai salah guna kuasa dan juga rasuah di negeri-negeri yang dipegang oleh Pakatan meningkat. Yang kedua, saya pasti, saya minta pandangan Yang Berhormat, saya pasti inilah aduan-aduan ini yang telah meningkatkan indeks *transparency perception index* kita. Sebahagian besar daripadanya. Minta pandangan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, itulah *system CAT* lah. Yang saya tahu ianya untuk *transparency, accountability*. Ya, memang saya tahu bahawa di dalam Selangor, kita tidak payah pergi jauh. Taruh soal pasir sahaja. Saya amat mengerti soal kes pasir itu. Banyak *corruption* dalam itu Kumpulan Semesta Sasar itu. Satu syarikat banyak *corruption* di sana. Pegawai buat laporan, pegawai memberikan surat tetapi tidak ada tindakan diambil. Itu amat jelas. Cumanya, cakap tidak serupa bikin. Adanya tangan, jari dituduh kepada orang lain. Tiga jari dituduh kepada mereka sendiri. Itu memang jelas. Ini dua-dua sama sahaja lah, kita tahu. Terima kasih Yang Berhormat Kota Belud. Itu angka yang diberi, saya tidak tahu tetapi kalau itu angka yang betul, memang itu satu fakta yang amat jelas.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat yakin. Oleh itu apa yang dilalui sekarang seolah-olah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak boleh atau untuk saya, tidak akan gagal dalam melaksanakan wawasan warisan dan perjuangan yang dimulakan oleh ayahanda beliau. Saya amat yakin Tuan Yang di-Pertua, roh ayahanda beliau sekarang tenang dan aman bersemadi di dalam alam kubur. Begitu juga Tuhan akan melakukan perkara yang sama terhadap ayahanda saya kerana Tuhan amat berkuasa mengetahui yang mana kaca dan yang mana permata.

Saya amat bersimpati bila melihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bekerja siang dan malam, ke sana dan ke sini bersama-sama rakan seperjuangannya tetapi pelbagai tuduhan juga dilemparkan terhadap Bajet 2013. Di mana semua lapisan rakyat telah menikmati kemudahan dan juga semua wang-wang yang diberi kepada mereka. Daripada warga emas dan kepada budak sekolah. Saya mendapati rakyat jelata menyokong dasar tersebut tetapi mereka tidak berapa senang dengan segelintir *little Napoleon* di dalam kerajaan. Institusi kerajaan, khasnya di GLC, yang menjelikkan kerana puak-puak sebeginilah yang dengan gelaran sebagai Tan Sri, Datuk, Dato' dengan pendapatan mereka yang amat mewah ataupun dengan gaji berpuluh ataupun beratus ribu ringgit sebulan. Puak-puak inilah yang lupa diri dan sentiasa dalam keadaan lalai serta mabuk dengan kuasa-kuasa besar dan gaji yang lumayan mereka.

Puak-puak sebeginilah yang *little Napoleon* ini juga telah menganggapkan mereka ini bos kepada rakyat jelata. Tingkah laku ini telah memberi kesan negatif kepada dasar-dasar tersebut. Rakyat didahulukan, untuk mereka, rakyat dikebelakangkan. Itulah moto mereka, itulah dasar mereka. Seperti kes di TNB, saya dapat aduan daripada rakyat kerana mereka dipaksa untuk menandatangani satu surat pengakuan bahawa mereka curi elektrik. Kalau mereka tidak menandatangani surat pengakuan itu, bekalan elektrik di rumah mereka akan dipotong dan orang ini dipaksa *sign*. Orang ini pun *sign*. Akan tetapi orang yang *sign* surat ini bukan nama di dalam atas meter elektrik di rumahnya. Di rumahnya, meter elektriknya adalah isterinya. Akan tetapi TNB itu, saya menulis surat minta supaya ini boleh dibincang atau dikurangkan atau boleh *negotiate* kerana mereka ini adalah *innocent*, dengan izin. Tidak peduli, tidak ada jawapan. Tidak apa. Bawa ke mahkamah, rakyat ini pula datang, takut. Tidak ada wang hendak bayar. RM12,000.

Saya telefon ke pejabat kawasan di Kepong. Dato' Aziz, memang mereka ini sibuk. *Little Napoleon*, puak-puak ini sibuk. *Meeting* sini, *meeting* sana. Saya letak telefon *number*, nama saya sebagai Ahli Yang Berhormat daripada Wangsa Maju, "*Sila balas telefon saya supaya saya boleh hendak maklum perkara ini*". Hendak minta tolong kepada bos rakyat ini. Pegawai *little Napoleon* GLC ini tidak *return call*, tidak peduli. Kita pula telefon ke pejabat. Lebih tinggi, lebih tinggi tetapi lebih kurang sama juga. Inilah sikap begini yang kita tidak boleh terima Tuan Yang di-Pertua.

Sikap yang begini yang akan menjejaskan imej Kerajaan Pusat, khasnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan dasarnya 'Rakyat Didahulukan'. Kalaulah seorang Ahli Parlimen tidak dipedulikan, apatah lagi rakyat jelata 'Ahmad, Ah Kaw dan Kupusamy', lagi mereka kemungkinan meludah sahaja. Sikap begini perlu diberhentikan dengan segera, khasnya GLC. Ini kerana syarikat ini adalah syarikat kepunyaan rakyat, bukan kepunyaan Khazanah. Akan tetapi masalah kita kerana puak-puak GLC ini, pemimpin GLC ini dilantik oleh puak-puak *little Napoleon* di Khazanah juga. *So*, bagaimana? Kalaulah kita ada *little Napoleon* di Khazanah, memang dia akan melantik *little Napoleon* di bawah syarikat lain. *So*, inilah masalah.

Saya cadangkan bahawa Khazanah ini di bawah satu kementerian supaya mereka ada Menteri yang bertanggungjawab di sini. Kita tidak mahu mereka ini melalui pejabat sini, kementerian ini, kementerian itu. Kita hendak ketua Khazanah ini adalah di dalam Dewan ini. Kita tidak mahu *chairman* kah apa. Satu kementerian jaga Khazanah sahaja supaya Menteri itu mesti ada di Parlimen mendengar apa yang berlaku. Kalau tidak, *little Napoleon* ini ada imuniti. Mereka tidak peduli apa yang kita sebut. Oleh sebab itulah baru kita ada masalah baru lepas iaitu *shares swap* antara AirAsia dan MAS. Kita tengok banyak ada *cooperation* antara dua-dua syarikat tetapi tidak ada *shares swap*. Akan tetapi ini ada *shares* 'suap'. Suap masuk kocek lah itu.

■1610

Akan tetapi 'alhamdulillah' lah kita bersyukur, kerana apa? Kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhentikan atau *reverse share swap* ini. Saya harap Tuan Yang di-Pertua, *little Napoleons* di Khazanah yang bertanggungjawab melahirkan *share swap* antara MAS dan AirAsia pada tahun lepas jangan lagi melakukan perkara sebegini yang hampir menjahanamkan penerbangan negara MAS. MAS ini bukan satu penerbangan biasa. MAS ini adalah satu institusi negara. Satu ikon negara. Matlamat MAS pertama, bukan hanya keuntungan sahaja. Kerana sebagai satu institusi negara, MAS perlu melaksanakan tanggungjawabnya kepada negara melalui kerajaan.

Baru-baru saya menghadiri *Commonwealth Parliamentary Association Conference* di Colombo, Sri Lanka. Pada masa yang sama Tourism Malaysia menganjurkan Malaysia Fest di Colombo untuk mempromosikan Malaysia di Sri Lanka. Saya dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua bahawa MAS membawa penari-penari tradisi Melayu, Kadazan, Cina dan India, memasak makanan Malaysia dan alat-alat promosi dengan percuma ke Colombo. Airline yang lain mainnya dalam surat khabar sahaja. AirAsia mana ada? Tidak ada. Dia kalau ada kepentingan dia hendaklah. Kalau hendak hancurkan MAS dia akan pergi.

Saya amat menghargai sumbangan yang diberikan oleh MAS kepada negara Malaysia selama ini. Pada semua masa MAS tidak pernah mengabaikan tanggungjawab terutamanya iaitu perkhidmatan kepada negara. Kita mesti memberikan satu sokongan keras kepada MAS dan juga kepada AJ atau Ahmad Jauhari, CEO sekarang sebab saya tahu beliau yang mengarahkan tindakan ini diambil. Hantar sate, hantar makanan juga kepada Colombo untuk meraikan Malaysia Fest di sana tanpa mengambil kira sama ada MAS untung ataupun tidak kerana itulah tugas MAS yang utama iaitu untuk menjaga imej negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya amat hairan kenapakah pada Februari 2012, selepas *share swap* tersebut *little Napoleons* ini di dalam MAS melantik Ogilvy Mather dan Landor Associates dari United Kingdom untuk melaksanakan *rebranding* dengan menukarkan warna korporat MAS dari warna biru dengan warna merah kepada biru muda atau *pale blue*. Untuk orang Cina memang – orang Tionghoa mereka tidak setuju. Ini warna yang *for mourning of the death* dan *designing* dengan izin, *of the logo* baru MAS tanpa kelulusan Lembaga Pengarah MAS dan kerajaan. Ini adalah satu perkara yang penting. Hendak tukar logo perlu dapat kelulusan tetapi tidak.

Pada bulan Mei 2012, Lembaga Pengarah MAS baru meluluskan pelaksanaan *rebranding* warna korporat MAS tersebut. Dari sini nampaknya lembaga pengarahnya hanya sebuah badan untuk *rubber stamping* sahaja. Cop, cop, cop, buat apa? Dibayar dengan gaji elaun yang tinggi, mereka cuma buat *rubber stamping*? Mereka mesti ambil perhatian bahawa perkara ini hendak tukar logo, tukar korporat, *color* ini adalah satu perkara penting yang perlu dapat kelulusan dari Lembaga Pengarah dahulu. Kemudian dapat kelulusan daripada Kabinet.

Nampaknya Ahli-ahli Lembaga Pengarah MAS sebagai Tan Sri Azman Yahya dari SCOMI dan Tan Sri Tan Boon Seng dari IJM adalah amat rapat sebab kedua-dua syarikat mereka SCOMI dan IJM ada hubungan rapat. Seperti mana yang dilaporkan dalam *Business Times* hari ini dengan tajuk, dengan izin, '*SCOMI has a solid partner in IJM*'. Begitu juga kedua-dua syarikat ini adalah *solid partner* dalam Lembaga Pengarah MAS. Apa ini? Satu perkara yang sangat aneh. Di sini mereka ada *solid partner*, di dalam MAS pun mereka ada. Tidak adakah orang lain yang boleh menjadi Lembaga Pengarah MAS kecuali orang dari SCOMI dan juga IJM? SCOMI ini memang hebat, kita sudah tahu. Siapa ada dalam SCOMI? Yang Berhormat sana pun tahu. Menteri-menteri pun tahu.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum ini pengurusan MAS pernah memohon untuk menukar logo MAS tetapi tidak dibenarkan oleh kerajaan. Kali ini logo MAS baru diguna pakai di badan A380 tanpa kelulusan kerajaan. Saya boleh maklumkan bahawa jumlah *rebranding* dan *designing* tersebut adalah amat besar. Saya berharap kerajaan dapat memberikan jumlah kos yang perlu dibayar oleh MAS kepada Ogilvy Mather dan Landor Associates kepada Dewan pada masa Menteri menggulung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu kenapakah walaupun *share swap* tersebut telah di *reverse* oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tetapi konco-konco yang tidak berkecuali yang *parachuted* dalam MAS, masih ada dalam MAS seperti Azhari Mohd Dahlan, CEO MAS Engineering. Ini adalah seorang yang tidak layak menjadi CEO. Sehingga kini masih tiada apa-apa tindakan diambil. Sehingga hari ini di bawah MAS Engineering tiada *business plan*, tiada apa pelan. Apa? Ini gaji buta? Ini sebab beliau ini tidak *qualified*. Tidak ada standard. Saya harap kementerian mengambil perhatian.

Satu lagi mengenai dengan LSG Sky Chefs Brahim's Sdn. Bhd. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya telah beberapa kali membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia. Saya juga pernah meminta MAS membatalkan kontrak catering yang sebelah yang selama 25 tahun dan menilai RM6.25 bilion. Bilion bukan *million*! Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa syarikat LSG Sky Chefs Brahim's ini dimiliki oleh Tuan Haji Ibrahim bin Haji Badawi. Tuan Haji Ibrahim ini adik kepada siapa? Mantan Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Ahli Parlimen Tasik Gelugor faham akan perkara ini kerana beliau yang terlibat pada masa MAS menandatangani kontrak berat sebelah ini untuk tempoh 25 tahun. Kita tahu Yang Berhormat Tasik Gelugor ini amat-amat fasih. Sampai hari ini jarang nampak beliau berada di sini.

Tiap-tiap tahun MAS kena bayar lebih kurang RM300 juta Tuan Yang di-Pertua untuk *catering contract* ini. Harga-harga untuk semua barangan dan servis adalah *nonnegotiable* dan dengan harga yang amat tinggi. Bayangkanlah MAS caj harga secukup sate ayam sebanyak RM2 dan sate daging RM3.20! *[Disampuk]* Harga air mineral mungkin RM10 atau RM20 sebotol. Itu dengan mineral dengan botol emas. Bukan *Malaysian Airline System (MAS)* tetapi

emas atau *gold*. Harga ini lebih tinggi daripada hotel lima bintang Tuan Yang di-Pertua. Harga untuk barangan yang lain pun amat tinggi daripada harga pasaran. Padahal MAS ini membeli makanan ini dengan *bulk buying* dengan mereka. Harganya perlu lebih rendah dan murah tetapi dengan kontrak berat sebelah ini, MAS membeli dengan harga yang amat mahal sekali. Keadaan ini adalah salah satu dari sebab yang menjadikan MAS kerugian besar. Dengan apa-apa *business plan* yang baik pun jika kontrak berat sebelah ini tidak dibatalkan, kerugian MAS akan berterusan dan kerajaan perlu sentiasa membendung masalah kerugian MAS.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat menjelaskan kenapakah Khazanah pada masa material membenarkan MAS memasuki kontrak catering yang berat sebelah tersebut dengan LSG Sky Chef's Brahim Sdn. Bhd.? Sama ada Khazanah akan mengarahkan pengurusan MAS untuk mengambil tindakan untuk membatalkan kontrak catering yang berat sebelah tersebut kerana kontrak ini menjejaskan kepentingan MAS.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini saya diberitahu bahawa Expedia iaitu sebuah syarikat dari Amerika mula beroperasi di Malaysia sebagai *online travel agent* yang menggunakan sijil akreditasi daripada AirAsia Go Holiday Sdn. Bhd. Ini sebuah anak syarikat AirAsia. Saya percaya Expedia ini tidak mempunyai permit Kementerian Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan (KKKP) pada masa itu untuk menjalankan perniagaan *online* di Malaysia.

Pejabat perniagaannya adalah di Simfoni House dengan Tan Sri Azman Yahya juga, Pengarah MAS. Saya dimaklumkan bahawa semua *travel agent* sama ada *online* atau tidak perlu ada permit KKKP yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan. Saya juga dimaklumkan bahawa kementerian tersebut akan mengambil tindakan keras terhadap mana-mana *travel* agensi beroperasi tanpa permit KKKP tersebut.

Saya sudah meneliti laman web Expedia Malaysia dan mendapati bahawa ia tidak mempamerkan nombor permit KKKP di dalam laman webnya. Saya percaya Expedia ini tiada permit. Oleh itu saya ingin bertanya kepada Kementerian Pelancongan kenapakah tiada tindakan diambil terhadap syarikat ini?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat tetapi Yang Berhormat beri ruang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya saya hendak habiskan ini, minta maaf ya, *sorry*. Tuan Yang di-Pertua, ramai rakyat juga mempersoalkan kenapa ramai warga asing dari pelbagai negara bekerja di Malaysia walaupun mereka memasuki di negara kita dengan hanya memiliki pas lawatan sosial. Sebagai perbandingan Ahli-ahli Yang Berhormat semua patut maklum bahawa di Singapura warga Malaysia yang diberikan pas yang sama hanya boleh

berada di sana selama 14 hari sementara jumlah untuk setahun pula tidak boleh melebihi 90 hari.

Oleh kerana jumlah rakyat asing yang menyalahgunakan kuasa pas lawatan sosial mereka dipercayai amat besar di negara kita. Kementerian Dalam Negeri perlu mengarahkan Jabatan Imigresen untuk bertindak dengan lebih tegas dan berkesan untuk menangani masalah yang serius ini juga yang boleh menggugat keamanan jika ia tidak dibendung. Saya pernah membangkitkan perkara ini di Dewan yang mulia ini juga dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri bersetuju untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Akan tetapi sampai saat ini saya tahu tidak ada apa-apa tindakan.

Saya ingin minta Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan terhadap perkara ini kerana ada ramai warga Singapura meninggal dan bekerja di Malaysia dengan berpuluh-puluh tahun. Bukan dua tahun bukan tiga tahun puluh-puluh tahun dengan permit lawatan sosial ini sahaja. Mereka yang sampai tiga bulan keluar ke Singapura atau balik ke Singapura atau ke Thailand dan sebagainya dan kembali di sini. *So the imigresen the check point* kita boleh kesan kenapa sosial pas? Sudah berpuluh-puluh kali cop sudah. Mesti berhentikan kenapa kamu masuk ke negara kita tetapi tidak ada tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, saya hendak gulung Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pelantikan Datuk Bandar yang baru memang dinanti-nantikan dan dialu-alukan oleh warga kota Kuala Lumpur dan juga warga DBKL sendiri. Sebagai bekas pegawai tinggi di Kementerian Wilayah Persekutuan yang juga berhubung kait dengan hal-hal DBKL, saya yakin Datuk Bandar sekarang kita adalah seorang yang penuh berwawasan dan berpengalaman. Akan tetapi setelah tiga bulan menerajui DBKL nampak gaya Datuk Bandar kita seperti masih menikmati tempoh berbulan madu *honeymoon*. Sehingga sekarang belum ada satu pun pertemuan rasmi atau tidak rasmi antara beliau dan Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan.

Masalah-masalah harian yang warga kota terpaksa berdepan nampaknya banyak masalah yang belum diselesaikan dengan berkesan atau pun tidak diselesaikan langsung. Pejabat kawasan DBKL di Wangsa Maju wujud tidak lebih seperti pejabat pos sahaja. Aduan diterima dari rakyat tetapi pada amnya tidak nampak tindakan susulannya. Ada kalanya pejabat perkhidmatan saya berperanan seperti mandur yang bekerja kakitangan DBKL untuk memastikan mereka berusaha untuk membetulkan keadaan yang menjadi rungutan warga kota.

Core centre pula perlu bertindak tidak lebih daripada operator telefon sahaja. Sehingga pengadu mengalih kepada pejabat saya untuk meminta bantuan. Saya sendiri juga pernah membuat aduan bagi pihak penduduk mengenai kontraktor yang ditugaskan oleh DBKL. Akan tetapi keadaan tidak berubah kerana tiada tindakan susulan diambil oleh DBKL seperti Saville

@ Melawati. Berapa kali saya sendiri buat laporan tidak ada tindakan. Saya perlu SMS Datuk Bandar barulah ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu menunjukkan satu kontraktor *friendly* DBKL kita. Sedikit, sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya potret-potret Datuk Bandar yang digantung di pejabat-pejabat DBKL masih tidak mencukupi Tuan Yang di-Pertua. Warga Wangsa Maju telah menyaksikan bahawa sekarang potret Datuk Bandar kita ini juga ada di dalam *banner* ahli politik untuk *open house*. Ini menunjukkan bahawa Datuk Bandar sekarang ini amat minat menayang potret-potret beliau. Kemungkinan beliau takut warga kota tidak mengenali beliau atau beliau ingin memberi notis kepada rakyat bahawa beliau adalah salah seorang ahli politik baru yang akan bertanding dalam pilihan raya tidak lama lagi. Ini adalah amat tidak sihat dan ini akan memberikan gambaran buruk kepada DBKL dan Kerajaan Persekutuan.

Saya berharap Menteri Wilayah Persekutuan dapat memberi penjelasan kenapakah perkara yang ditimbulkan khasnya sama ada potret-potret Datuk Bandar dimasukkan dalam *banner* ahli politik dan keadaan yang saya sebut tadi serta juga pasar Danau Kota yang lebih kurang daripada 8 jam sampai pagi, tiap-tiap malam ataupun sekarang lima hari. Katanya hendak pindah sudah setahun tidak jadi pindah. Bilakah mereka akan dipindahkan? Ini kerana apa? Ini kerana rakyat di Wangsa Maju sudah bosan dan *fed up* kerana ganggu kacau dan banyak masalah sosial yang telah timbul dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua adalah menjadi harapan saya apa yang dilakukan oleh *little Napoleon* ini akan menggagalkan usaha murni kerajaan yang bertujuan untuk mewujudkan suasana kehidupan yang memanfaatkan rakyat. Saya berharap Yang Berhormat Perdana Menteri tidak akan berputus asa jika sekalipun beliau mungkin merasakan bahawa bukan kesemua mereka yang dipertanggungjawab untuk membantu, melaksanakan keputusan kerajaan yang bertugas dengan cemerlang serta penuh taat setia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong bajet ini dan berharap 2014 adalah bajet yang sama. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

4.29 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,*

salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk turut bersama-sama membahaskan Bajet 2013 di dalam Dewan yang mulia ini.

■1630

Saya bersama penduduk Kuala Krau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan juga jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekalu Menteri Kewangan di atas pembentangan Bajet 2013 pada 28 September lalu yang bertemakan "*Makmurkan Negara Menyejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati.*" Sebelum pada saya pergi pada *point* yang hendak saya bahaskan, sayang Yang Berhormat Pokok Sena sudah tidak ada di dalam Dewan ini.

Tadi dia sebut, dia kata, dia keji belanjawan atau bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini bajet menyebabkan orang ramai kencing manis atas alasan kerana pengurangan subsidi 20 sen oleh kerajaan. Akan tetapi Yang Berhormat Pokok Sena ini dia tidak sebut kerajaan masih menanggung lagi 34 sen dengan perbelanjaan RM278 juta. Satu lagi Yang Berhormat Pokok Sena pula dia tidak sebut selain daripada bajet subsidi gula ini diteruskan dengan hanya pengurangan 20 sen, tidak sebut juga subsidi minyak masak untuk menstabilkan harga barangan khusus untuk makanan, minuman. Yang Berhormat Pokok Sena sebut tadi golongan penjaja, penjual goreng pisang, roti canai dan sebagainya iaitu sebanyak RM1.5 bilion.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) mempengerusikan Mesyuarat]

Ini dia sebut macam-macam kata-kata terhadap bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Akan tetapi kita kena faham juga bajet yang dibentangkan oleh pembangkang kalau kita ada sebut hendak menyatakan bagaimana hala tuju orang Islam kita, bagaimana tentang dana wakaf dan sebagainya. Akan tetapi dalam bajet yang dibentangkan oleh parti pembangkang langsung tidak ada sebut tentang hala tuju dan kepentingan umat Islam kita di dalam negara kita.

Jadi saya tahu bajet ini tidak tahulah parti PAS, rakan-rakan dalam PAS ini bersetuju dengan bajet pembangkang, langsung tidak sebut tentang perjuangan dan harta benda kita khusus untuk umat Islam termasuk kepentingan-kepentingannya sebagaimana yang telah disebut oleh Yang Berhormat Rembau, sayang satu perkataan pun tidak disebut.

Inilah bezanya perjuangan yang diperjuangkan oleh pemimpin-pemimpin UMNO dengan kerjasama Barisan Nasional. Kita sama-sama duduk membincangkan bagaimana untuk memberikan kesejahteraan rakyat sama ada orang Melayu yang beragama Islam atau orang Cina, orang India atau kaum-kaum yang lain termasuk juga Orang Asli di kawasan saya. Kita percaya Yang Berhormat Hulu Selangor dia tidak pernah marah kita hendak cakap hendak

memperjuangkan agama Islam, hendak mendirikan masjid, hendak memperjuangkan wakaf-wakaf harta benda orang Islam. Akan tetapi berlainan dengan parti pembangkang yang lain yang kadangkala ada disebut kalau hendak melaksanakan hudud memang mereka tidak bersetuju dan saya percaya bahawa...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: *[Bangun]*

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Yang Berhormat Jasin, baru hendak mula. Sedikit sahaja ya.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat Yang Berhormat Kuala Krau, Tuan Yang di-Pertua, saya harap sahabat saya Yang Berhormat Kuala Krau janganlah hendaknya kita berasa kecil hati tentang apa juga hujahan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Pokok Sena tadi. Ini kerana memang telah menjadi lumrah orang sebelah sana sentiasa menanamkan persepsi kebencian. Dia tidak dapat menerima hakikat sebenar bahawa sebenarnya apa yang kita bentang adalah satu bajet yang cukup bererti kepada seluruh penduduk.

Apa yang saya hendak sebut di sini Yang Berhormat seperti mana yang disebut tadi selain daripada RM0.20 gula tadi yang kita potong tetapi kita juga masih lagi menanggung tentang subsidi tetapi bagaimana dengan subsidi minyak pula dan subsidi-subsidi yang lain yang mereka juga dapat mengecapi tetapi tidak pun disebut dan tidak pernah berasa terima kasih dan terhutang budi kepada kerajaan. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sama juga jawapan saya, Yang Berhormat Jasin juga jangan berdukacita, berkecil hati dengan sikap mereka. Mereka tidak pernah mengucapkan ribuan terima kasih, bersyukur kepada Allah, Tuhan Yang Maha Esa kerana kepimpinan Kerajaan Barisan Nasional telah memberikan pelbagai-bagai kemudahan kepada rakyat. Apa yang saya sebut tidak kira sama ada kita masih lagi di dalam kandungan ibu, tidak kira sama ada yang si mati itu telah meninggal dunia kerana harta-harta pusaka dan harta-harta peninggalan si mati juga akan diperkasakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bahawa kita telah memahami bahawa Bajet 2013 ini memberikan lima fokus utama:-

- (i) Merangsang aktiviti pelaburan;
- (ii) memperkasa pendidikan dan latihan;
- (iii) membudaya inovasi, meningkatkan produktiviti;
- (iv) konsolidasi fiskal dan mempercepatkan penyampaian perkhidmatan awam; dan,
- (v) menyejahterakan rakyat.

Cuma dalam perbahasan saya lebih menumpukan kepada menyejahterakan rakyat. Pertamanya Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M 2.0). Saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga di atas pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri

kewangan kita kerana akan meneruskan Bantuan Rakyat 1Malaysia pusingan kedua yang akan diberikan kepada keluarga yang mempunyai pendapatan RM3,000 ke bawah sebanyak RM500 secara *one-off* dan kali ini diperluaskan kepada individu bujang yang berumur 21 tahun dan ke atas yang mempunyai pendapatan yang tidak melebihi RM2,000 sebulan berjumlah RM250.

Cuma beberapa persoalan yang selalu diajukan oleh orang ramai, pertama adakah pendapatan RM3,000 ini hanya bergantung kepada pendapatan kasar tanpa mengira beban tanggungan isi rumah atau tanpa mengira beban pendapatan ketua keluarga isi rumah. Sama ada keperluan untuk membayar pinjaman perumahan yang sangat mereka perlukan atau pinjaman kenderaan yang paling penting tanpa mengira berapakah bilangan tanggungan anak-anak yang sedang belajar.

Oleh itu saya juga merayu agar pemberian BR1M 2.0 ini mestilah mengambil kira bebanan tanggungan pinjaman paling tidak pinjaman perumahan dan juga bilangan tanggungan anak-anak yang masih bersekolah. Saya juga ingin bertanya adakah bantuan BR1M kepada orang bujang ini termasuk ibu tunggal atau bapa tunggal yang tiada tanggungan anak dan mereka layak sama ada menerima RM500 atau RM250. Juga saya berharap kerana kawasan Kuala Krau ini ada 14 buah rancangan FELDA yang ada di kalangan rancangan FELDA terlibat di dalam projek penanaman semula kelapa sawit, saya berharap peneroka FELDA yang layak mestilah diberikan juga Bantuan Rakyat 1Malaysia 2.0 ini.

Kedua adalah keperluan bekalan air bersih. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan kerana telah memperuntukkan sebanyak RM1.6 bilion bagi projek bekalan air untuk 24,000 buah rumah dan projek penyambungan bekalan elektrik kepada 19,000 buah rumah. Di kawasan saya, walaupun tiada lagi tempat yang tidak menikmati bekalan air bersih namun begitu kita tahu kadang-kadang ada berlaku gangguan terputus bekalan air. Ini disebabkan beberapa faktor pertama, projek pembangunan setempat yang dilakukan tidak dirancang sebaik mungkin oleh pihak jawatankuasa teknikal di peringkat daerah. Contohnya projek perumahan yang baru di bina tidak merujuk kepada keperluan atau kekuatan kapasiti sebenar untuk menyalurkan bekalan air tersebut sama ada kepada penduduk sedia ada atau penduduk yang tinggal di taman perumahan yang baru yang akan dibina tersebut.

Sebagai contohnya sebuah kampung di kawasan saya iaitu di Kampung Paya Sok adalah kampung tradisional atau kampung tradisi yang telah menikmati bekalan air bersih sejak 50 tahun yang lalu. Namun begitu mereka ini sedang menghadapi masalah gangguan bekalan air bersih apabila bekalan air bersih tersebut disalurkan kepada kampung yang lain, kampung yang baru dibuka atau kepada taman perumahan yang baru dibina di sekitar pekan Kuala Krau.

■1640

Saya percaya ini adalah akibat daripada tekanan air yang rendah dan menafikan kemudahan bekalan air di Kampung Paya Sok yang mereka nikmati selama ini.

Saya juga ingin bertanya kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan serta Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air sama ada telah mengarahkan agensi-agensi dan jabatan di bawah kementerian tersebut termasuk pihak berkuasa tempatan (PBT) membuat kajian menyeluruh mengenai kapasiti utiliti seperti bekalan air, elektrik, tentang ancaman alam sekitar, sistem perparitan dan longkang yang baik agar dapat disediakan sebelum sesuatu pembangunan baru dilancarkan.

Pertambahan bilangan penduduk setempat mestilah juga diambil kira dan adakah bancian penduduk yang telah dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Negara telah diambil kira. Saya juga mencadangkan satu jawatankuasa teknikal khas ditubuhkan di setiap daerah bagi mengenal pasti masalah keperluan kapasiti bekalan air termasuk bekalan elektrik.

Seterusnya masalah air ini juga bukan sahaja terganggu di kawasan-kawasan kampung tradisional tetapi juga melibatkan kawasan-kawasan atau rancangan-rancangan FELDA di kawasan DUN Jengka termasuk Bandar Tun Abdul Razak, Jengka Pahang. Masalah yang dihadapi walaupun ada dua loji besar yang beroperasi di dua kawasan tersebut iaitu di Loji Air Batu Sawar dan juga Loji Air Utama Jengka. Namun begitu oleh kerana kepesatan pembangunan dan juga pertambahan penduduk di kawasan sama ada di kampung tradisional atau di rancangan FELDA termasuk juga dengan pembinaan UiTM Cawangan Jengka yang penduduk atau pelajar dan kakitangannya melebihi 11,000 dan penduduk di kawasan Bandar Tun Abdul Razak bersama dengan penduduk di rancangan-rancangan FELDA melebihi 100,000 dan saya percaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa yang sudah.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Baru mula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baru mulakah ini?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Baru 12 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Dan saya percaya bahawa masalah ini dapat diselesaikan sekiranya ada peruntukan-peruntukan yang disediakan melalui Bajet 2013 untuk kita membaik pulih atau menaik taraf kedua-dua loji yang saya sebutkan tadi iaitu Loji Batu Sawar dan juga Loji Air Utama Jengka. Masalah yang telah dikenal pasti apabila loji ini dibina di kawasan kampung tradisional di Kampung Batu Sawar tetapi air yang disalurkan ke kawasan Bandar Tun Abdul Razak Jengka, di rancangan-rancangan FELDA barulah berpatah balik ke 10 kampung tradisional tadi.

Oleh itu, saya mencadangkan supaya satu perancangan yang khusus supaya air di kawasan kampung-kampung tradisi ini disalurkan terlebih dahulu atau diasingkan dengan Loji

Air Batu Sawar difokuskan kepada kampung tradisi dan juga loji air utama Jengka difokuskan kepada rancangan FELDA. Saya percaya masalah ini adalah berikutan dengan penutupan Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka yang kita tidak lagi mendapat peruntukan yang besar bagi kita menyenggara dan memastikan projek pembangunan tempat tersebut tidak terjejas.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Sedikit penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau, kembar Kuala Krai. Masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau tadi saya rasa sama-sama dialami oleh kita semua di daerah-daerah kita iaitu penyediaan prasarana yang tidak menepati atau tidak mengikut perkembangan pembangunan sama ada dari segi pendudukan ataupun pembangunan bandar-bandar baru yang menyebabkan apa yang dibekalkan seperti bekalan air, tenaga elektrik, mungkin prasarana telekomunikasi akan tidak dapat menepati keperluan. Saya gembira Yang Berhormat Kuala Krau mencadangkan supaya ada jawatankuasa teknikal yang ditubuhkan sedangkan kita tahu di peringkat daerah kita ada jurutera daerah, kita ada *engineer* bekalan air dan semua pakar teknikal.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Kuala Krau supaya jawatankuasa ini yang saya jangka jawatankuasa pembangunan daerah ini ada dapat di *upgrade*kan untuk menjadi satu jawatankuasa yang boleh membuat unjuran lima hingga sepuluh tahun bagi daerah masing-masing supaya bersedia menghadapi perkembangan-perkembangan baru yang berlaku di tempat masing-masing. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Krau. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krai]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Satu pandangan yang baik dan dengan tidak menjejaskan peranan yang telah kita lakukan selama ini melalui mesyuarat tindakan atau mesyuarat pembangunan daerah, namun kadang-kadang mesyuarat tersebut tidak dapat mengenal pasti dan juga menyelesaikan masalah keseluruhan mengenai projek pembangunan dan juga keperluan penduduk terutama sekali dari segi bekalan elektrik dan juga bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita selain daripada memberikan peruntukan yang besar bagi bekalan air dan elektrik, juga saya ingin mencadangkan supaya peranan FELDA sekali lagi diberikan kepada kawasan Parlimen Kuala Krau dan juga kawasan Parlimen yang mempunyai rancangan-rancangan FELDA yang menghadapi masalah gangguan bekalan air ini supaya projek bagi penambahbaikan penyelenggaraan paip air dapat kita lakukan. Yang paling penting projek penggantian paip-paip yang lama.

Saya mencadangkan supaya FELDA dapat memberikan peruntukan yang besar kepada negeri Pahang khususnya di kawasan FELDA, di kawasan DUN Jengka sejumlah RM200 juta bagi menambah baik bekalan air di kawasan FELDA dan juga peranan-peranan FELDA membantu kampung-kampung tradisi yang berhampiran dengan rancangan FELDA.

Selain daripada itu, masalah yang dihadapi tentang utiliti ini ialah tentang terlalu kerapnya berlaku kerosakan jana kuasa elektrik yang digunakan bagi memproses bekalan air tersebut di kedua-dua loji iaitu di Loji Air Batu Sawar dan juga di Loji Air Utama Jengka. Saya juga mencadangkan supaya loji rawatan air tersebut dinaiktarafkan dan jana kuasa elektrik tersebut diganti baru serta membina baru sebuah stesen jana kuasa elektrik khas bagi operasi kedua-dua loji tersebut.

Saya juga mencadangkan supaya penggantian paip-paip lama dapat dilakukan dengan segera kerana begitu kerap sekali kejadian paip bocor atau paip pecah dan ini merugikan bukan sahaja kepada pihak kerajaan malah yang paling penting memberikan gangguan kepada kemudahan orang ramai.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, tentang RTC. Dalam memacu transformasi komuniti, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memperkenalkan UTC dan juga RTC. UTC ini ditubuhkan untuk kawasan bandar, manakala RTC bagi kawasan luar bandar dan ini bermakna peniaga kedai, penjaja, petani, pekebun, penternak mahupun usahawan dapat memasarkan produk masing-masing di kawasan yang telah disediakan. Saya yakin RTC dapat membela masyarakat luar bandar bagi meningkatkan sosioekonomi dan pendapatan masing-masing. Sebagai contoh kejayaan RTC ini iaitu di RTC Kelantan yang telah mencatatkan urus niaga bernilai melebihi RM20 juta sebulan. Oleh itu, saya mencadangkan supaya RTC ini dapat dibina di Bandar Tun Abdul Razak Jengka sebagaimana RTC Bandar Baru Tunjong di Kelantan yang kos pembinaannya berjumlah RM149 juta.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya tentang wakaf dan harta pusaka. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas penubuhan Yayasan Wakaf Malaysia di bawah Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) yang diberikan tanggungjawab untuk merangka pelan induk wakaf korporat sebagai platform pembangunan wakaf korporat di negara kita.

■1650

Peranan dana wakaf ini juga perlu diperluaskan bagi pembangunan pendidikan tinggi di dalam negara kita. Struktur dana wakaf yang kukuh mampu membina institusi pengajian tinggi (IPT) yang dapat bergerak bebas tanpa memerlukan bantuan daripada kerajaan untuk menampung kos operasi termasuk membantu perbelanjaan para pelajar yang kurang berkemampuan bagi meneruskan pengajian mereka.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana telah melantik PTPTN sebagai penggerak utama sebuah tabung yang dikenali sebagai tabung *endowment* yang mempelawa mana-mana syarikat GLC swasta dan individu untuk menyumbangkan dana kewangan di dalam tabung tersebut bagi membantu pelajar-pelajar miskin bagi menampung perbelanjaan harian atau wang saku pelajar. Oleh itu, dana wakaf juga bersama dengan jabatan-jabatan negeri melalui duit zakat dipelawa bersama-sama menyumbang kepada dana

tabung *endowment* tersebut. Saya juga ingin mencadangkan agar penyumbang kepada dana tersebut diberikan potongan cukai dua kali dengan izin, *double deduction* sebagai penggalak bagi mereka yang menyumbang kepada tabung ini.

Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua, yang perlu diberikan perhatian ialah masalah berkaitan dengan harta pusaka. Kerajaan seharusnya menumpukan usaha kepada bagaimana untuk membantu dan menyelesaikan masalah harta pusaka yang tidak diwasiatkan yang bernilai lebih RM45 bilion. Ini melibatkan sama ada harta tetap atau harta alih dan harta tidak tetap atau harta tidak boleh alih peninggalan si mati. Saya juga mencadangkan satu yayasan harta pusaka ditubuhkan bagi membuat perancangan mengurus atau memberikan pendedahan dan khidmat nasihat kepada waris si mati agar harta-harta tersebut tidak menjadi harta yang beku yang tidak dapat dibangunkan dan merugikan umat Islam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya perkara yang memberikan kesejahteraan rakyat adalah soal perumahan yang sangat mendesak bagi golongan muda. Saya mengucapkan juga ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion bagi membina 20,000 unit rumah untuk Projek Perumahan Generasi Baru di kawasan FELDA dan peruntukan RM60 juta pula bagi membaiki rumah-rumah di kampung tradisi sekitar rancangan FELDA.

Saya ingin mencadangkan, selain daripada FELDA mencari tanah yang luas seperti 200 ekar hingga 500 ekar untuk Projek Perumahan Generasi Baru FELDA, FELDA disarankan membina rumah generasi baru di kawasan lot-lot kosong di setiap rancangan FELDA. Lot-lot kosong tersebut boleh dibina sekurang-kurangnya 100 buah unit rumah di setiap rancangan FELDA sekali gus boleh mengatasi masalah ketidakselesaian generasi baru untuk berpindah ke kawasan lain setelah sekian lama duduk di rancangan tersebut dan bekerja bersama-sama dengan ibu bapa dan lot-lot tersebut tidak menjadi punca perbalahan atau perselisihan di kalangan penduduk atau peneroka FELDA di sana akibat daripada perebutan mengusahakan lot-lot kosong tersebut sama ada dengan cara bercucuk tanam atau membina rumah tanpa kebenaran daripada FELDA mahupun kerajaan negeri.

Di kampung tradisional pula, terdapat permohonan pembesaran kampung oleh JKKK tetapi begitu lambat sekali diproses dan diluluskan oleh pihak Pejabat Tanah dan Daerah. Saya juga mencadangkan projek pembesaran kampung tersebut diluluskan segera oleh kerajaan negeri, dan kerajaan negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan melantik syarikat perumahan negara, 1MDB, PR1MA untuk membina taman perumahan tersebut mengikut kemampuan generasi kedua kampung tradisi yang bernilai di antara RM65,000 hingga RM120,000. Rumah tersebut dicadangkan dibina secara rumah teres atau semi-D mengikut kesesuaian tapak dan kemampuan generasi baru kampung tradisi.

Cadangan ini dibuat kerana selama ini rumah mesra rakyat SPNB dibuat di atas tanah individu dan yang menjadi masalah tanah tersebut adalah tanah secara perkongsian hak milik

atau tanah tersebut telah terlibat dengan gadaian atau tanah tersebut telah menjadi tanah harta pusaka. Ini menjadikan peluang generasi baru untuk memiliki rumah mesra rakyat terbatas dan permohonan mereka gagal akibat daripada masalah yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya berharap Bajet 2013 ini beberapa perkara yang telah dijanjikan oleh pihak-pihak atau kementerian-kementerian untuk membina kemudahan di kawasan saya seperti membina Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau 2, mewujudkan Tingkatan 6 di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau, membina baru Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil bagi Ladang Sungai Tekal yang sedia ada berpindah ke Pekan Kuala Krau. Sementara itu Kementerian Dalam Negeri yang telah bersetuju meluluskan bagi pembinaan balai polis yang telah diumumkan peruntukannya sebanyak RM20 juta. Sementara Kementerian Pertahanan pula telah mengumumkan melalui Yang Berhormat Menteri iaitu membina kem askar Wataniah di kawasan Parlimen Kuala Krau. Sementara itu Kementerian Pelancongan bersetuju untuk menaik taraf pusat pelancongan di Gunung Senyum sebanyak RM2 juta dan Kementerian Luar Bandar dan Wilayah membina Pusat GiatMARA sebanyak RM2 juta.

Oleh kerana alasan-alasan yang telah diberikan sebelum ini tiada peruntukan, sekali lagi saya mohon kepada kementerian-kementerian yang saya sebutkan tadi dapat menyalurkan peruntukan tersebut dan pada tahun 2013 dapat dibina kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong Bajet 2013 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau.

4.56 ptg.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Oleh kerana ini adalah satu bajet yang terakhir sebelum pilihan raya umum ke-13, ingin saya ucapkan penghargaan ikhlas dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Panglima Pandikar Amin, dan juga Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi atas bantuan dan nasihat semasa penggal di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2013 yang konon mesra dan mensejahtera rakyat diperlihatkan sebagai dekat dengan membeli undi mengikut ahli politik veteran Barisan Nasional, bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, menjelang pilihan raya umum ke-13. Tun Dr. Mahathir berkata Kerajaan Barisan Nasional dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mempunyai banyak wang untuk diberikan. Di sini saya ingin

mengetahui bagaimana wang tambahan ini diperolehi padahal bajet ini merupakan bajet defisit bagi 16 tahun berturutan. Sangat kurang adil jika generasi muda perlu bertanggungjawab terhadap penyalah urusan kerajaan dan membayar kompaun yang lebih berat kemudian.

Kompaun-kompaun seperti kesalahan lalu lintas meskipun kes-kes yang kecil juga dinaikkan sekurang-kurangnya RM300 hingga RM2,000 akan membebankan rakyat secara langsung terutama sekali di Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan awam wujud secara minimum sahaja.

Di samping itu, kenaikan kompaun akan menggalakkan rasuah dan denda yang dikenakan oleh MPOB iaitu *Malaysia Palm Oil Board* terhadap ladang-ladang dan peladang-peladang kecil yang terlibat dalam pengutipan buah dan tandan segar yang belum matang iaitu *unripe FFB* ataupun penjualan kepada kilang-kilang minyak sawit akan didenda sebanyak RM200,000 atau penjara selama tiga tahun atau kedua-duanya. *Stakeholder* perusahaan ingin mengetahui mengapa denda terhadap pengutipan buah-buah sawit kepunyaan mereka sendiri adalah lebih berat daripada denda terhadap jenayah-jenayah seperti...

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Yang Berhormat...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...Merogol kanak-kanak di bawah umur seperti mana dalam kes-kes baru-baru ini.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh bagi laluan?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Walaupun Menteri Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan polisi ini ditamatkan sementara, tetapi perusahaan kebun-kebun kecil dan estet mahu polisi ini dibatalkan kerana polisi ini tidak berpatutan.

■1700

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Boleh tidak saya...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Ucapan saya panjang.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ya, sekejap sahaja. Kalau fakta itu tersalah, saya boleh bagi respons serta-merta.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Yang Berhormat, boleh bagi saya maklumat yang betul di luar Parlimen kerana dalam dua, tiga hari saya sedang cari Yang Berhormat.

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini cakap dalam Parlimen, kalau kita selesaikan soalan dengan serta-merta.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Saya teruskan. Rakyat Sabah sangat kecewa kerana mereka terus menghadapi polisi-polisi...

Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad [Johor Bahru]: Ini selesaikan masalah serta-merta Yang Berhormat.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Kalau fakta kurang tepat, mengelirukan Dewan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Tawau kelirukan Dewan, bagilah ini, pengerusi jawab.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Sebab isu-isu tidak mesra dengan rakyat yang menyebabkan kadar kemiskinan tertinggi dengan 19.7% di seluruh Malaysia berbanding dengan kadar kemiskinan nasional, 3.8%. Juga ini membawa penderaan kepada wanita dan kanak-kanak, kadar pengangguran tertinggi keseluruhannya dengan 5.6%. Inflasi juga tertinggi di Sabah dengan 2.9%, harga-harga barangan tertinggi, harga perumahan tertinggi, kadar penagihan dadah tertinggi, bilangan gangguan bekalan kuasa elektrik dan air juga tertinggi. Keadaan jalan-jalan tempatan dan Persekutuan yang teruk sekali...

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat Tawau, boleh minta laluan sikit. Ini pasal, pendek sahaja. Ini penting Yang Berhormat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Sekejap.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Menteri yang berkenaan dulu ada, boleh?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Okey, sikit sahaja.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Ini pendek sahaja. Menteri yang bertanggungjawab dengan bekalan elektrik di Sabah ini ada pernah berjanji Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Tawau, boleh duduk dulu.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Apabila beliau datang ke Sabah atas desakan orang Sabah mengenai penyelesaian elektrik, beliau telah berjanji, kalau sekiranya beliau tidak dapat menyelesaikan bekalan elektrik pada penghujung tahun yang lalu, beliau berjanji untuk letak jawatan. Akan tetapi beliau ini masih Menteri. Jadi sekarang ini kita mesti lagi bergelut dengan gangguan elektrik yang teruk. Jadi apa pendapat Yang Berhormat Tawau? Mintalah Menteri letak jawatan.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran. Saya bersetuju juga kerana masalah selama ini pun belum selesai. Bilangan pendatang tanpa izin atau PATI yang tertinggi juga meskipun 49 tahun selepas membentuk Malaysia. Rakyat Sabah bertanya, mengapa Sabah selaku negeri yang kaya dengan minyak, gas dan kelapa sawit masih begitu mundur berbanding dengan negeri yang maju tetapi mereka tidak ada minyak dan gas. Banyak polisi kurang mesra terus dilaksanakan di bawah Kerajaan Barisan Nasional walaupun terdapat banyak aduan dan rayuan daripada rakyat Sabah. Contohnya Polisi Cabotage menyebabkan harga-harga barangan dan makanan yang tinggi yang terus menghakis standard hidup dan memperluaskan jurang di antara yang sangat kaya dan yang sangat miskin.

Perkara pertama yang saya akan bangkit di sini, saya ingin mengetahui apakah mekanisme dalam pemberian subsidi pengangkutan sebanyak RM386 juta untuk program penyeragaman harga di Sabah, Sarawak dan Labuan masing-masing. Bolehkah jumlah 57 buah Kedai Rakyat 1Malaysia yang berbelanja RM6.77 million untuk sebuah KR1M melangkaui

semua bandar termasuk luar bandar di negeri Sabah, Sarawak dan Labuan. Kenapa dengan jumlah RM386 million ini, kementerian tidak bagi atau memberikan *direct* subsidi untuk pengangkutan? Ini adalah impak untuk menurunkan kos barangan dan kedai-kedai runcit rakyat di luar bandar khususnya boleh dapat barangan kos yang *uniformity* dengan bandar-bandar di Semenanjung Malaysia secara *direct*.

Rakyat Malaysia perlu solusi atau *solution* untuk *long term* untuk *price uniformity* dengan *full liberalization cabotage policy* supaya semua harga barangan boleh diturunkan termasuk barangan keperluan. Rakyat ingin mengetahui mengapa Sabah mendapat apa-apa begitu buruk sedangkan Sabah merupakan rakan kongsi yang setara dalam pembentukan Malaysia dengan banyak sumbangan dalam minyak dan gas, minyak sawit kepada bajet persekutuan serta pembangunan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Perkara kedua, Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berhubung peningkatan litupan populasi Sabah sehingga 390% peningkatan dari 600,000 pada tahun 1970 kepada 3.21 juta pada 2010 seperti dilaporkan oleh Unit Perancangan Ekonomi Sabah. Mengapakah tema-tema rujukan atau *term of references* RCI tidak meliputi sebarang fasa penalti terhadap pihak-pihak berkuasa atau kakitangan terlibat dalam pemberian kewarganegaraan kepada pendatang-pendatang tanpa izin di bawah projek IC yang menjadi pengundi. Kemudian, pendatang asing yang secara senangnya menjadi warga Malaysia di antaranya ada yang langsung tidak boleh sebut patah kata. Apa baik atau keberkesannya yang didapati dilakukan RCI untuk Sabah jika kerajaan tidak mempunyai sebarang azam politik untuk membetulkan masalah dan mereka yang salah, pengkhianat dibiarkan bebas sahaja.

Bagaimanakah RCI akan melindungi hak-hak rakyat jika sekiranya *term of references* tidak mengambil kira banyak langkah mencegah dan hukuman *judicial* yang menyeluruh. Jangan biarkan RCI sebagai perhiasan tingkap sahaja apabila kita melihat pendatang tanpa izin terus masuk ke Sabah dan orang-orang asing terus tinggal melebihi tempoh di Sabah tanpa sebarang penguatkuasaan yang tegas. Dengan peningkatan penduduk di Sabah, seramai 889,779 orang warga asing, saya ingin tahu mereka ini ada mempunyai MyKad atau sudah menjadi pengundi di Sabah. Adakah kehadiran mereka di Sabah mengakibatkan kadar kemiskinan yang tinggi di Malaysia dan membebankan semua perkhidmatan jabatan-jabatan, agensi-agensi kerajaan. Mengikut laporan Setiausaha Persekutuan, Datuk Bakar Hassan, di antara 30,869 orang asing yang tiba di jeti pelabuhan Tawau pada Januari hingga Ogos 2012, tidak ramai yang keluar secara rasmi. Pada tahun 2011, sejumlah 217,453 orang memasuki Sabah melalui jeti pelabuhan Tawau, hanya 165,857 orang keluar dan 51,596 orang tidak dapat dikesan.

■1710

Ini hanya untuk satu tahun sahaja dan begitu juga dengan 151,849 orang memasuki Sabah tetapi hanya 120,980 orang keluar dari Sabah. Mengikut rekod rasmi bagi tahun ini dan

penguatkuasaan yang tidak tegas terhadap orang-orang asing yang tinggal melebihi tempoh sudah memberi satu gambaran palsu kepada orang-orang asing terutamanya pendatang tanpa izin, bahawa pihak-pihak berkuasa Malaysia adalah kurang tegas dengan kawalan-kawalan mereka. Untuk perkara yang ketiga, rakyat Sabah mengalu-alukan pembinaan rumah *medium cost* dan Rumah Mesra Sabah oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) di Sabah. Akan tetapi adakah Perdana Menteri sedar semua pembangunan perumahan oleh SPNB di Sabah telah gagal. Saya merujuk kepada Taman Apas Permai, Batu 15, Jalan Apas. Pembeli-pembeli 856 unit rumah di Taman Apas Permai menuntut satu penjelasan daripada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, mengapa pembangunan perumahan di bawah Kementerian Kewangan sudah tertangguh lebih daripada dua tahun.

Penangguhan itu telah menyebabkan kesusahan kepada pembeli-pembeli rumah yang dibebankan untuk pembayar *interest* atas pinjaman bank dan masih membayar sewa kerana mereka masih tidak dibenarkan pindah masuk rumah walaupun diberitahu bahawa kesemua 175 buah rumah jenis 'B' adalah siap sedia. Banyak alasan telah diberi. Di antaranya, pembangun perumahan itu menghadapi masalah-masalah teknikal. Rakyat telah hilang keyakinan terhadap projek perumahan itu. Saya ingin mendesak kementerian supaya bertanggungjawab dan menjelaskan bagaimana satu buah projek pembangunan secara langsung di bawah Kementerian Kewangan boleh memberi begitu banyak masalah kepada rakyat Sabah sedangkan objektif asalnya adalah untuk menyediakan perumahan yang mampu dimiliki untuk rakyat.

Ia adalah malang bahawa kebanyakan pembangunan SPNB di Sabah telah ditangguhkan atau terbengkalai manakala masalah itu tidak berlaku di Semenanjung Malaysia. Rakyat Tawau berkata ia adalah satu penghinaan kepada rakyat Tawau atau Sabah apabila 'Janji Ditepati' telah dipilih untuk perayaan hari merdeka pada tahun ini. Untuk perkara yang keempat, penyelenggaraan jalan-jalan Persekutuan di Jalan Apas. Saya ingin mendesak Kementerian Kerja Raya mempercepatkan kerja-kerja pembaikan sebelah jalan yang runtuh di Jalan Apas, kilometer 23, dekat tempat masuk Lapangan Terbang Tawau. Bahagian jalan tersebut telah runtuh lebih daripada satu tahun lalu. Kini belum ada sebarang tindakan diambil. Justeru itu, keadaan jalan itu sudah sampai satu tahap yang kritikal dan bahaya bagi pemandu-pemandu kenderaan.

Jalan Apas adalah jalan utama ke lapangan terbang dan juga ke Lahad Datu, Sandakan, Semporna dan juga lalu lintas berat didapati setiap hari. Sebarang penangguhan kerja pembaikan atau merosakkan keadaan jalan akan membawa akibat mahal dan kesulitan untuk pengguna-pengguna jalan. Saya juga mendesak Menteri mengkaji semula di kilometer 11, Jalan Apas kerana permukaan jalan sudah menjadi tidak sekata walau pun baru-baru diperbaiki satu bulan dahulu. Ini membahayakan semua pengguna-pengguna jalan. Ingin saya mengetahui bilakah jalan rangkaian, *ring road* dari Kota Kinabalu, Sandakan ke Lahad Datu ke

Kalabakan dan Keningau dan balik ke KK Ring Road dinaik taraf dengan disiapkan, khususnya di seksyen Jalan Kalabakan ke Keningau. Perkara yang kelima, penubuhan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji semula royalti minyak untuk negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

Perdana Menteri telah mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas untuk mengkaji semula royalti minyak untuk negeri-negeri Semenanjung pada 22 Ogos tahun ini. Ingin saya mengetahui sama ada jawatankuasa khas tersebut sudah ditubuhkan. Apakah semua *terms of reference* bagi kajian itu dan apakah kemajuan kajian itu. Ingin saya mengetahui juga mengapa Sabah dan Sarawak telah ketinggalan daripada jawatankuasa khas itu sedangkan sudah 38 tahun sejak Akta Pembangunan Petroleum 1974 diubah. Oleh kerana Sabah dan Sarawak adalah penyumbang-penyumbang utama dalam minyak dan gas, adil sahaja jika royalti minyak kepada dua-dua negeri dikaji semula terutama sekali di Sabah yang masih menjadi negeri yang termiskin di seluruh Malaysia.

Pendapatan petroleum Sabah adalah 25% daripada keseluruhannya dan pendapatan gas dari Sabah adalah 12% dengan pendapatan berjumlah RM65.45 juta atau penyumbang 35% bajet *Federal* pada tahun 2012. Penyumbang besar oleh petroleum dan gas dari Sabah tidak seimbang dengan pembangunan atau keadaan di negeri Sabah...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah YB?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Perkara keenam,...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mencelah pasal royalti minyak ini. *Information* tak berapa tepat. *Information* tak berapa tepat, amat penting untuk saya selesaikan...

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Perkara yang keenam ialah peningkatan kes-kes jenayah di taman perumahan menjadi... [*Dewan riu*]

Beberapa Ahli: Duduklah, duduklah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tak, *information* tak betul. Jumlah *RM65 billion is not right, it's a lie. I will explain to you.*

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Perkara yang keenam, peningkatan kes-kes jenayah di taman perumahan menjadi tumpuan di kalangan rakyat terutamanya penduduk-penduduk di Sabah amnya dan Tawau khasnya.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tak, kalau tak, saya guna peraturan mesyuarat.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Kes-kes jenayah sedang berlaku pada waktu pagi dan petang, tidak semestinya waktu malam. Kes-kes jenayah dilakukan oleh pendatang tanpa izin. Di antara taman-taman perumahan...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...Apabila hanya suri rumah, wanita atau anak-anak mereka...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Rasanya tidak boleh kita biarkan pembohongan yang dibuat. Kalau kita nak buat penjelasan, kita minta penjelasan, dia tak bagi. Makna, pembohongan! Kalau tidak, inilah standard pembangkang, *Allah*.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...Berada di rumah waktu siang hari. Pencuri yang ganas dan mengancam wanita-wanita dan kanak-kanak suri rumah di rumah.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Statistik itu tak betul Yang Berhormat, *very dangerous*.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Ini menyebabkan penduduk bukan sahaja kluatir dan takut kes-kes jenayah yang berlaku di luar rumah dan juga di rumah sendiri. Saya ingin mengetahui daripada jumlah peruntukan sebanyak...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh? Boleh? Boleh tak boleh saya cakap? Kalau tak, saya tak duduk. Tak boleh Yang Berhormat Tawau?

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: ...Jumlah RM591 juta pada tahun 2013, berapakah peruntukan yang akan diberi kepada rakyat di Sabah amnya dan Tawau khasnya untuk meningkatkan keselamatan penduduk-penduduk di perumahan. Kedua, berapakah unit rondaan bermotosikal memantau kawasan perumahan akan diberi kepada Sabah atau Tawau. Berapakah ahli pasukan sukarelawan polis akan dilantik untuk membantu polis membanteras jenayah di Sabah dan Tawau. Berapakah banyak CCTV yang akan ditempatkan di Sabah dan di Tawau.

■1720

Perkara yang ketujuh, mengenai latihan dan kemahiran. Saya ingin mengetahui apakah program latihan dan kemahiran dan berapakah banyak peruntukan akan diberi kepada penganggur dan graduan diploma dan sarjana muda di Sabah kerana pengangguran di Sabah adalah sebanyak 5.6%. Kita berharap latihan dalam kemahiran minyak dan gas supaya mereka boleh mendapat dan mempunyai kemahiran untuk bekerja di terminal minyak serta Gas di Sipitang, Sabah atau pembangunan minyak dan gas di Sabah. Kita berharap penganggur di Sabah diberikan peluang untuk berlatih dan bekerja dalam bidang minyak dan gas di Sabah.

Perkara yang kelapan, rakyat mengalu-alukan perbelanjaan RM100 juta kepada jenis sekolah kebangsaan dan saya mendesak kepada kementerian untuk menambah peruntukan kepada sekolah jenis kebangsaan Cina oleh kerana sekolah jenis kebangsaan Cina ada berjumlah 1,200 lebih buah di seluruh Malaysia dengan kelas saiz lebih daripada 50 pelajar untuk setiap kelas. Ini adalah jumlah murid yang tertinggi berbanding dengan sekolah jenis kebangsaan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua saya minta penjelasan dari Kementerian Pelajaran juga di antara 300 makmal komputer dibina oleh Kementerian Pelajaran untuk sekolah kebangsaan di negeri

Sabah hanya 10 buah makmal komputer boleh digunakan dan berfungsi. Saya mendesak kepada kementerian apakah tindakan akan diambil oleh kementerian supaya murid-murid serta pelajar tidak tertinggal dalam kemahiran komputer dan dengan itu sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk dahulu Yang Berhormat. Kita berucap dalam Dewan banyak menggunakan fakta-fakta Yang Berhormat ya tetapi kalau fakta itu diucap dengan tidak sengaja saya sudah lupa apa kata pakar tetapi saya mengetahui isinya bahawa kalau kesalahan itu tidak disengajakan tidak menjadi apa tetapi kalau ia disengajakan ia akan menjadi suatu pembohongan di dalam Dewan Yang Berhormat.

Jadi saya berharap penggunaan fakta ini kena betul jugalah. Jangan gunakan kebebasan dalam Dewan tidak berfakta yang betul.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat tidak apalah Yang Berhormat. Penjelasan saya tidak perlu dicegah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Saya bersetuju sebenarnya Tuan Yang di-Pertua sebab RM65 bilion yang disebut oleh Yang Berhormat Tawau itu tidak betul. RM65 bilion itu yang tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apalah Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Itu kalau di *pick-up* nanti dalam *blog* *Twitter* pembangkang dia akan lebih lagi, jadi susah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peringatan kepada kami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya memperingatkan semua ya Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Semua kena.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya memperingatkan semua kerana menggunakan fakta ini kita tidak di *expect to really* beritahu semua fakta ini *correct* tetapi kalau disengajakan menyelewengkan Dewan itu sudah tidak betul Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Jasin.

5.24 ptg.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri saya peluang untuk bersama-sama memberi perbincangan di Dewan yang mulia ini. Kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

yang telah dapat membentangkan satu bajet yang cukup bererti. Saya berkeyakinan bahawa bajet yang dibentangkan merupakan satu bajet yang paling terbaik dalam meneruskan tradisi kerajaan sedia ada untuk memakmurkan negara dan membawa kesejahteraan umah.

Walaupun pihak pembangkang mempunyai banyak persepsi tetapi kita menerima hakikat bahawa inilah sebenarnya tabiat mereka yang sentiasa tidak dapat menerima hakikat sebenar walaupun apa jua kebaikan yang kita buat, dia akan dibalaskan dengan keburukan. Walaupun mereka sama-sama dapat menikmati semua sekali kebajikan yang telah diberikan oleh kerajaan tidak pernah rasa bersyukur dan berterima kasih. Akan tetapi sebagai kerajaan kita akan meneruskan perjuangan ini supaya kita dapat membuktikan bahawa kita telah diberi mandat oleh rakyat dan kita berkeupayaan untuk memakmurkan negara.

Bajet ini amat bersesuaian dalam melaksanakan usaha untuk mentransformasikan Malaysia sebagai sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 dan berpaksikan "*Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan*" yang merupakan sebuah manifestasi dan janji yang ditepati.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan berikutan ekonomi negara terus kekal berada di landasan yang kukuh. Dalam tempoh 6 bulan yang pertama tahun ini ekonomi kita telah tumbuh sebanyak 5.1% didorong terutamanya oleh kekuatan aktiviti pelaburan dan penggunaan swasta. Walaupun ekonomi dunia dijangka berkembang dengan kadar yang sederhana berikutan masalah krisis ekonomi yang berlaku di Eropah dan pertumbuhan perlahan yang berlaku di Amerika. Begitu juga dengan *emerging economist* di India dan juga di China tetapi dengan usaha kuat daripada kepimpinan negara perkembangan ekonomi negara dijangka berkembang kukuh pada kadar 4.5% hingga 5% pada tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapat melihat dan mendengar semua hujah-hujah yang telah disampaikan oleh pembangkang. Tidak pernah satu pun perkataan apresiasi kepada kerajaan. Tidak ada satu perkataan yang baik sekurang-kurangnya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berusaha begitu gigih sekali, bukan sahaja melonjakkan pertumbuhan bahkan kita dapat memberikan banyak bantuan kepada seluruh golongan masyarakat yang bukan sahaja di bandar bahkan di kampung-kampung.

Saya ingin memberi perhatian kepada kritikan daripada pembangkang bahawa kononnya kerajaan kita tidak bijak terutamanya di dalam menguruskan kewangan. Memang kita akui bahawa kerajaan Barisan Nasional bukan sempurna. Kita bukan *perfect* tetapi berdasarkan dengan izin, *a bucket of indicators* kita jauh lebih baik daripada banyak negara di dunia berdasarkan *outcome* yang diharapkan oleh rakyat yang terutamanya saya sebutkan daripada segi pertumbuhan GDP kita. Kita dapat lihat bahawa pertumbuhan kita pada tahap yang cukup meyakinkan sekali, 5.1%. Padahal banyak negara-negara lain yang lebih maju daripada negara Malaysia mencatat pertumbuhan yang cukup rendah.

Keduanya kadar pengangguran. Ini yang paling kita takuti. Bayangkan pada setiap tahun ribuan pelajar lulusan daripada universiti daripada kolej dan juga sekolah-sekolah tinggi yang keluar di pasaran, di mana kita hendak taruk mereka ini kalau kita tidak menyediakan peluang pekerjaan? Bahkan pada ketika ini kadar pengangguran di Malaysia kita mendapati bahawa guna tenaga penuh bertahun-tahun manakala banyak negara pada ketika ini sedang bergelut dengan pengangguran yang tinggi seperti di Jepun, di China, di US dan juga di Eropah. Pada ketika ini boleh mendabik dada bahawa – sahabat saya daripada Kuala Langat pun boleh *confirm* kan. Pada ketika ini pengangguran kita adalah dianggap sebagai tidak ada pengangguran di bawah 4. ILO telah menetapkan *anything below 4* kita tidak ada pengangguran. Sila.

Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid [Kuala Langat]: Mengikut statistik yang dibuat oleh ILO 4% itu memanglah tidak ada dalam *list* tetapi ada pengangguran 4% itu. Kalau tidak ada angka itu tidak adalah Yang Berhormat Jasin. Jadi dalam segi falsafah ILO itu saya setuju tetapi dalam sudut realitinya memang ada Yang Berhormat Sri Gading. Memang ada kena buang kerja pun banyak, Yang Berhormat Jasin. Terima kasih.

■1730

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat, saya tidak kata terus tak ada, memang ada. Kita sekarang 3.8 tetapi kalau saya sebutkan satu-satu pada negara, kita sendiri pun kita malu. Sepatutnya kita berbangga kerana kita di antara yang paling terbaik di rantau ini.

Pada ketika ini untuk maklumat Yang Berhormat, Amerika 15. Di India, sekarang kita hendak maklumkan 50%. Akan tetapi kita sekarang seolah-olah sebagai syurga di dunia ini. Mana-mana negara penduduk datang di negara kita untuk mendapatkan sesuap nasi. Sila Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Sedikit sahaja, ini menjurus kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kuala Langat itu tadi. Dia pemimpin *labour movement* dan kita faham tetapi dia mungkin tidak berapa faham apa sebenarnya konsep *full employment* ataupun *no employment* ini kerana 4% itu dianggap adalah orang-orang yang tidak bekerja kerana faktor-faktor *structural*, dia dalam *in between job* ataupun dia tidak mahu bekerja, dia berhenti sekejap.

Di situ konsepnya. Walaupun jumlah 4% itu - saya rasa Yang Berhormat PJ Utara tahu ini. Maknanya *full employment* itu ialah bukan semuanya bekerja. Ada orang yang bekerja kerana pilihan masing-masing. Ada yang tidak bekerja kerana mereka mungkin mahu berehat sementara, *are in structural*. Jadi *full employment* itu betul, ada jumlah tersebut tetapi yang sebenarnya *full employment* itu bermakna siapa yang mahu kerja, ada kerja dan ialah *of course you cannot get the best of the best*. *But* kalau hendak kerja ada dalam Malaysia ini. Terima kasih.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Boleh? Nama terbangkit, sikit sahaja. Memang betul antara yang kerja, yang cari kerja hanya 3.8%, yang tak dapat kerja. Akan tetapi ada satu masalah di Malaysia yang tidak terbangkit ataupun tidak terangkum dalam statistik kita *adalah we have very high under employment*. Kadar populasi yang bekerja di kalangan orang perempuan adalah lebih kurang hanya 47% sahaja dan antara orang lelaki hanya 60 lebih peratus atau 70%. Angka semua ada dalam laporan ekonomi. Jadi, ini juga menyebabkan *under reporting of unemployment in Malaysia* di mana ramai orang kampung yang tidak bekerja tidak dikira sebagai tak kerja.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak mahu diheret untuk perbincangan panjang tetapi apa yang kita mahu laporkan di sini bahawa kita *full employment*.

Perkara ketiga yang paling penting sekali tentang kadar kemiskinan. Pada ketika ini kita merekodkan sebanyak hanya 3.8% sahaja. Sedangkan banyak negara pada ketika ini menghadapi kadar kemiskinan yang cukup tinggi. Ada yang menghadapi kebuluran. Kemiskinan ini kita lihat daripada angka USA 15%, China sekarang walaupun sebuah negara *emerging economist* tetapi menghadapi juga keadaan masalah kemiskinan sebanyak 36%, sementara Indonesia 50% dan saya tidak ada membuat prasangka apa-apa tetapi kita membuat rekod sini. India sebenarnya mencatatkan sebanyak 75%. Jadi tidakkah kita bersyukur bahawa kerajaan kita telah membuat satu kebajikan yang patut kita berikan satu pengiktirafan bahawa bukan sahaja kita dapat mengurangkan pengangguran bahkan kita berkeyakinan satu hari nanti kita mahu terus menurunkan angka kemiskinan.

Seterusnya saya pergi kepada kadar inflasi kerana ini adalah yang diharapkan *outcome* oleh rakyat daripada kerajaan. Inflasi kita rendah dan sederhana iaitu sebanyak 1.4% sahaja berbanding dengan negara-negara lain seperti Indonesia sekarang 4% dan juga China dan India sekarang sedang meningkat lagi. Perkara yang kelima sekarang apa yang diharapkan oleh kerajaan dalam sesebuah kerajaan adalah tahap keamanan. Kita bersyukur bahawa apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bukan sahaja untuk menambahkan lagi *equipment* keanggotaan PDRM bahkan dia mahu melihat supaya semua pasukan keselamatan dapat berganding bahu dalam usaha kita membanteras kadar jenayah dan memastikan supaya keadaan persekitaran dalam selamat dan juga harmoni.

Yang terakhirnya, kita hendak lihat tentang tahap kebahagiaan berdasarkan...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: [Bangun]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Ya, ya.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Tuan Yang di-Pertua, saya tiba-tiba yang dan terakhir pula Yang Berhormat Jasin. Tengah sedap dengar, ingatkan Yang Berhormat Jasin hendak ulas lebih tentang tahap keselamatan. Yang Berhormat, tentang tahap keselamatan, keamanan dan kemakmuran negara. Kita mendengar pihak kerajaan telah pun

menggarapkan usaha ke arah bukan sahaja aman tetapi kelihatan aman iaitu dengan meletakkan anggota-anggota Polis Diraja Malaysia di tempat-tempat yang strategik.

Apabila mereka ini berada di tempat-tempat yang strategik ini dalam kaedah *omnipresence* polis ini, kita merasakan satu tanggapan, satu persepsi yang menampakkan negara ini aman ataupun jauh daripada ketakutan. Akan tetapi ada pula pihak yang menganggap *omnipresence* polis ini seolah-olah negara ini berada di satu kedudukan yang meruncing keselamatannya. Jadi, ada pertembungan di sana Yang Berhormat Kota Belud, pertembungan di antara rasa bagus ada polis di sana tetapi yang satu lagi apabila melihat anggota polis dengan *attire* nya dengan *machine gun* nya memberi satu tanggapan seolah-olah negara ini berada dalam keadaan yang begitu meruncing tahap keselamatannya.

Ini pertembungan Yang Berhormat Jasin, pertembungan. Akan tetapi apa pun, ketua polis, *inspector general* daripada Hong Kong, daripada Singapura, daripada London dan daripada Amerika, daripada New York pernah datang ke Malaysia dan melihat bagaimana polis kita benar-benar berada di satu tahap keselamatan yang amat membanggakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [*Bangun*]

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Nantilah kejap, saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita ini selalu buat salah dekat sini Yang Berhormat. Masa Yang Berhormat Tangga Batu itu bercakap, orang lain tidak boleh kacau dia Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tidak, tidak, saya bukan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Melainkan Speaker itu sahaja. kalau Speaker itu sudah berdiri, Speaker kata okey, baru yang lain itu boleh. Bukan yang mencelah itu dicelah pula.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Dekat sini Speaker memang betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya menegur Yang Berhormat...

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, betul Tuan Yang di-Pertua. Saya memang bersetuju dengan Tuan Yang di-Pertua dalam konteks ini. Jadi saya hendak berhubung dengan Yang Berhormat Jasin tentang keselamatan tadi. Yang Berhormat Jasin, rupa-rupanya Malaysia hanyalah sebuah negara yang mengambil bekas-bekas anggota tentera itu untuk berkhidmat dengan pasukan-pasukan keselamatan. Sedangkan dari segi terma rujukan tentera, Yang Berhormat Jasin pun bekas kapten tentera. Terma rujukan tentera dengan terma rujukan polis itu amat berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, bekas polis, mantan polis. Tentera lain dari segi pemikirannya secara makro hingga ke mikro itu pun berbeza. Mempertahan negara dengan keamanan dalam negeri, berbeza, lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kena baca buku saya nanti Yang Berhormat.

Datuk Ir. Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu]: Ya, sebenarnya saya sudah mula hendak baca itu. Jadi cuba Yang Berhormat Jasin jelaskan sedikit tentang agenda keselamatan negara ini yang saya rasa hari ini cukup selamatlah. Cuba Yang Berhormat Jasin, silakan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Sebenarnya saya minta perhatian daripada Yang Berhormat Jasin, bukan Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat Jasin ada dua perkara yang saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat. Satu, tentang hujah Yang Berhormat Tawau tadi. Berkenaan dengan jumlah, ini penting sebab Yang Berhormat datang daripada negeri yang bukan mengeluarkan minyak, memproses minyak dan tahu *oil and gas industry*.

Yang Berhormat pernah menjadi Exco kerajaan negeri, *investment* dan sebagainya. Sebenarnya ramai yang terkeliru. Soal tentang royalti minyak dan jumlah yang sepatutnya diberikan kepada negeri Sabah ini. Yang Berhormat, tadi kita dengar daripada pembangkang yang menyatakan RM65 bilion jumlah minyak yang dikeluarkan di negeri Sabah, ambil sedikit. Akan tetapi mereka tidak faham bahawa jumlah yang telah dikeluarkan daripada negeri Sabah itu bukan semua milik Petronas. Setengah daripada jumlah itu adalah *cost of production*. Setengah lagi, 5% diberi kepada Sabah dan *Federal Government*. Yang selebihnya itulah, yang sedikit itu yang diagihkan di antara Petronas dan juga *production sharing company* ini, kontraktor seperti Murphy Oil dan Shell, sedikit sahaja.

Persoalannya sekarang, mereka ini bercakap di negeri Sabah. Mereka katakan seolah-olah Petronas rompak semua dan bagi sedikit.

■1740

Ini adalah satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan cuba untuk mengapi-apikan semangat kenegerian. Saya tidak nampak bagaimana pandangan daripada Pakatan Rakyat yang kata memberikan 20% ini dapat diberi dalam konteks yang ada sekarang ini kecuali kalau ada penurunan dari segi bahagian yang diberikan kepada negeri-negeri lain.

Kalau diberi kepada negeri Sabah, sayalah yang amat gembiralah, Yang Berhormat Jasin. Akan tetapi mekanisme itu.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih sahabat saya daripada Tangga Batu dan juga Kota Belud. Yang pertama yang saya hendak *respond* sikit apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud tentang royalti.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat Jasin, boleh? *Same subject, same subject*.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya terang sikit, saya terang sikit, saya terang sikit.

Royalti minyak daripada Petronas yang didapati hasil daripada Petronas sebenarnya menyumbang sebanyak 40% kepada *revenue* kita. Setakat ini hanya kita beri royalti kepada negeri-negeri yang mengeluarkan minyak sebanyak 5%. Bayangkan kalau ada negeri-negeri yang mahukan 20%. Bukan sahaja pengurangan tersebut, bahkan ia menyebabkan keadaan kewangan kita mengalami defisit. Ini kerana kalau kita tambah lagi 10%, makna kita akan hilang sebanyak RM24 bilion. Saya takut nanti Yang Berhormat Tawau terikut-ikut dengan apa juga hujah yang disampaikan oleh Ketua Pembangkang. Kita mahu semuanya *free*. Bahkan dia minta hari itu kalau boleh, kalau saya jadi kerajaan, esok saya akan turunkan harga minyak. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Lipis.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Kalau kita turunkan harga minyak pada hari ini sebanyak RM1.90 seliter kepada 20 sen sahaja, kita akan kekurangan sebanyak RM4 bilion.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon pencelahan, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Kalau dulu, saya ingat semasa zaman saya mula-mula kerja, setiap kali kita pergi ke pam minyak untuk tuang minyak, kita bayar cukai kepada kerajaan. Kerajaan akan dapat kepada setiap gelen minyak yang kita tuang. Akan tetapi sekarang, setiap minyak yang kita tuang, yang kita pam daripada pam minyak ini, sebenarnya kerajaan terpaksa menanggung subsidi. Jadi kita mesti tahu hakikat sebenar. Keduanya, dia kata hendak habiskan – kalau boleh PTPTN ini ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, PTPTN ini adalah satu badan yang telah banyak...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, mohon pencelahan sedikit.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Nanti sekejap. Yang telah banyak memberikan kebajikan kepada anak-anak kita. Anak-anak orang kampung, pengundi-pengundi saya bergantung kepada PTPTN. Kalau tidak ada PTPTN, mereka tidak akan dapat belajar. Tidak akan dapat melanjutkan pelajaran. PTPTN ini ditubuhkan oleh kerajaan dengan meminjam wang daripada bank, daripada EPF. Sekarang ini kita masih lagi berhutang sebanyak RM30 bilion. Bayangkan kalau kita bubarkan PTPTN, tidak payah bayar. Cantiknya muka kita sudah hutang tidak mahu bayar. Ini berlawanan dengan prinsip Islam.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: [Bangun]

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Sekarang kita boleh cakap apa yang kita suka. Kalau kita kata itu, itulah hujah parti-parti pembangkang. Kita tengok dia kata hendak mengurangkan kakitangan awam sekurang-kurangnya 100%. Pasal apa? Dilihat kononnya bajet kita membengkak. Saya gunakan perkataan membengkak.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, ini satu usaha untuk pembohongan kerana tidak langsung diletakkan dalam belanjawan Pakatan Rakyat. Tidak langsung disebut tentang pengurangan kakitangan kerajaan. Kami minta ditarik balik.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi peluang lagi. Saya baru menjawab kawan saya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau hendak kritik, jangan ambil perkara yang mengelirukan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya bukan hendak ajak orang berbahas.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tuan Yang di-Pertua, perkara lain saya boleh terima.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Macam mana boleh bercakap ini? Siapa ini? Ini tidak betul. Tidak mengikut peraturan Dewan ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Yang Berhormat.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ini pengurangan merupakan penipuan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Okey, Yang Berhormat ini.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Okey, terima kasih. Ini perkara yang saya ingin sentuh di sini ialah perkara pokok. Yang Berhormat Kota Belud tadi cuba untuk memperbetulkan fakta Yang Berhormat Tawau. Isu royalti ini *simple* sahaja. 5% itu adalah berdasarkan kepada jumlah minyak yang dikeluarkan. Tidak ada kena mengena dengan keuntungan Petronas dan sebagainya. Itu tidak ada kena mengena dengan beberapa sumbangan Petronas kepada Kerajaan Persekutuan. *5% of what is being produced by Petronas Sabah and the other negeri.* Tidak ada kena mengena dengan keuntungan. Ini soal 5% dan 2% itu cerita lain. Akan tetapi *the basic thing is fact of 5% of the based oil petroleum that is produced in Sabah.* *That's all,* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Ini isu bagus, Yang Berhormat Jasin yang telah diluahkan oleh Yang Berhormat Tuaran. Isu ini perlu dijawab....

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, saya minta peluang saya juga kerana Yang Berhormat Kota Belud sudah cakap banyak tentang petroleum ini.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat, bawa bertenang.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Ya, ya betul. Saya hendak minta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak boleh macam itu, Yang Berhormat. Kalau dia bagi, *floor* dia, Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Bawa bertenang, bawa bertenang. Yang Berhormat, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuaran itu, saya setuju. 5% itu daripada *production.* Akan tetapi masalah saya, Yang Berhormat Jasin ialah apabila hujah Yang Berhormat Tuaran ini dia buat dalam *isolation.* *Silo.* Ambil, bagi lagi 5% atau 15%. Tidak apalah. *What will happen to Petronas,* tidak apa. *Because this is what is happening in Sabah.* *You cannot do that. You cannot do that.* Dia kena ada *link.* Contohnya, kalau hendak bagi kepada Sabah sebanyak 15%, saya *on record,* Yang Berhormat Tuaran. Jangan cuba hendak

cakap saya tidak setuju. Saya setuju. Akan tetapi saya dalam konteks janji yang diberikan oleh Yang Berhormat Permatang Pauh kepada negeri Sabah dan negara ini *is not feasible*. Ini masalahnya. Kita hendak 20%, *alhamdulillah*.

Akan tetapi dengan dilihat dalam berlatar belakangkan janji, segala-gala macam janji penurunan subsidi, peningkatan subsidi, turun itu, turun PTPTN, *it's just not durable*. Itu sebabnya saya katakan, saya minta supaya Yang Berhormat Permatang Pauh bangun di dalam Dewan ini dan mengatakan, saya bagi 20% kepada negeri Sabah tetapi pada masa yang sama, saya minta Pahang, Pulau Pinang, Kedah dan negeri-negeri yang tidak mempunyai minyak bersedia untuk menerima peruntukan yang kurang. *That is gentleman. That is gentleman*. Itu yang saya minta. Dia mesti berani datang ke Dewan yang mulia ini dan katakan Pulau Pinang dan semua turun. Saya hendak bagi kepada Sabah dan Sarawak dulu. *Then, that is fair. Then it's fair*.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ada masa yang cukup terhad.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Mohon pencilahan, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua sudah bagi saya signal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya tidak akan bagi *injury time*, Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya punya hujah tadi...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, sikit, Yang Berhormat. Sikit, Yang Berhormat. Sikit tentang isu Petronas.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya kata saya ada enam *indicator*...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, kalau bagi kepada Ahli Parlimen yang lain, tidak akan saya tidak boleh cakap?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: ...Yang dibuat pengukuran sebagai sebuah negara yang berdasarkan *outcome*.

Selepas ini kalau Yang Berhormat cakaplah apa yang hendak di cakap. Saya tidak kacau. Saya ada masa yang cukup terhad. Apa yang saya hendak sebut di sini, enam *indicator* ini daripada *outcome* yang diharapkan oleh rakyat daripada sebuah kerajaan:

- (i) pertubuhan GDP;
- (ii) kadar pengangguran;
- (iii) kadar kemiskinan;
- (iv) kadar inflasi;
- (v) keamanan; dan
- (vi) kebahagiaan.

Berdasarkan daripada *World Happiness Index*, Malaysia sekarang berada pada kedudukan nombor empat di Asia. Jadi daripada enam *indicator* tadi yang kita sebut tadi, kita sebenarnya mempunyai kesemuanya dan seharusnya seluruh rakyat Malaysia menyokong kepada kerajaan yang sedia ada yang telah dapat memberikan kebahagiaan kepada semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali kepada isu yang saya hendak berikan perhatian iaitu tentang pengurusan kewangan dan juga tentang fiskal negara. Ini kerana ini yang banyak telah dibangkitkan. Fakta-fakta kita diselewengkan. Dalam konteks ini, kita sering dengar pihak pembangkang selalunya menimbulkan tentang isu hutang kerajaan. Hutang negara seolah-olah kerajaan kita tidak bijak dalam menguruskan kewangan. Apa yang saya hendak sebut di sini sebenarnya, yang pertama, hutang ialah sangat perlu. Mana-mana kerajaan pun berhutang. Mana kerajaan yang tidak ada hutang? Kerajaan pembangkang pun hutang sekarang. Saya boleh sebut satu per satu. Bajet ini pun defisit juga.

Akan tetapi saya tengok bajet ini dia kata defisit 3.5. Setelah kita semak balik apa yang dia hendak bagi, saya tengok, saya kira-kira bajet itu akan defisit 10.

Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Baharu]: Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Kalau 10, seolah-olah macam Greece. Negara itu akan bankrap. Nanti sekejap Yang Berhormat. Saya tidak bagi.

Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Baharu]: Sekejap. Sikit sahaja. Sikit sahaja. Sikit sahaja.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Sikit sahaja. Okeylah.

Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah [Kota Baharu]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, istilah 'kerajaan pembangkang' ini saya minta dengan jasa baik Tuan Yang di-Pertua, perbetulkan. Malu kepada orang. Mana ada kerajaan pembangkang. Dia dalam demokrasi ini, dalam pilihan raya ini yang menang jadi kerajaan dan yang kalah jadi pembangkang. Jadi kalau kami dituduh kerajaan pembangkang, di mana hendak letak anak-anak sekolah kita ini? Nanti jawab soalan pula tidak betul. Terima kasih.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih. Kita sebut kerajaan pembangkang kerana kerajaan yang dikuasai oleh pembangkang. Negeri Kelantan, negeri Pulau Pinang, negeri Kedah. Saya hendak sebut sekarang dia selalu cakap. Hari itu ada Ketua Pembangkang ada sebut. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Bagan kerana berjaya. Kononnya tengok, dia kata menguruskan kewangan tidak ada hutang. Dalam rekod kita, dia ada hutang. Akan tetapi RM600 juta itu adalah *rationalization of water supply*. Kerajaan Persekutuan yang bela. Tengok di Kelantan, Yang Berhormat. Saya tunjuk di sini, angkanya menakutkan. RM2.6 bilion, Yang Berhormat. Jadi kalau hutang ini, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut di sini, dalam akaun kita, *operating account* kita *surplus* kalau berdasarkan kepada belanja mengurus.

Akan tetapi apabila kita masukkan pembangunan, baru kita defisit. Apa sebab kita adakah pembangunan, sebagai sebuah negara kita bertanggungjawab untuk buat sekolah, untuk buat jalan raya, untuk buat hospital. Itu pembangunan. Kalau pengurusan ini, itu kita panggil *consumption*. Kita macam bayar gaji yang tidak mendatangkan hasil. Akan tetapi apabila kita buat sekolah, kita buat jalan, dia ada pertumbuhan dan juga pendapatan. Jadi, di sinilah akan berlaku defisit tetapi defisit kita pada ketika ini cukup terkawal sekali.

Saya hendak tunjuk kerana sekurang-kurangnya buku ekonomi yang dibekalkan kepada kita ini cukup lengkap daripada satu jadual ke satu jadual. Saya hendak sebut di sini kalau kita tengok daripada hasil kerajaan...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hendak tanya Yang Berhormat Jasin, boleh?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya tidak dapat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Sedikit sahaja.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Okey, sedikit sahaja.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya cukup tertariklah dengan teori ekonomi yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jasin ini. Maknanya sesebuah negara yang dia punya *revenue* cukup untuk *cover* dia punya *operating expenditure* itu sudah *alhamdulillah* dah. Maka, soal pembangunan ini satu pembangunan yang mana yang kita tidak ambil kira sama ada ianya menghasilkan defisit atau pun tidak. Kalau hendak ikut teori macam ini memang sampai bila-bila lah Barisan Nasional memerintah, ianya akan menjadi bajet yang defisit.

Apa yang kita hendak ialah satu keadaan di mana *operating* dan juga pembangunan ianya tetap tidak menghasilkan defisit kalau boleh. Lebih-lebih lagi dalam keadaan kita ini ada minyak...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Okey cukup.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dalam keadaan kita ada minyak pun kita defisit. Cubalah Yang Berhormat Jasin fikirkan apa yang akan berlaku bila tidak ada minyak.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Maknanya sekarang ini kita menggunakan satu *resource* yang *depletable, you cannot renewal, is not renewable* punya *resource*. Sepatutnya kita melabur untuk masa hadapan. Jangan kita menghasilkan satu hutang negara yang terlalu besar. Macam mana pandangan Yang Berhormat Jasin tentang apa yang saya sebutkan tadi?

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat. Teori yang saya sebutkan tadi dalam kes negara ...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya hairan dengan kaedah yang memperlekehkan hutang negara.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Dalam sesebuah negara *we are not a running business house. We are running a government.* Bila kita menjalankan sebuah tanggungjawab kerajaan, kita mahu memberikan kesejahteraan kepada rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tiga minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tiga minit.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Jasin, sedikit sahaja lagi. Ini tidak boleh saya lepaskan. Yang Berhormat Shah Alam ini dia cerita pasal hutang tetapi dia lupa pada tahun 1997, 1998 Yang Berhormat Permatang Pauh bukan sahaja mahu mengambil hutang daripada orang lain tetapi mahu menjual maruah ekonomi negara kita. Pada waktu itu hutangnya jauh lebih besar. Oh tetapi tidak apa, itu Yang Berhormat Permatang Pauh. *God sent.* Jadi ini pandangan Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa itu mengelirukan Dewan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya sebenarnya Yang Berhormat Kota Belud ...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak pernah hutang tahun 1998, 1999 lebih tinggi daripada hutang sekarang. Ini satu kenyataan yang tidak betul.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Isunya pinjam.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Isunya Tuan Yang di-Pertua dia punya fakta kena perbetulkan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya minta dia tarik balik kenyataan itu kerana hutang negara sekarang ini adalah yang tertinggi dalam sejarah negara. Tidak pernah setinggi ini.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya ada *figure*, saya ada data ini. Saya tidak hendak sebutkan di sini kerana Tuan Yang di-Pertua kata ada tiga minit. Saya kena menghormati masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tadi saya kata tiga minit, sekarang tinggal dua minit lagi Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya boleh sebutkan semasa Yang Berhormat Ketua Pembangkang menjadi sebahagian daripada pembangkang, semasa Ketua Pembangkang menjadi Menteri Kewangan saya boleh sebut satu persatu tetapi saya tidak hendak cerita tentang sejarah. Apa yang saya hendak sebut sekarang *we go ahead*, kita pergi terus ke hadapan kerana kita tahu kita *move forward* kerana apa yang kita buat ini betul. Itu

sebabnya kita kata jangan bimbang tentang hutang kerana hutang yang disebut sebagai hutang negara ini merangkumi banyak komponen, tiga komponen.

Yang pertamanya hutang Kerajaan Persekutuan, yang keduanya ada hutang daripada perusahaan awam yang bukan kerajaan macam Petronas, macam Telekom, macam TNB dan juga hutang swasta. Kalau kita lihat daripada buku ekonomi ini cukup terang betul. Berapa peratus hutang kita, berapa peratus hutang Kerajaan Persekutuan, berapa peratus hutang PAPK, berapa peratus hutang swasta. Hutang kerajaan tidak lah sebesar mana kerana kita mempunyai keupayaan untuk membayarnya selain daripada pendapatan kita yang cukup baik pada ketika ini, *collection* kita bagus dan apa yang kita hendak sekarang keyakinan daripada pelabur-pelabur yang boleh sama-sama membantu tentang pertumbuhan kita...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Penjelasan.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Sambung sedikit sahaja.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau pendapatan kita cukup baik dan *collection* kita cukup baik maka kenapa kita hendak kena hutang? Kalau kita boleh uruskan kewangan kita dengan baik, dalam keadaan *collection* kita bagus, pendapatan kita tinggi hendak hutang buat apa.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Belajar dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Utara dahulu lah.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih. Okey Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dalam keadaan *collection* kita buruk, pendapatan kita kurang barulah kita terpaksa hutang.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Shah Alam cukuplah Yang Berhormat Shah Alam. Ini ialah teori yang tidak betul. Hutang yang kita buat tadi *accumulated* sehinggalah pada tahun sekarang daripada dahulu. Akan tetapi kita dapat buktikan bahawa bukan sahaja kita *good pay master* tetapi Malaysia mencatatkan tidak pernah kita *default* dan membebaskan hutang luar negara kita berada pada tahap 1.9% sahaja.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam dengan Yang Berhormat Kota Belud minta duduk Yang Berhormat. Sudah habis masa Yang Berhormat.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Yang Berhormat Jasin, mana ada satu perniagaan di dalam dunia ini yang besar pun mesti ada hutang kecuali Yang Berhormat Shah Alam mungkin jual keropok ikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kota Belud.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Selepas itu Tuan Yang di-Pertua ...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tadi baru kata bukan perniagaan, sekarang ini beri contoh perniagaan, mengapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: *Get your argument straight. Be consistent.* Sekejap kata bukan perniagaan, sekejap kata perniagaan.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Kalau awak pegang Menteri Kewangan, saya minta doa daripada Tuhan, jangan Menteri Kewangan. Ambillah Menteri Belia dan Sukan kah, wanitakah. Bagi kepada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, lagi selamat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih lah, terima kasih lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kita akan bentuk kerajaan selepas ini, *insya-Allah.*

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta doa, Ya Allah SWT jangan bagi, Yang Berhormat Permatang Pauh jangan bagi Yang Berhormat Shah Alam jadi Menteri Kewangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua,...

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Hancur! Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat ...

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, banyak ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin pun sudah habis masalah. Sudah habis masa Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Kalau sudah habis masa, saya kena hormati Tuan Yang di-Pertua ini kerana Tuan Yang di-Pertua ini cukup adil. Jadi, saya dengan ini Tuan Yang di-Pertua walaupun saya tidak dapat baca habis, saya hanya dapat sedikit sahaja tetapi untuk memberikan kawan-kawan peluang, jadi saya terpaksa mengalah. Saya ucapkan terima kasih, dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin, saya menghargai kerana kita kena kerjasama dekat Dewan ini. Kalau kita tidak kerjasama, Yang Berhormat lebih bercakap makanya ada orang lain tidak boleh bercakap. Ini masalah dia. Bukan soal saya Yang Berhormat. Soal Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Jadi, saya hargai...

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Akan tetapi sebelum itu, minta tolong duduk sekejap. Perkara yang dibawa oleh Yang Berhormat Kota Bharu itu tadi amat tepat Yang Berhormat. Di Dewan ini kadang-kadang kita ketelanjuran banyak kali. Kalau di *England* kalau kita kata kerajaan konservatif, buat ini buat itu dikatakan *it is unparliamentary language* atau pun dikatakan ini *labor* buat ini buat itu dia kata *unparliamentary language*.

Oleh kerana parti itu lain Yang Berhormat. Kerajaan ini lain. Jadi makna dia kalau Yang Berhormat lain itu bercakap berlandaskan kawasan dia, kalau yang daripada kerajaan ini berlandaskan kerajaan yang diterajui, bukan kawasan jadi parti ini tidak betul. Jadi, memang betul kata Yang Berhormat Kota Baharu, *there is no such thing as* kerajaan pembangkang. Pembangkang, pembangkang lah bukan kerajaan.

Jadi, di peringkat negeri itu memang ada kerajaan yang diterajui oleh pihak-pihak mungkin PKR, mungkin Pas dan sebagainya macam di Kelantan dan di Kedah. Macam di Pulau Pinang itu DAP, di Selangor itu *leadership* dia daripada PKR. Jadi, *we got to be correct* Yang Berhormat. Jadi, itu sahaja yang saya hendak perjelaskan supaya kita sama-sama belajar dekat Dewan Yang Berhormat termasuk saya sendiri. Yang Berhormat Sungai Siput.

5.58 ptg.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang membahaskan Belanjawan 2013. Bajet ini telah memberi hadiah kewangan kepada hampir semua lapisan masyarakat daripada keluarga-keluarga, dengan *breadwinner* yang dapat pendapatan RM3,000 ke bawah, kepada pemuda yang dapat RM2,000 ke bawah, murid-murid sekolah, pelajar-pelajar universiti, peniaga kecil, pesawah padi, kakitangan kerajaan, anggota tentera dan banyak lapisan. Ini kita alu-alukan lah.

Langkah-langkah ini akan bantu semua masyarakat Malaysia dan kita juga kena ambil tahu ramai rakyat Malaysia ini ada pendapatan yang rendah. Lebih kurang 60% daripada keluarga di Malaysia mendapat pendapatan di bawah RM3,000 sebulan.

■1800

Mereka sekarang tertekan oleh harga kos hidup. Oleh kerana ada polisi-polisi *neoliberal* yang menswastakan rawatan perubatan, pendidikan, pengangkutan, kos hidup telah melambung tinggi. Semua bantuan ini, RM500 kah, RM250 kah, semua ini membantu rakyat Malaysia menghadapi masalah itu.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) mempengerusikan Mesyuarat]

Saya ingat isu ini ialah jumlah yang dipakai untuk bantuan-bantuan ini ialah lebih kurang RM10 bilion hingga RM15 bilion dalam bajet ini. Akan tetapi apabila kita bandingkan

dengan apa yang diberi kepada syarikat-syarikat atau kompeni, kita dapati jumlah yang diberi adalah jauh lebih tinggi.

Umpamanya dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perenggan 48, beliau menyebut perkara berkenaan Danajamin Nasional Berhad yang meluluskan jaminan berjumlah RM9.3 bilion untuk menjamin bon-bon yang diterbitkan oleh 30 syarikat di Malaysia. RM9.3 bilion satu jumlah yang begitu besar. Siapakah 30 syarikat ini dan siapakah pihak yang memantau bagaimana duit yang mereka pinjam, yang mereka dapat melalui bon ini dipakai? Adakah mereka salurkan wang ini atas kegiatan spekulatif atau membeli kondo atau hidup mewah ataupun untuk meningkatkan aktiviti firma dia? Ini kerana erti jaminan ini yang diambil oleh kerajaan ialah *guarantee*. Jika *business* mereka tidak begitu berjaya, rakyat Malaysia menanggung atas apa yang mereka jamin melalui bon.

Satu lagi ialah dalam isu MRT. Dikatakan RM9 bilion ataupun 43% daripada nilai kos infrastruktur projek MRT diperuntukkan kepada syarikat bumiputera. *It's very good*, saya sokong usaha untuk meningkatkan kapasiti dan kompetensi syarikat-syarikat bumiputera. Akan tetapi apakah pemantauan untuk memastikan satu kaedah ali baba tidak dilaksanakan? Kita harapkan semua kontrak ini yang diberi kepada syarikat-syarikat dipakai untuk meningkatkan kapasiti dan kemahiran syarikat-syarikat itu tetapi apakah sistem *check and balance*, *oversight* untuk memastikan siapa-siapa antara mereka ini yang mendapat kontrak itu tidak hanya menjualnya dengan komisen kepada pihak yang lain?

Dalam perenggan 56 dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada disebut Skim Jaminan Modal Kerja yang ada dana sebanyak RM10 bilion.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Sungai Siput, boleh? Terima kasih. Yang Berhormat Sungai Siput menyebut tadi apa jaminan kontrak-kontrak yang diberi itu tidak diserahkan kepada pihak lain. Saya rasa itu juga menyentuh tentang masalah yang lama disebut iaitu masalah praktis ali baba. Ini memang disebut oleh ramai orang. Saya rasa pada belanjawan kali ini, belanjawan terakhir Barisan Nasional, saya cadang supaya isu ali baba ini dibincangkan dengan betul supaya ada penyelesaiannya. Saya rasa Yang Berhormat Sungai Siput pun bersetuju dengan saya sebab perkara ini terlalu lama, *it's a very long overdue problems unsolved*, dengan izin. Saya ingat bolehlah Yang Berhormat Sungai Siput menyokong, kita tekan dan desak supaya isu ali baba ini diselesaikan *once and for all*. Terima kasih.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Yang Berhormat Indera Mahkota. Saya setuju. Saya rasa jika kita hendak mengadakan satu sistem *free market* di mana kita ada sistem kapitalis, adalah perlu kita juga ada kapitalis bumiputera. *That's only fair*. Akan tetapi kita harus memastikan kelonggaran yang diberi, bantuan yang diberi untuk meningkatkan kapasiti itu dipakai untuk sebab itu dan bukan dipakai untuk hidup mewah, beli kondo dan macam-macam aktiviti spekulatif.

Poin yang saya bawa di sini ialah jika kita tengok Dana Jamin projek-projek infrastruktur MRT itu dan Skim Jaminan Modal Kerja, jumlahnya ialah RM28 bilion. Dua kali lebih besar daripada semua program-program yang memberi bantuan kepada keluarga-keluarga miskin di Malaysia. Jadi 70% *population* di Malaysia mendapat lebih kurang RM15 bilion sebagai bantuan. Akan tetapi dalam tiga skim ini sahaja, syarikat-syarikat besar yang ada kaitan dengan kerajaan mendapat dua kali ganda daripada apa yang didapati oleh rakyat biasa. So saya ingat ini harus kita tengok jugalah. Memang bajet ini membantu tetapi pihak yang lebih dibantu ialah syarikat-syarikat yang rapat dengan kerajaan. Saya hendak pergi kepada satu poin lagi.

Poin yang kedua ialah apa yang mengecewakan berkenaan dengan bajet ini adalah kelemahan analisa kerajaan terhadap krisis yang sedang melanda ekonomi dunia. Daripada apa yang saya baca dalam buku *economic report* atau laporan ekonomi, nampaknya kerajaan masih menganggap krisis yang berlaku di Eropah sebagai satu yang sering berlaku tetapi mereka tidak faham bahawa ini satu krisis yang luar biasa. Sebabnya ialah cara kita biasanya mengendalikan krisis kegawatan di ekonomi dunia ialah melalui apa yang kita panggil *pump priming*. Perbelanjaan kerajaan dipakai untuk memacu ekonomi, untuk kita dapat permintaan kasar yang lebih besar bagi menamatkan kegawatan. Ini pendekatan yang dibawa oleh John Maynard Keynes yang telah diguna pakai oleh semua kerajaan sejak 1930-an lalu.

Masalahnya sekarang ialah kegawatan yang sedang berlaku antara punca besarnya ialah hutang negara ataupun dipanggil *sovereign debt*. Umpamanya di Sepanyol, sekarang hutang negara di Sepanyol ialah 80% daripada GDPnya. Oleh itu, rating Sepanyol untuk meminjam duit untuk mendapat bon telah diturunkan ke bawah paras BBB di mana kadar *interest* untuk bon sepuluh tahun di Sepanyol telah sampai 6% setiap tahun. Jadi kos untuk Sepanyol dapat meminjam duit di *bond market* adalah tinggi berbanding dengan *Germany* yang hanya 1.2% setahun *interestnya*, manakala untuk Sepanyol adalah 6% untuk setahun. Jadi ini sama dengan negara-negara lain seperti Britain, *France*, semua kadar hutangnya sudah sampai 80%. Kita sekarang di satu situasi di mana negara-negara barat tidak boleh pakai kaedah *government spending* ataupun *pump priming* untuk melepaskan diri daripada kegawatan. Ini penting. Di US juga dia punya *debt* sudah sampai 60%. Mereka juga ada had *expenditure* sekarang. Di Jepun sudah 200% pada GDP dia punya *sovereign debt*.

Ini semua akan menyekat negara-negara barat atau negara-negara maju daripada mengendalikan masalah kegawatan. Sekarang kita tengok di US, mereka sedang cuba pakai satu kaedah yang lain untuk mengendalikan ekonominya yang lembap di mana *federal reserved* di Amerika pakai kaedah QE (*quantitative easing*) di mana mereka cuba membeli bon atau *mortgage* dalam *market* supaya mereka boleh melonggarkan bekalan wang di pasaran. Mereka harap dengan kos pinjam duit kurang, lebih banyak *business* boleh dilaburkan dan memacu ekonomi.

Amerika sekarang ada masalah pengangguran yang begitu tinggi. Amerika sedang cuba memaju ekonomi tetapi Kerajaan Amerika enggan buat *fiscal spending*. Ini kerana dalam bajet mereka pun ada defisit yang begitu besar, dia ada *sovereign debt* so dia pakai kaedah *monitory* di mana dia melonggarkan bekalan wang. Akan tetapi ini dibantah dan dikritik oleh Pengerusi Bank Negara Brazil. Dia katakan dia buat macam itu, ini akan wujudkan *hot money* yang akan datang ke Brazil dan negara-negara lain secara *activities speculative*. Ini akan wujudkan *economic bubble* dalam hartanah, dalam komoditi, dalam *forex*. So ini dibantah oleh Brazil. So, ini saya ingat satu isu kita harus kaji. Bagaimanakah sesuatu yang dibuat oleh US atau dibuat oleh England untuk mengurangkan *interest*, bunga pinjam wang di negara itu. Bagaimana itu membawa *problem* spekulatif di negara-negara membangun? Saya rasa inilah satu isu yang pokok, apakah kaitan dia? Saya rasa ini menunjukkan punca krisis yang kita alami ialah bukan sahaja kelemahan regulasi pihak bank dan badan-badan *financial*. Kelemahannya ialah dalam permintaan kasar di mana permintaan kasar di dunia tidak cukup untuk menjana pelaburan dalam *goods and services*. Ini kerana rakyat biasa tidak ada cukup duit untuk membeli semua *goods and services* yang boleh dikeluarkan oleh kaum peniaga.

Okey jika kita..., saya hendak bagi sedikit statistik. Ada satu buku oleh Steward, Lancy - *The Cost of Inequality*, dan saya baca dalam *English*. Dia kata, "*The share of national output going to wages pick at 64.5% in advance countries in the mix 70's. By 2008, wages only encountered for 53% of national output*". Jadi ertinya nisbah pendapatan negara yang pergi kepada pekerja biasa telah turun daripada 64.5% ke hanya 53%. Bila *share* yang didapati oleh pekerja turun, kebolehan kapasiti rakyat itu untuk membeli semua barangan dan perkhidmatan yang boleh dikeluarkan oleh ekonomi itu pun akan turun. Ini satu punca dia. Dia *continue*, dia katakan, "*In the US, the share of national income going to the reaches 1% increase from 8.9% in 1976 to 23.5% in 2007*".

So orang kaya walaupun mereka dapat lebih banyak duit, mereka tidak boleh habiskan duit itu dan beli barangan dalam *market*, dalam pasaran. So bila satu nisbah ini tukar, bila pendapatan negara berpindah daripada tangan rakyat biasa yang akan *spend* semua apa yang dapat, apa mereka *spent* 90% dapat kepada pihak 1% di atas yang akan *save* dan *invest* apa yang mereka dapat, kita ada *mismatch* antara kebolehan kita *supply* dan permintaan kasar di rakyat kita. Ini kerana rakyat kita dipermiskinkan, orang kaya lebih banyak duit, mereka hendak *invest* tetapi jika dia *invest* dalam kereta, tidak ada orang yang hendak beli kereta. Jika *invest* dalam kasut, tidak ada orang cukup hendak beli kasut. So apa mereka hendak buat?

Mereka terpaksa *speculate*. Dia beli komoditi pada masa depan, dia beli *corn*, beli *palm oil* pada masa depan. Ini kerana sekarang dia buat kasut, dia tidak boleh jual kasut. Dia beli *foreign exchange* pada masa depan. So ini semua dia beli hartanah dengan harapan harga itu akan naik. So ini spekulatif ini bukan sahaja masalah dengan regulasi tetapi kena agregat *demand*, permintaan kasar tidak berkembang untuk memberi cukup *opportunity* untuk orang

kaya itu *invest*. So inilah masalah pokok di dunia kita dan ini bukan sahaja di luar negeri, di Malaysia juga dalam buku ini laporan ekonomi saya baca dalam *English*. *Page* 111 dikatakan sini, “*Labor productivity in Malaysia in manufacturer sector growth by average 2.91% between 2002 and 2011, while real average wages in the manufacturing sectors expended by a slower rate of 0.99%.*”

So produktiviti di Malaysia menambah 2.9% hampir 3% tetapi *average wages* hanya berkembang 1%. Sama di Malaysia juga *effect is the same*. Kita pakai pekerja luar negeri, kita pakai kaedah kontrak *labor*, kita pakai macam-macam. Kita turunkan kos *labor* tetapi bila kita turunkan kos *labor*, permintaan kasar di negara kita pun turun. So ini punca dia tetapi kesedaran ini saya tidak nampak dalam buku ini, bukan dalam pembentangan bajet oleh Perdana Menteri. Ini kerana jika kita ada – so kita ada dua masalah sini. Satu ialah kita menghadapi satu kegawatan dunia di mana senjata yang dipakai untuk lawan kegawatan sekarang telah jadi lembap. Negara-negara Eropah, negara US, Jepun semua tidak boleh *spend themselves out of this recession* kerana mereka sudah ada *sovereign debt* yang begitu besar.

Jika kita campur GDP USD14 bilion, GDP EU16 bilion, GDP Japan 5bilion. Ini menjadikan 60% daripada GDP dunia. Kita boleh katakan China ada, Vietnam ada, India ada, Brazil kerana GDP mereka, China 5 bilion sahaja, India hanya 2 trilion sahaja berbanding dengan US 14 trilion. So tidak boleh. Satu itu masalah dia kita akan hadapi satu kegawatan yang serius dan senjata yang dipakai untuk lawan kegawatan ini sekarang tidak boleh dipakai kerana mereka semua ada *debt over hand*.

Masalah kedua ialah punca masalah ini ialah ketidakseimbangan dalam pengagihan pendapatan dunia. Di mana *the* 1% itu telah mengaut terlalu banyak keuntungan sampai sistem dia sekarang pun diancam. Memandangkan ini apa yang perlu dibuat oleh negara-negara membangun ini, kita kena tengok satu kaedah yang baru. Macam mana kita kurangkan kekayaan pendapatan 1% itu dan beri pada rakyat biasa. Apakah caranya kita pindahkan apa yang dapat 1% itu kepada kerajaan melalui *tax*. Inilah isu-isu yang kita hadapi jika kita hendak tangani kegawatan yang sedang berlaku, masalah krisis ekonomi berlaku, kita kena tengok semua isu ini.

Apakah peranan kita sebagai satu negara antara negara-negara yang membangun untuk bawa pendekatan baru ini? Ini satu yang tidak boleh di laksanakan oleh satu negara tersendiri. Katakan di Malaysia, katakan kita naikkan kita punya *corporate tax* 5%. Ada kemungkinan kita akan kehilangan *business*. Mereka akan pergi ke Singapura atau ke Thailand. Akan tetapi jika satu jaringan negara-negara yang membangun buat serentak. Kita buat *planning*, kita katakan kita sama-sama buat macam ini kerana kalau tidak buat macam ini kegawatan tidak boleh ditangani. Kita perlu *international cooperation* antara beberapa negara

yang katakan *we were all raised of minimum wages*. Kita semua meningkatkan gaji minimum kita supaya *domestic demand* akan meningkat.

Kita semua akan meningkatkan *corporate tax* kita supaya *government spending* kita ada. Kita semua akan melaksanakan *Tobin tax* di mana semua *financial transaction* dikenakan satu *tax* yang kecil. Ini semua kita kena buat tetapi tidak boleh buat hanya senegara sahaja. Akan tetapi dia kena buat serentak dengan satu jaringan negara-negara lain. Inilah yang saya harap tengok dalam bajet *you know* untuk – bagaimana kita akan kendalikan satu krisis yang begitu besar yang akan berterusan tetapi dalam bajet ini langsung tidak ada. Langsung tidak ada satu kesedaran yang apa kita hadapi sekarang bukan *run off the mid session* yang ulang tiap sembilan, sepuluh tahun dan dia akan pergi. Dia tidak akan pergi kali ini dia akan jadi lebih teruk.

So ini adalah kekecewaan sayalah kerana kita sekarang perlu adakan satu FTA baru, satu *fair trade agreement* di mana negara-negara yang pilih untuk meningkatkan gaji pekerja mereka, untuk meningkatkan *corporate tax* mereka, untuk melaksanakan *Tobin tax*, mereka semua boleh ada perniagaan mungkin tanpa tarif.

■1820

Orang yang keluar daripada itu yang masih pakai gaji rendah, yang masih turunkan *corporate tax* semua mungkin kita kenakan tarif atas mereka. *So, free trade* yang sekarang kita bincang dengan TPP, dengan Amerika dan Chile *and all that, is going the wrong way*. TPP itu akan menambahkan kuasa korporat dan akan merunsingkan lagi pengagihan kekayaan negara sampai *one person* akan dapat lebih kaya tetapi itulah punca masalahnya. Terlalu banyak kekayaan dunia telah pergi ke tangan *one person* itu.

So, saya nampak bajet ini okeylah, dia bagi hadiah-hadiah, gula-gula tetapi isu pokok, masalah ekonomi dunia langsung tidak disedari, tidak ditangani. Akan tetapi dalam isu ini kita boleh tengok di seluruh dunia, rakyat biasa sudah tahu di Timur Tengah - Arab Spring, di Sepanyol - Indignados Movement, di Amerika - Occupy Wall Street. Ramai rakyat biasa kata, *we are the 99%* jangan lupakan kami. *Control the 1%*. Itulah apa yang diluahkan dan dikatakan oleh ramai rakyat di seluruh dunia tetapi nampaknya kerajaan kita pun tidak dengar itu. *So*, dalam aspek itu, ini satu bajet yang mengecewakan, *it is run off the mill budget* tetapi ia tidak kendalikan, ia tidak menyedari masalah yang pokok dan tidak diambil langkah-langkah untuk menghadapinya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lipis.

6.22 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2013 dalam Dewan Rakyat yang mulia ini. Bajet atau belanjawan yang dibentangkan ini dilihat sebagai sangat realistik, berfokus, merupakan ramuan terbaik, mesra

rakyat dan berhemah. Kalau kita lihat unjuran defisit negara sebanyak 4% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2013, ia yang terendah sejak 2007. Mencerminkan kesungguhan kerajaan untuk terus memperbaiki kedudukan fiskal negara di tengah-tengah cabaran dan ketidakpastian persekitaran ekonomi global. Saya percaya dengan penuh keyakinan bahawa defisit negara yang diunjurkan akan terus sederhana kepada 4% berbanding semakan 4.5% pada tahun ini. Kita akan terus yakin bahawa komitmen kerajaan akan terus mengurangkan jurang defisit kita kepada 3% menjelang tahun 2015.

Inilah pendekatan realistik kerajaan yang diamalkan sejak dahulu kerana ia memenuhi kebajikan dan keperluan rakyat dengan mengambil kira input masyarakat pelbagai kaum dan berfokus dalam memaksimumkan capaiannya kepada kumpulan sasaran golongan berpendapatan rendah sehingga sederhana, kakitangan kerajaan dan golongan muda tanpa mengetepikan komitmen ke arah kesejahteraan fizikal.

Bajet atau Belanjawan 2013 adalah sebenarnya belanjawan yang datang daripada rakyat untuk rakyat. Saya melihat kerajaan berwaspada terhadap perkembangan luar negara dan mengunjurkan pertumbuhan KDNK antara 4% hingga 5.5% bagi tahun 2013. Ini satu sasaran realistik yang mengambil kira persekitaran ekonomi semasa terutama dalam sektor perdagangan dan perkilangan ekonomi utama di dunia.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya akan menjelaskan satu persatu mengenai perkara yang berbangkit dalam bajet atau dalam belanjawan tersebut. Pertama sekali ialah mengenai meringankan kos sara hidup. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menggariskan dan mengumumkan beberapa langkah dalam meringankan kos sara hidup rakyat negara ini. Antara yang hendak saya sentuh ialah pertama, Bantuan Rakyat 1Malaysia atau BR1M 2.0.

Ini merupakan satu langkah kesinambungan dan terus membantu isi rumah berpendapatan kurang RM3,000. Kalau dahulu dalam Belanjawan 2012, pihak di sebelah sana kata ini adalah gula-gula pilihan raya tetapi dakwaan itu tidak benar kali ini kerana kita masih teruskan dalam Belanjawan 2013. *Insyah-Allah* apabila rakyat memberikan BN mandat semula pada PRU ke-13, saya percaya kerajaan pimpinan Barisan Nasional akan terus melaksanakan pemberian BR1M ini dalam Belanjawan 2014 nanti dan seterusnya.

Walau bagaimanapun saya hendak mencadangkan pemberian BR1M ini pada masa akan datang supaya dipertingkatkan kepada RM600 atau kepada isi rumah berpendapatan daripada RM4,500 pula terutama mereka yang berada di bandar-bandar di samping pendapatan belia yang bujang dan berpendapatan kurang daripada RM2,000.

Kedua ialah diskaun komuter KTMB. Diskaun komuter 50% adalah bertepatan sebenarnya. Cuma saya hendak cadangkan diperluaskan lagi bagi penggunaan LRT dan mungkin ada perkhidmatan secara percuma pada hari minggu pada akhir bulan dan cuti umum seperti yang dilaksanakan di Melbourne dan di Sydney, Australia contohnya.

Seterusnya ialah mengenai dengan bekas tentera yang tidak berpencen. Bagi saya ini satu langkah yang amat dialu-alukan. Bantuan secara *one-off* ini disifatkan sebagai keprihatinan kerajaan dalam memastikan kebajikan bekas anggota tentera terus terbela dan sebagai mengenang budi mereka yang telah mempertahankan negara. Bantuan tunai RM1,000 membawa erti sebenarnya, sangat membawa erti kepada bekas anggota tentera. Ini kerana saya sudah bertanya dengan mereka ataupun anggota tentera yang tidak berpencen ini, ini termasuklah saya sendiri. Jadi, saya sangat mengalu-alukan langkah ini.

Pada masa ini juga kita mempunyai lebih kurang 220,000 sebenarnya bekas tentera yang tidak berpencen daripada jumlah keseluruhan veteran tentera atau pesara tentera di seluruh negara iaitu seramai lebih kurang 3,000 orang. Jadi, lebih ramai yang tidak berpencen sebenarnya daripada yang berpencen. Jadi, bantuan yang diberikan itu memang kita alu-alukan. Pada masa yang sama dalam Belanjawan 2012, penghargaan kepada bekas tentera yang tidak berpencen atau bantuan ini juga diberi dalam bentuk latihan semula sebanyak RM50 juta. Saya percaya bantuan tersebut ataupun peruntukan tersebut sedang diuruskan oleh Jabatan PERHEBAT dengan beberapa persatuan bekas tentera untuk kita memberi latihan semula.

Pemberian ini sedikit sebanyak telah meringankan beban bekas anggota tentera dan sekali gus membuatkan mereka berasa gembira kerana perjuangan mereka dalam Angkatan Tentera Malaysia sebenarnya tidak ataupun belum dilupakan. Bantuan ini juga sangat bermakna kepada mereka yang sudah berumur 60, 70, ada yang sudah 80 tahun. Oleh sebab itu apabila saya berjumpa mereka pada minggu lepas, ada yang menangis gembira dan sentiasa memuji Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan kita sebenarnya yang memberi pembelaan ini.

■1830

Berikutnya saya hendak bercakap tentang bonus kakitangan. Pemberian bonus kepada kakitangan kerajaan awam sebanyak satu setengah bulan gaji sebenarnya belum pernah dilakukan dalam sejarah perkhidmatan sektor awam dalam negara ini. Jadi ini juga menunjukkan kemampuan kerajaan memberikan bonus seperti ini dan ia menunjukkan perkhidmatan yang dilaksanakan setiap kakitangan awam selari dalam usaha program transformasi nasional dan memang sentiasa dihargai. Kita tahu bahawa kakitangan awam kita memang sentiasa bekerja keras untuk membangunkan, memberi idea dan sebagainya hendak melaksanakan berbagai-bagai *system delivery* dalam proses hendak menambah baik mutu perkhidmatan awam negara ini. Ini kita dapat lihat contohnya di Jabatan Pengangkutan Jalan sendiri di mana kalau dahulu masa saya muda-muda hendak ambil lesen ini kena berbaris panjang, dua hingga tiga jam menunggu. Akan tetapi kini memadai kadang-kadang lima atau enam minit sahaja kita dapat memperbaharui lesen. Ini bila kita sudah jadi lama sedikit. Bukan tua, lama. Dahulu muda.

Jadi apa yang saya hendak cadangkan di sini ialah supaya bonus sebulan, setengah bulan lagi sudah diperolehi ketika Aidilfitri dan dikenakan potongan cukai pendapatan. Bonus yang diterima sebulan yang akan datang ini untuk kakitangan kerajaan dikecualikan daripada dikenakan potongan cukai pendapatan tadi. Jadi biarlah mereka mendapat pendapatan yang bersih RM1,000 itu. Kalau 100,000 rupiah mungkin... [Ketawa] Pendapatan bonus sebagai penghargaan besar kepada mereka yang sentiasa menambah baik mutu perkhidmatan awam negara dan memberi kesejahteraan kepada rakyat.

Berikutnya saya hendak berbahas mengenai penambahbaikan sistem perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia. Di sini saya pohon supaya diteliti dengan wajar penambahbaikan kelayakan masuk terutamanya perkhidmatan tentera terutamanya pengambilan Askar Laskar yang memerlukan minimum kelayakan diploma kerana pada masa kini banyak lagi mereka yang berkelulusan PMR, SPM dan sebagainya yang juga mencari pekerjaan. Kalau kita letakkan diploma mungkin ramai orang tetapi bagi setengah-setengah bidang dalam angkatan tentera ini memanglah kita memerlukan kelayakan atau kelulusan yang tinggi terutama dalam proses peperangan sekarang memang agak canggih dan memerlukan mereka ini dapat berfikir ke hadapan.

Jadi kalau kita lihat pada masa lalu dan sekarang mereka yang berkelulusan SRP, SPM dan STPM ini kita boleh tempatkan di tempat-tempat yang berkaitan. Cuma apabila mereka yang mempunyai kelulusan tinggi tetapi di peringkat Askar Laskar supaya diberi perhatian pula dari segi skala gaji. Mungkin gajinya tidak boleh sama dengan gaji yang ada sekarang ini seperti di peringkat pegawai. Kalau kita lihat mereka yang mempunyai ijazah pertama diberikan pangkat leftenan. Ini bagi tugas am dan kalau mereka masuk ke dalam tugas profesional biasanya mereka diberi pangkat kapten dengan gaji yang setara. Jadi dalam tentera ini ada dua tugas saya rasa, dahululah. Sekarang saya tidak tahu, mungkin banyak lagi tugas am dan tugas profesional seperti pegawai perubatan, pegawai pergigian, guru, pegawai pendidikan, pegawai agama dan sebagainya.

Jadi saya pohon supaya pengurusan di JPA serta Angkatan Tentera Malaysia (ATM) supaya mengkaji dengan lebih wajar dari segi skala gaji dan imbuhan ini kerana kalau tidak diteliti betul-betul boleh memberi masalah sebenarnya kepada kerajaan juga nanti. Bagi saya kita tidak menghalang sebarang penambahbaikan malahan kenaikan pangkat secara *time base* juga amat wajar pada masa sekarang. Ini daripada prebet kepada lans koperal dan lans koperal kepada koperal kerana dengan cara itu tidaklah seseorang tentera itu apabila mereka hendak berhenti awal, mereka duduk di pangkat prebet, daripada mula selepas sepuluh tahun prebet. Jadi dengan kenaikan pangkat *time base* ini juga saya berharap ia memberi motivasi kepada tentera-tentera untuk terus berkhidmat sehinggalah pada umur bersara.

Begitu juga dengan bayaran insentif khas RM200. Ini juga boleh memberi motivasi kepada angkatan tentera yang masih berkhidmat kerana dahulu memang dari segi gaji ini

tentera lebih mahal daripada polis. Akan tetapi, oleh kerana ada keperluan negara memerlukan polis lebih ramai dan lebih berdedikasi, sekarang ini gaji polis mungkin lebih mahal daripada gaji tentera. Jadi dengan insentif ini saya rasa ia sudah mula seimbang. Begitu juga dengan elaun tugas untuk Askar Wataniah, pasukan simpanan tentera laut dan pasukan simpanan tentera darat...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Lipis.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Jadi dengan cara ini ia akan memberi motivasi kepada ramai belia di Malaysia ini untuk menyertai angkatan sukarelawan ini. Sila.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Lipis. Saya rasa tidak berapa tepat gaji polis lebih tinggi daripada tentera. Yang saya difahamkan tentera lebih tinggi daripada polis dan sebenarnya JPA harus memainkan peranan penting menstrukturkan semula baik tentera mahupun polis. Ini melibatkan puluhan ribu orang yang berkhidmat, yang merelakan darah dan nyawanya pada negara. JPA harus agaknya lebih peka, semak balik. Polis kata dia tidak kisah kalau tentera lebih tinggi daripada dia dan tentera pun kata dia tidak kisah kalau polis lebih tinggi daripada dia tetapi sebenarnya dalam keadaan sekarang saya difahamkan tentera lebih tinggi daripada polis. Siapa lebih tinggi itu tidak penting tetapi syarat-syarat perkhidmatan dan penstrukturan jawatan, JPA harus agaknya membuka dadanya lebih luas melihat berapa besarlah orang-orang kita yang berkhidmat yang merelakan darah dan nyawanya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Jadi saya bercakap begitu kerana saya merujuk kepada buku senarai perjawatan. Dia ada tangga gaji di situ. Jadi itu yang saya kemukakan tadi. Walau bagaimanapun, saya juga bersetuju dengan Yang Berhormat Sri Gading di mana syarat perkhidmatan dan sebagainya dilihat semula oleh pihak yang berkaitan iaitu polis, tentera dan JPA supaya ia mencerminkan keseimbangan itu dan juga dari segi tugas yang dimainkan oleh kedua-dua pasukan keselamatan yang ada pada kita kerana dari segi mutu kerja mereka sehingga sekarang saya memang tidak pertikaikan bahawa mereka merupakan pasukan yang terbaik bagi saya di dunia ini. Kalau dalam kes di Somalia pun sebenarnya yang menyelamatkan tentera Amerika itu adalah tentera kita tetapi telah diputarakan dalam filem seolah-olah Amerika pula menyelamatkan tentera kita dan hasil daripada itu seorang ketua pasukan petugas kita di Somalia yang berpangkat Leftenan Jeneral telah dinaikkan ke pangkat Jeneral dan menjadi Panglima atau Ketua Turus bagi keseluruhan pasukan pengaman di Somalia pada masa itu.

Jadi itu jelas. Itu bukti. Maknanya tidak ada orang boleh pertikaikan. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat Lembah Pantai hendak pertikaikan dan sebagainya. Mereka ini maklumlah, orang muda...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya minta tarik balik Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: ...Kadang-kadang tidak tahu.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau tiba-tiba membuat andaian negatif, saya fikir tidak perlu.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Mungkin, mungkin, saya cakap mungkin.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Kalau boleh tarik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Ini bukan tuduhan Yang Berhormat Lembah Pantai! Saya kata mungkin.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya tidak perlu. Mungkin pun tidak perlu. Tidak perlu, tidak ada kena-mengena dengan saya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Apa yang sensitif sangat?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak ada kena-mengena dengan saya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Orang muda macam inilah, sensitif!

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Saya minta tarik balik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Mudah sangat sensitif.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Sudah cukuplah fitnah. Tarik balik, tarik balik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Itulah dia.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih banyak, tarik balik sekarang.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Apa hendak tarik balik? Saya kata mungkin. "Mungkin" pun hendak tarik balik?

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: "Mungkin", itu sudah negatif.

■1840

[Dewan riuh]

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Apa ini, duduk, duduk.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Tidak, tidak tarik balik.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Duduk, jangan ganggu saya.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat, tarik balik dahulu, kemudian saya duduk.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Yang Berhormat Lembah Pantai duduk.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Yang Berhormat tarik balik dahulu, saya duduk. Ini langsung tidak ada provokasi, suka-suka buat cerita.

Dato' Dr. Mohamad Shahrums Osman [Lipis]: Okey, saya terus kepada pembangunan komuniti dan pelaburan. Pelaburan jalur lebar rakyat pada masa ini sebahagian besar urusan dan maklumat memerlukan kemudahan, jalur lebar rakyat. Jadi usaha mewujudkan 100 pusat internet 1Malaysia di kawasan perumahan rakyat adalah satu usaha murni.

Jadi yang menjadi persoalan sekarang ialah setakat mana kelajuan jalur lebar yang hendak dibekalkan, kelak itu yang kita hendak kaji. Kalau di bandar-bandar masih mengalami gangguan atau satu signal yang tidak memberangsangkan pada jalur lebar, apakah ada satu jaminan bahawa program jalur lebar rakyat dapat dilaksanakan secara efisien di kawasan perumahan rakyat. Jadi kita harap perkara ini ditengok, diberi perhatian yang wajar agar rakyat dapat menikmati perkara ini.

Yang berikutnya ialah mengenai dengan pembangunan usahawan bumiputera. Saya hendak sentuh soal MRT dan misi Bajet 2013 ini. Sebanyak RM9 bilion atau 43% daripada nilai kos infrastruktur projek MRT telah diperuntukkan kepada syarikat bumiputera. Jadi saya pohon supaya kementerian berkaitan menyenaraikan syarikat bumiputera yang berjaya memperolehnya. Saya juga hendak tahu, setakat manakah kerajaan berusaha mengenal pasti syarikat bumiputera berprestasi tinggi iaitu TERAS di bawah Skim Jaminan Modal Kerja.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada soal pendidikan. Jadi saya hendak bangkitkan beberapa perkara berkaitan seperti mana yang dibentangkan dalam Bajet 2013 iaitu satu pinjaman PTPTN. Keadaan ini sebenarnya adalah salah satu cara terbaik bagaimana sebuah negara dapat melahirkan rakyat yang intelektual. Selain biasiswa, pinjaman kewangan adalah satu kaedah. Tidak ada salahnya tetapi niat pembangkang untuk menghapuskan dan menggantikan pendidikan percuma mengundang permasalahan. Cubalah di negeri Selangor kalau boleh Kedah, Pulau Pinang dan Kelantan. Ini kerajaan negeri yang ada ini cuba buat dahulu lah. Maknanya hapuskan, jangan bagi pinjaman, bagi biasiswa kepada mereka ini. Apa yang saya tahu di negeri Selangor ini sebenarnya, hutang asrama UNISEL pun tidak berbayar sehingga mengorbankan masa pelajar, terpaksa menanggung pengajian. Saya dengar cerita ada pelajar-pelajar yang datang daripada jauh, datang tiba-tiba dia suruh baik kerana tidak boleh masuk asrama, menangis dia orang ini. Hendak tidur di mana? Kasihan kepada pelajar-pelajar ini. Jadi cuba buat dahulu. Akan tetapi saya rasa tidak buat pun, tidak berani, takut! Apabila kita hendak tarik pinjaman PTPTN kepada Universiti Selangor, sudah kelam kabut, huru-hara dahulu. Jadi itulah cakap tidak serupa bikin.

Jadi saya melihat kerajaan akan sedar, hutang yang tinggi para pelajar yang meminjam dan oleh sebab itu kita hendak tolong kurangkan hutang PTPTN ini. Cuma saya pohon supaya diskaun yang diberi sebanyak 20% dinaikkan juga mungkin kepada 30% bagi mereka yang menyelesaikan secara terus dan kita boleh membuat *staggered* kalau mereka mendapat kelas pertama tadi percuma, kelas dua atas mungkin ada dia punya peratus, kelas dua bawah lain, dan sebagainya. Kalau ikut CGPA pun bolehlah 3.0 dan sebagainya. Begitu juga saya mohon pihak kerajaan juga menimbangkan kenaikan daripada 10% kepada 20%. Ini bagi mereka yang membayar sedikit-sedikit ini, bulan-bulan kerana saya mendapat maklum bahawa ramai yang hendak membayar hutang tersebut. Akan tetapi mereka mengharapkan supaya kerajaan minta

sedikit peratusan itu bagi menggalakkan mereka yang hutang ini dengan PTPTN supaya membayar segera.

Di samping itu saya mencadangkan supaya pinjaman PTPTN diperluaskan kepada mereka yang ingin melanjutkan pendidikan ke peringkat kedoktoran di dalam universiti awam. Ini kerana sekarang ini saya difahamkan PTPTN ada memberi pinjaman kepada mereka yang melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di universiti awam, dan oleh itu saya berharap kerajaan menimbangakan perkara ini...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [Bangun]

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Sila.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih. Yang Berhormat Kuala Lipis, selalu bekas pengerusi PTPTN pada suatu masa dahulu. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat. Kalau kerajaan boleh mengkategorikan *None Performance Loan* (NPL) untuk pinjaman kah, untuk Amanah Ikhtiar kah, ada banyak kategori pinjaman kerajaan bagi kemudian kerajaan kategorikan sebagai NPL, yang dibenarkan pula dalam 15% NPL dianggap *reasonable*, boleh diterima. Kalau *none performing loan* itu sekitar 15% dianggap boleh diterima.

Apa pandangan Yang Berhormat Lipis kalau pinjaman PTPN ini, kita boleh terima dalam kadar 15% orang tidak bayar itu, kita boleh dianggap boleh diterima sebagai NPL. Saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Lipis selaku bekas Pengerusi PTPTN, kalau boleh, kita laksanakan sekarang..., anggap sebagai NPL?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Saya minta maaf, saya tidak dapat bercakap sebagai bekas Pengerusi PTPTN. Jadi pada pandangan saya, apa yang telah kita buat sekarang ini sudah baik...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Setuju kah tidak?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Saya tidak bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Indera Mahkota kerana kita sudah buat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Setuju?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Saya tidak setuju.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh minta sedikit penjelasan?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Sila.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit ya. Suatu ketika, satu peruntukan undang-undang, seksyen 176, Akta Syarikat telah diluluskan untuk memberi satu *protection* kepada syarikat-syarikat yang hutang dia berjuta-juta. *Protection* di bawah seksyen 176 ini, syarikat itu yang berhutang-hutang ini kebanyakan daripada *Times Engineering*, banyak lagi lah, mereka tidak perlu bayar pun sehinggakan *creditors* hendak kejar dia pun tidak boleh. Kebanyakan mereka ini mendapat projek kerajaan.

Jadi saya memohon penjelasan Yang Berhormat Lipis, bagaimana ketika itu mereka ini sudahlah gagal untuk menjalankan satu projek yang baik dengan kebanyakan syarikat sudah mendapat bantuan kerajaan, tidak bayar hutang. Tidak dapat, kita hendak *collect* hutang daripada dia pun tidak boleh. Hendak dapat *special protection* lagi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini. Akan tetapi anak-anak muda ini terutama pelajar daripada kampung, kita tidak membahar pun di sini, apa *protection* yang patut kita beri kepada dia orang.

Saya rasa mereka ini satu kelompok bagi saya, bukan sahaja perlu dipertahankan, perlu digalakkan lagi supaya tidak *discourage* dia punya semangat untuk belajar dan sebagainya. Saya yakin kalau itu yang dibahaskan di sini, dan mungkin kita akan mewujudkan satu generasi yang kreatif dan produktif untuk negara. Saya mohon penjelasan, *protection*...

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh sekali gus?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Okey, sila-sila.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sambung PTPTN ini. Semalam Yang Berhormat Rembau ada sebut yang tidak bayar ini cuma 6% dan Yang Berhormat Kuala Krau pun sudah umum, ini bukan soal tidak boleh kerjasama, tidak kena mengena dengan soal nak lupus dan sebagainya. Ini lebih kepada, pertama mendidik, kedua yang sengaja lari ini, yang memang dia fikir duit bapa dia, itu cakap dalam bahasa kasar. Seramai 94% bayar, yang 6% sahaja yang tidak bayar. Sepatutnya kita berhujah tentang bagaimana kita hendak mendidik supaya yang lain tidak terpengaruh dengan 6% ini, itu prinsipnya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Ledang. Jadi bagi saya, apa yang dibuat, *protection* yang telah diberi oleh sebenarnya, oleh PTPTN kepada peminjam ini sebenarnya banyak, hanya mungkinlah Yang Berhormat Balik Pulau tidak tahu. Mungkin Yang Berhormat Indera Mahkota tidak tahu...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Mungkin boleh tolong jelaskan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Oleh kerana saya sendiri mungkin tidak lagi pengerusi dan biarlah pihak kerajaan yang menjelaskannya.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit boleh?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Saya Ahli Parlimen Lipis.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Sedikit boleh?

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Boleh, tidak ada hal.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang saya maksudkan di sini yang diberi *protection* itu *statutory protection*, sehinggakan ada satu akta khas dibawa ke Dewan bahawa satu kelompok, syarikat, badan korporat yang kita tahu CEO-CEO ini belanja macam mana kita fahamlah, kan.

Akan tetapi masalah saya ialah ini ialah kelompok yang akan menentukan masa depan negara. Saya faham kadang-kadang anak orang kampung ini kemampuan mereka itu pelbagai, saya setuju dengan Yang Berhormat Ledang. Yang kita pertikaikan di sini yang sengaja tidak mahu bayar, macam mana, kan? Akan tetapi kalau sebagai seorang peguam pula, saya tengok kadang hal-hal cara dia tuntutan pun kadang tidak betul. Hantar surat-surat ke kampung, kadang hantar surat pun tidak betul tetapi pokoknya siapa ada peguam, dia boleh wakil tetapi itu lagi kos pula.

Persoalan yang saya cakap ini ialah di kala keadaan kita perlu selamatkan satu kelompok yang mana suasana yang perlu kita wujudkan ialah *encouraging*, motivasikan mereka ini. Ia sebab Yang Berhormat Sri Gading, kita pun sebagai orang dewasa hujung bulan, awal bulan bila dapat gaji, *confident* kita lain macam, cakap pun kuat. Bila tengah bulan, *slow* sikit, hujung bulan lagi *slow* sebab tidak ada duit, duit ini beri satu keyakinan dan *confident*.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Okey, terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Bayangkan pelajar keluar berhutang, jadi kreatif pun tidak ada. Jadi itu persoalan saya.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau. Akan tetapi bagaimanapun bagi saya yang meminjam pinjaman, bila sebut pinjam ini kita kena bayarlah, itu sahaja. Nama pun dah pinjam tetapi kalau ada orang hendak bagi lagi peluang kita bayar sedikit, itu *alhamdulillah*. Sepatutnya itu yang kita patut berterima kasih. Saya sendiri pun bila sebut pinjam, walau macam mana pun kena bayar, kalau tidak jangan sebut pinjam.

Jadi selain daripada itu, terdapat juga bantuan persekolahan yang diberi. Bagi saya duit RM100 kepada pelajar itu memang sangat baik kerana katakan kerani dia dapat bonus. Seorang kerani gajinya RM1,000 kalau dia ada lima orang anak dapat pula RM100 seorang, dapat RM500, tambahan untuk membeli. Ini memang sangat membantu, saya sendiri pun tengok bagaimana mereka ini bila balik kampung, balik ke kawasan pada minggu lepas, mereka ini senyum, jumpa kita seronok. Dia kata saya ada enam anak bersekolah, *alhamdulillah* dapat membeli. Ini yang kita hendak, maknanya rakyat memang bersetuju, gembira dengan apa yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Jadi saya berharap persetujuan dan kegembiraan ini memang akan sentiasa terjelma sehinggalah sampai bila-bila, sehinggalah sampai 2013 nanti dan sebagainya. Maknanya rakyat sentiasa gembira dan kegembiraan itu dilahirkan dalam satu bentuk yang menjadi sangat gembira. Jadi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya ruang dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah.

6.53 ptg.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet 2013.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan ucapan, saya ingin tanya mengapakah boleh berterusan berlaku sedemikian kehadirannya yang begitu lembap, kehadiran Menteri dan Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, kita ada 25 orang Menteri, 31 orang Timbalan Menteri, takkan sekarang di dalam Dewan hanya boleh lihat dua orang Timbalan Menteri di dalam Dewan yang mulia ini. Ada kementerian seperti contohnya isu yang sangat penting yang Kementerian Dalam Negeri, kita ada Menteri dan dua orang Timbalan Menteri. Mengapakah mereka tidak boleh bergilir-gilir untuk hadir dalam Dewan ini untuk mendengar perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Dewan yang mulia ini agar mereka boleh memperbaiki urusan di bawah bidang kuasa mereka.

Tuan Yang di-Pertua, ini amat mengecewakan. Kemungkinan ini kerana tiada kepimpinan melalui teladan yang tidak ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Mereka banyak kerjalah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun tidak boleh meluangkan dua jam untuk hadir di dalam Dewan mendengar ucapan Ketua Pembangkang. Tidak menunjukkan satu teladan yang baik, kita tengok ruangan kosong sahaja. Jadi ini amat mengecewakan, bagaimanakah kita boleh seperti yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, *"Give us another terms and we can do more."* Kehadiran dalam Dewan yang mulia ini jelas tidak mementingkan isu-isu yang dibangkitkan yang orang ramai prihatin yang meminta Ahli Parlimen membangkitkannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang ingin meneruskan ucapan saya dan saya ingin bangkitkan satu isu yang saya rasa sangat penting tanpa mengira kaum, agama, gender dan umur iaitu isu keselamatan awam Tuan Yang di-Pertua. Isu yang sangat dekat di dalam hati saya Tuan Yang di-Pertua. Saya dan Ahli-ahli yang lain di sebelah sini sering kali membangkitkan isu keselamatan awam. Malahan saya pernah pada 10 Disember 2007 mengemukakan usul memotong gaji Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang pada ketika itu dikenali sebagai Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang pada ketika itu dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Kepala Batas. Oleh kerana gagal usul saya memotong gaji Yang Berhormat Kepala Batas kerana gagal menangani masalah jenayah dan menyediakan satu suasana yang selamat untuk orang ramai khususnya wanita.

Tuan Yang di-Pertua, setiap bajet, saya telah meneliti Bajet 2008 dan membuat perbandingan dengan bajet yang ini. Setiap kali dibangkitkan seperenggan dua berkenaan usaha dan langkah akan diambil untuk mengurangkan kadar jenayah dan memberikan satu suasana yang selamat kepada orang ramai. Akan tetapi saya sangat risau, apakah langkah-

langkah yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat dalam bajet ini. Apakah langkah-langkah yang disuarakan itu memang boleh mempertingkatkan atau mengurangkan kadar jenayah, mempertingkatkan *efficiency* PDRM di dalam mencegah jenayah. Bajet ini memperuntukkan penambahan jawatan baru PDRM untuk rondaan cegah jenayah, naik taraf infrastruktur peralatan moden untuk anggota PDRM, unit rondaan bermotosikal, seribu buah motosikal diberi, sepuluh ribu pasukan sukarelawan polis diadakan dan CCTV dipasang. Ini langkah-langkah yang dinyatakan, bukan langkah-langkah yang baru Yang Berhormat Sri Gading.

Kalau teliti Bajet 2008, juga dibangkit, pernah disuarakan antara usaha mengurangkan jenayah, Bajet 2008, menyatakan pengambilan enam puluh ribu anggota polis baru dalam tempoh lima tahun, ini sama. Penambahan 1,900 motosikal untuk rondaan, sama, sekarang seribu. Pada masa itu, 2008 bekalkan tambahan 2,000 unit kereta nasional untuk pegawai penyiasat dan 1,600 komputer juga tambahan peralatan. Juga pada tahun 2008, CCTV diadakan dan disambung dengan pusat kawalan polis.

Tuan Yang di-Pertua, apakah langkah-langkah yang diumumkan dalam bajet ini untuk mengurangkan jenayah ini dapat meyakinkan orang ramai bahawa langkah ini boleh mengurangkan jenayah dan memberi satu jaminan bahawa suasana selamat akan dapat dibekalkan, disediakan melalui langkah ini kepada orang ramai. Tidak perlu menggunakan angka statistik. Selalu Yang Berhormat Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga membuat kenyataan, kita punya indeks jenayah telah jatuh. Akan tetapi sehingga tahap sekarang Tuan Yang di-Pertua, orang ramai tidak mempercayai statistik jenayah yang diberi oleh kerajaan. Sampai ke tahap ini...

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai.

Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terdengar disebut oleh Yang Berhormat tadi tentang isu persepsi, isu keyakinan orang ramai tentang usaha membanteras jenayah. Apa yang saya bimbang, perkara pokok atau masalah pokok ini tidak difahami oleh Menteri. Baru semalam Menteri menyatakan, sekarang *goalpost* sasaran jenayah jalanan telah berubah.

■1900

Sekarang ini Menteri merasakan perkara utama adalah persepsi, perasaan dan realiti rakyat. Akhirnya, peruntukan yang menteri kata akan diberikan kepada NKRA jenayah untuk menangani persepsi sebanyak 68.8% hampir 70% tapi hanya 4.4% untuk menangani jenayah diberikan kepada PDRM. Apa pendapat Yang Berhormat? Adakah Menteri kita benar-benar faham apa masalahnya, kenapa jenayah masih lagi berlaku dan berleluasa dari hari ke hari.

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Boleh saya sambung sikit? Yang Berhormat Batu Gajah, mohon penjelasan. Sebab saya difahamkan bahawa sejumlah besar

diberikan kepada konsultan bagi tujuan NKRA dan sebagainya dan saya difahamkan PDRM pun sekarang ada unit baru, NKRA. Tapi persoalan saya, konsultan ini - 'con', 'insult' and 'turn' yang tak baguslah, yang bagusnya baguslah. 'Con', 'insult' and 'turn' yang tak baguslah tapi persoalan saya lebih pada itu lagi ialah Yang Berhormat Batu Gajah, saya difahamkan konsultan ini ialah sebagai satu daya tambah untuk tujuan-tujuan yang nilai tambah. Akan tetapi persoalan dia kalau pepatah Melayu kata, Yang Berhormat Sri Gading faham benda ini. 'Kalau selimut dah pendek, tutup kaki nampak kepala, tutup kepala nampak kaki'.

Jadi maksudnya kadang-kadang permasalahan itu ialah permasalahan kritikal. Pakai konsultan, bagaimanapun setakat mana kita nak *enhance* dia pun dia tak jadi cantik. Jadi soalan saya, kalau isunya ialah isu jenayah, penyelesaiannya ialah pendekatan membasmi jenayah. Konsultan ini ialah untuk tujuan-tujuan nak penambahbaikan, *enhancement* kata Yang Berhormat Sungai Petani. Jadi atas sebab itu saya mohon penjelasan. Adakah pendekatan yang baik bahawa sejumlah besar kepada konsultan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang Berhormat Batu Gajah, bolehkah? Bukit Gambir, Bukit Gambir.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nanti saya jawab dulu Yang Berhormat Ledang, nanti.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Bukit Gambir, Bukit Gambir. Ledang, Ledang. Ini NKRA ini, NKRA.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Nanti. Ini isu penting, saya tak nak Yang Berhormat Ledang mengambil kesempatan bangkit perkara yang tak ada kaitan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tak bagi kah? Haiya, sama Ledang pun tak bagi kah?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya memang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai dan Balik Pulau. Tuan Yang di-Pertua, ada...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Tuan Yang di-Pertua, ini silap. Dia lupa, jenayah berulang dengan jenayah biasa. Dia dah *misunderstand*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Batu Gajah tak bagi jalan, Yang Berhormat.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Dia dah mengelirukan Dewanlah, dia kena baca balik NKRA 1.0 itu apa.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, ini amat mengejutkan orang ramai apabila orang ramai merasa begitu takut. Mereka tidak merasa selamat berada di tempat awam malahan di rumah mereka. Kita ada seorang menteri mengatakan ia hanya satu persepsi sahaja dan akhirnya terpaksa mengaku bahawa memang benar kita tidak boleh berdasarkan kepada indeks jenayah. Sekarang kita kena tukar pula. Kita mesti mengurangkan jenayah

melalui NKRA fasa kedua menerusi menggunakan *benchmark* persepsi, perasaan dan realiti orang ramai terhadap keselamatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, masalahnya ialah akar umbi. Apakah sebabnya ada peningkatan kadar jenayah yang begitu tinggi. Mengapakah kita mempunyai penjenayah sekarang ini yang begitu berani mencabar anggota polis kita. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi contoh. Saya ingin cepat sebab saya ada banyak perkara yang ingin saya bangkitkan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin maklumkan bahawa tidak pernah sehingga tahap ini khasnya wanita merasa begitu tidak selamat sekali. Takut menjadi mangsa jenayah walaupun di rumah mereka Tuan Yang di-Pertua. Saya baca daripada laporan polis ya, ini laporan polis pengadu-pengadu kepada saya apabila saya berjumpa. Saya bacakan laporan polis kejadian yang berlaku pada 7 Julai ini, bulan tujuh baru-baru ini. Ini laporan polis, dengan ringkas ya.

Kejadian 7 Julai tahun ini jam 5 pagi, saya bacakan. *“Semasa saya sedang tidur di alamat di atas, tiba-tiba saya terdengar emak saya menjerit dan saya dapati pintu bilik saya ditendang dengan kuat. Apabila saya buka pintu, saya dapati ada dua orang perompak. Mereka memakai topi keledar. Sebelum mereka masuk ke dalam bilik saya, mereka telah masuk ke dalam bilik emak saya dan telah meletakkan parang di leher emak saya dan minta wang mereka.”* Sehingga tahun ini Tuan Yang di-Pertua dan saya juga ada satu kes yang lain, juga kejadian pecah masuk rumah. Keluarga yang pernah menjadi mangsa jenayah ini tidak mempunyai ketenteraman lagi walaupun di dalam rumah mereka. Tuan Yang di-Pertua, yang pernah menjadi mangsa dan tadi yang saya bacakan tadi telah memasang CCTV dalam rumahnya dan sekarang dia kata setiap malam saya hanya tengok CCTV sebab sangat takut.

Dulu Tuan Yang di-Pertua, pencuri masuk rumah senyap-senyap takut bangunkan penghuni rumah tapi sekarang bukan. Pencuri masuk rumah untuk bangunkan penghuni rumah. Ini satu cabaran yang sangat besar untuk anggota PDRM.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya katakan khasnya wanita. Dalam kereta apabila kita berada di jalanan, dalam kereta, saya juga tidak berasa selamat. Jangan kata berjalan di atas jalan, dalam kereta saya pun tak merasa selamat. Kita telah banyak dengar kes bagaimana mereka memecahkan cermin pintu kereta dan merompak barangan beg kita. Selalu wanita diminta berhati-hati, jangan bawa beg tangan, jangan pakai pakaian seksi, jangan pandu kereta seorang diri, sekarang jangan pandu kereta dengan *handbag* di tempat duduk sebelah. Mesti simpan di bawah kerusi. Ini semua apa yang telah berlaku Tuan Yang di-Pertua? Apakah kerana kita mempunyai Menteri yang tidak layak untuk memimpin kementerian ini Tuan Yang di-Pertua?

Sehingga sekarang statistik indeks jenayah dibahagikan kepada indeks jenayah, indeks bukan jenayah. Mengelirukan orang ramai, Tuan Yang di-Pertua. Ini tahap yang sangat serius. Maaf ya. Oleh itu saya pohon agar kementerian memandang sangat serius isu jenayah ini dan saya amat terkejut juga kerana Yang Berhormat Menteri boleh mencadangkan pendekatan

menggunakan mat rempit untuk bersama-sama membanteras jenayah dan dia kata ini pendekatan *out of the box thinking*. Tuan Yang di-Pertua, apakah tak ada langkah yang lain? Saya akan cadangkan apa langkah nanti sehingga menggunakan mat rempit, Tuan Yang di-Pertua.

Saya tak nak panjang lebar dalam isu mat rempit, kita tahu kumpulan ini berada di jalanan yang tidak mementingkan nyawa mereka. Meletakkan pengguna jalan raya yang lain dalam risiko yang tinggi. Mungkin kementerian kalau nak bantu cari apa sebab mereka terjebak dalam aktiviti lumba motosikal haram. Pukul dua di tempat tinggal rumah saya, pukul empat lebih hari minggu dia lumba sampai lima lebih. Hubungi polis, polis kata kita tak cukup kakitangan atau dia kata baik, kita pergi. Ada polis pergi tapi dia kata bila pergi, mereka lari. Tentulah. Polis pergi tentulah mereka lari tapi apa masalahnya? Namun apabila Yang Berhormat Menteri cadangkan cara ini iaitu menggunakan mat rempit untuk membanteras *one of the* masalah jenayah adalah meletakkan orang ramai merasa takut. Salah satu puncanya. Kita ada kumpulan sedemikian Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan kumpulan mat rempit ini kalau nak bantu saya setuju tapi cara bagaimana untuk cari punca mengapa mereka terlibat dalam aktiviti sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua saya sekarang bagi cadangan. Cadangan bagaimana pihak kementerian boleh ambil dan sertakan sama untuk membanteras jenayah. Tuan Yang di-Pertua, saya bersedia untuk bersama-sama. Saya telah banyak kali bercakap dalam Dewan yang mulia ini mahu bersama-sama dengan anggota PDRM membanteras jenayah. Orang ramai semua bersedia, saya percaya. Saya bagi cadangan Tuan Yang di-Pertua, di mana di US, mereka ini mempunyai kumpulan tertentu yang mengadakan laman web dengan izin, yang ini dibekalkan oleh kawan saya, *South End Police Log*, dengan izin.

■1910

Di mana penduduk-penduduk boleh memasuki laman web ini dan balai-balai polis di kawasan tempat tinggal mereka membekalkan statistik berkenaan maklumat berkenaan laporan polis, ringkasan laporan polis yang diterima oleh balai polis tersebut. Jadi penduduk di persekitaran akan mengetahui bagaimana keadaan keselamatan di kawasan tempat tinggal mereka dan apakah kejadian jenayah yang telah berlaku sejak kebelakangan ini dan mereka boleh ambil langkah berwaspada, berhati-hati.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi satu salinan, Bentara boleh tolong saya ya. Saya bagi satu contoh, *South End Police Log* pada 14 Ogos.

“12:00 am – A break-in and entry was reported on uptown street;

3:07 am – Report of fraud on Berkley Street;

8:34 am – Report of a street robbery with a knife on Worcester Street;

8:48 am – Report of a street robbery with a knife on West Concord Street;

10.36 am – Nur Hersi of 63 Lenox Street, Roxbury was arrested and charged

with two counts of robbery with a knife on Worcester Street and West Concord Street.”

Apabila polis berjaya menangkap suspek, ia akan tuliskan dalam log ini dan bekalkan maklumat ini kepada laman web ini. Ada balai polis di UK, *when you key in*, dengan izin, poskod jalan, mereka akan dapatkan maklumat, Tuan Yang di-Pertua. Saya sini ada satu lagi juga berkenaan dengan – bagi Tuan Yang di-Pertua tengok. Saya rasa mungkin cara ni boleh diserapkan agar orang ramai boleh sama-sama untuk membanteras jenayah. Saya cadangkan balai polis membekalkan laporan polis berkenaan dengan jenayah tertentu di mana orang ramai merasa terkejut, terancam, takut, bekalkan laporan polis yang mereka terima, maklumat ringkas hantar kepada IPD, IPD serahkan kepada surat khabar. Surat khabar Cina kita ada versi tempatan. Sediakan satu kolum agar kita tahu kawasan perumahan ini balai polis di mana di bawah bidang kuasa balai polis ini ada menerima laporan sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bersama-sama membanteras jenayah. Apabila polis berjaya menangkap suspek, orang ramai akan tahu. Tuan Yang di-Pertua, ini adalah salah satu cara saya harap pihak kementerian boleh mengambil kira, ada ketelusannya berkenaan dengan situasi keselamatan di persekitaran penduduk. Mungkin ini boleh mengurangkan perasaan takut. Mereka kata memang polis telah bertindak dan telah menangkap terhadap suspek tersebut di mana yang telah berkaitan dengan laporan polis tertentu. Ini perkara satu.

Perkara dua, saya juga ingin cadangkan agar IO, *investigating officer* ditambah. IO perlu ditambah dan diberi kelengkapan suasana kerja yang selesa dan latihan yang mencukupi. Saya hendak tahu apakah *ratio* buat sekarang? Saya telah baca NKRA fasa kedua ada sasaran *ratio* seorang pegawai penyiasat, lima kertas siasatan. Buat setakat ini, setiap IO berapa kertas siasatan mereka, kes yang perlu mereka kendalikan mungkin dalam sebulan?

Untuk memulihkan balik keyakinan orang ramai bahawa polis sedang berusaha dan mempunyai kejayaan membanteras atau menyelesaikan sesuatu kes, kes di mana suspek telah ditangkap, disoal siasat, dijatuhkan hukuman harus dimaklumkan kepada pengadu. Jadi apabila kerajaan membekalkan indeks jenayah ada penurunan 11%, orang ramai kata ada yang tidak membuat laporan polis.

Saya ada satu kes Tuan Yang di-Pertua, bawah seksyen 35(4), mencabul kehormatan. Kes suspek ditangkap, dituduh, di jatuhkan hukuman, mangsa langsung tidak tahu. Tuan Yang di-Pertua, itu masalahnya.

Perkara ketiga, saya menyambut baik warga emas diberikan pengurangan diskaun apabila mereka memperbaharui pasport mereka sehingga RM150 dan kalau dua tahun, dikurangkan kepada RM80. Saya pohon agar pengurangan ini juga diberi kepada mangsa-mangsa jenayah di mana rumah mereka dipecah masuk. Saya ada satu kes Tuan Yang di-Pertua, rumah dipecah masuk, kunci kereta diambil, botol alkohol diambil, wang diambil, jam tangan diambil, beg tangan diambil, semua barangan diambil, pasportnya diambil. Apabila dia

pergi mendapatkan semula pasport di imigresen, dia kena isi borang, dia tidak faham, minta orang keluar isi, dikenakan bayaran. Selepas itu masuk balik imigresen, imigresen kenakan caj biasa RM300.

Mungkin pihak kementerian boleh mempertimbangkan pengecualian. Pengecualian mangsa-mangsa di mana rumah mereka telah dipecah masuk dan pasportnya telah diambil tersebut boleh dikecualikan bayaran untuk mengeluarkan pasport mereka seperti kes di mana mangsa ragut yang MyKad mereka telah diragut bersama.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua ialah ramai ahli telah bangkitkan keputusan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Sesyen baru-baru ini berkenaan kes rogol melibatkan mangsa seorang gadis bawah umur 16 tahun. Sebenarnya saya agak kecewa apabila selepas insiden ini saya tidak mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Pembangunan Wanita mengeluarkan sebarang kenyataan. Kita mempunyai harapan apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengambil alih jawatan tersebut, ada NGO mempunyai harapan tinggi agar isu-isu wanita akan diutamakan, dipentingkan. Akan tetapi apabila pihak keputusan mahkamah sedemikian, kita tidak nampak apa-apa kenyataan dibuat. Hanya Timbalan Menteri melalui kementerian mengeluarkan kenyataan akan berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri dari Padang Rengas untuk membangkitkan perkara tersebut. NGO wanita, Dewan Perhimpunan Cina Kuala Lumpur dan Selangor, Bahagian Wanita dan kumpulan ahli lain-lain NGO telah menyerahkan memorandum dan memohon agar seksyen 376 Kanun Keseksaan kalau boleh *exclude* pemakaian seksyen 294 Kanun Tatacara Jenayah di mana membenarkan perintah kelakuan baik ini dikecualikan dalam kes-kes rogol di bawah seksyen 376. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ke isu yang seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah dihubungi oleh Pensyarah Pelatih Perubatan IPTA di bawah Kementerian Pengajian Tinggi yang mengadu bahawa mereka mengalami masalah yang tidak diselesaikan yang sudah lebih tiga tahun di mana gaji mereka adalah jauh kurang daripada gaji Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian dan Pegawai Farmasi Kementerian. Di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, mereka tersekat di bawah DU45 di mana apabila bandingkan gaji mereka apabila mereka telah berkhidmat lima tahun sebagai Pensyarah Pelatih Perubatan di IPTA, mereka tersekat di DU45 dengan gaji bulanan hanya RM3,748 dan apabila dibanding dengan pegawai perubatan, pegawai pergigian di bawah Kementerian Kesihatan, gaji bulanan adalah RM5,166.

Jadi saya dimaklumkan memo telah dihantar berulang kali dan memo yang terkini ialah pada 1 September meminta agar JPA boleh mempercepatkan penyelesaian kepada perkara ini di mana dicadangkan kepada penambahbaikan Skim Perkhidmatan Pensyarah Perubatan IPTA ini disamakan dengan bayaran kepada Pegawai Perubatan di bawah KKM, Kementerian Kesihatan ini dapat dipercepatkan dengan kelulusan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri

dan Kabinet ini. Jadi saya pohon perhatian diberi kerana perkara ini telah berlanjutan agak lama, sudah tiga tahun. Saya ingin alih kepada isu OKU.

Saya menyokong dan saya bersetuju pendidikan awal sangat penting untuk kanak-kanak dan Yang Amat Berhormat ada memberi perhatian perkara ini dan memberi fokus terhadap kanak-kanak kurang upaya dari keluarga berpendapatan rendah di mana akan diadakan projek perintis taska OKU bagi enam kategori kanak-kanak OKU.

■1920

Sementara saya menunggu orang ramai khasnya golongan keluarga yang mempunyai anak dan berpendapatan rendah ini menunggu pelaksanaan projek perintis taska ini, apakah kementerian atau kerajaan boleh mempertimbangkan untuk mengadakan satu skim di mana kemudahan taska OKU yang dikendalikan oleh swasta itu boleh diakses oleh ibu bapa yang berpendapatan rendah ini di mana pihak kerajaan dan kementerian yang bertanggungjawab boleh memberi bayaran yuran dan kos pengangkutan agar ini dapat membolehkan anak-anak OKU dari keluarga berpendapatan rendah ini boleh dengan secepat mungkin mempunyai akses kepada pendidikan awal ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya orang ramai nampaknya agak gembira dengan bantuan BR1M yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat dalam ucapannya. Akan tetapi saya ingin memohon agar bantuan BR1M ini diberi dengan cara yang sewajarnya, pendekatan yang sepatutnya dan tidak menyalahgunakan salurannya. Sebelum ini saya pernah bangkitkan, ia tidak seharusnya melalui parti-parti politik dan saya ingin tahu bagaimanakah cara penyampaian BR1M untuk kali yang ini. Apakah masa saya telah sampai? Tidak lagi, belum lagi. Okey.

Bagi bantuan persekolahan RM100 untuk anak yang bersekolah, ini kali yang kedua yang diberi oleh kerajaan dalam bajet ini. Saya ingin mengulangi apa yang saya pernah bangkitkan sebelum ini. Bagi keluarga yang miskin, yang juga penerima bantuan kebajikan, saya ada kes di mana anak-anak mereka itu tercicir dari sekolah. Apabila mereka tercicir dari sekolah, ini manfaat RM100 ini tidak kesampaian kepada mereka. Saya pernah bangkitkan agar kalau boleh kerajaan kalau benar-benar ingin membantu kumpulan ini, keluarga miskin yang mempunyai anak dalam umur persekolahan ini, boleh mempertimbangkan untuk mengadakan satu peruntukan di mana untuk memastikan anak-anak dari keluarga miskin ini tidak tercicir dari sekolah di mana boleh diberikan kemudahan bantuan, kemudahan pengangkutan ke sekolah. Ini kerana saya percaya kunci untuk membantu sesebuah keluarga keluar dari kemiskinan adalah pendidikan. Jadi harap boleh diambil maklum perkara yang saya bangkitkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat ini sahaja yang saya ingin ucapkan. Saya ucapkan terima kasih kerana peluang diberi. Saya akan bangkitkan lebih banyak isu di bawah peringkat Jawatankuasa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Sapi.

7.23 mlm.

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada 28 September 2012, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan Belanjawan 2013 di Dewan Rakyat yang meliputi jumlah peruntukan sebanyak RM251.6 bilion. Pembentangan belanjawan ini dianggap ramai sebagai pembentangan belanjawan yang sangat baik dan diharapkan melalui pembentangan belanjawan ini, ia boleh menjadi transformasi untuk merangsang pembangunan ekonomi negara dan pada masa yang sama terus menjamin kesejahteraan rakyat jelata.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh belanjawan 2013 yang bertemakan, "Memakmurkan Negara, Mensejahterakan Rakyat: Sebuah Janji Ditepati". Walau bagaimanapun, izinkan saya untuk memberi ulasan berkaitan dengan Belanjawan 2013 yang telah dibentangkan dan memberi beberapa cadangan dan bahan bagi tujuan penambahbaikan terhadap Belanjawan 2013.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin memuji langkah-langkah yang diambil untuk meringankan beban rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dengan memberi Bantuan Rakyat 1Malaysia buat kali kedua dengan kriteria penerima diperluaskan kepada individu bujang yang berpendapatan tidak melebihi RM2,000 sebulan yang akan menerima bantuan RM250. Pengurangan kadar pembayaran cukai pendapatan 1% bagi mereka yang berpendapatan kurang daripada RM50,000 pendapatan cukai setahun juga memberi manfaat kepada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah, saya sangat mengalu-alukan peruntukan RM386 juta untuk menyeragamkan harga barangan di Sabah, Labuan dan Sarawak dengan Semenanjung Malaysia. Melalui langkah ini akan meringankan beban rakyat di Wilayah-wilayah Timur kerana Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan subsidi untuk kos pengangkutan barang keperluan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Saya mencadangkan langkah-langkah positif akan dilaksanakan dengan adil supaya peniaga-peniaga tempatan di wilayah-wilayah ini turut mendapat manfaat. Di sini saya juga menyeru agar Kedai-kedai Rakyat 1Malaysia akan dibuka hanya di tempat yang memerlukannya agar kedai-kedai swasta yang sedia ada tidak mengalami persaingan yang tidak sihat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Belanjawan 2013, bagi bidang pelajaran, tabung khas bagi pembinaan penambahbaikan dan menyeragamkan sekolah diteruskan. Dana tabung tersebut adalah bernilai sebanyak RM1 bilion. Dalam belanjawan ini, RM0.4 bilion diperuntukkan kepada sekolah-sekolah kebangsaan, RM100 juta masing-masing kepada

sekolah-sekolah agama bantuan kerajaan, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina, sekolah-sekolah jenis kebangsaan Tamil, sekolah-sekolah mubaligh, sekolah berasrama penuh dan maktab-maktab sains rendah mara.

Di kawasan Parlimen Batu Sapi yang saya wakili, terdapat beberapa buah sekolah yang tergolong dalam kategori sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan sekolah mubaligh yang sangat memerlukan peruntukan dari tabung khas ini dan sebahagian daripada sekolah-sekolah ini telah menerima peruntukan pada tahun ini. Walau bagaimanapun, masih ada sekolah di kawasan Parlimen Batu Sapi yang belum menerima peruntukan. Contohnya, Sekolah Jenis Kebangsaan (C) Cheng Ming dan Sekolah Kebangsaan Sung Siew. Peruntukan dan penambahan peruntukan diperlukan untuk sekolah-sekolah di Parlimen kawasan Batu Sapi ini. Saya memohon kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran agar memberi perhatian yang sewajarnya kepada sekolah-sekolah ini.

Sehubungan dengan ini, pengecualian cukai yang diluluskan dalam Belanjawan 2012 untuk penderma kepada institusi pendidikan rendah dan menengah, sekolah jenis kebangsaan, sekolah mubaligh dan sekolah agama serta tempat-tempat ibadat yang berdaftar masih belum dilaksanakan. Saya menyeru agar mekanisme untuk pemotongan cukai ini diwujudkan oleh Kementerian Kewangan dengan segera supaya institusi-institusi ini dan juga para dermawan boleh menikmati manfaat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2013, dana RM2 bilion telah ditambah kepada Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dan tempoh skim ini dilanjutkan sehingga 31 Disember 2015. Langkah-langkah ini akan dapat menggalakkan pengeluaran dan penggunaan produk berasaskan teknologi hijau demi pemuliharaan alam sekitar kita yang semakin dicemari dan dirosakkan tanpa teknologi hijau ini.

Sehubungan dengan ini, demi menjamin kesejahteraan dan pembangunan mampan di negara ini, saya mengusulkan supaya isu-isu alam sekitar seperti pencemaran, pembinaan di lereng bukit, pengurangan penggunaan bahan api untuk mengurangkan pengeluaran karbon dioksida diberi perhatian oleh kerajaan. Khususnya saya ingat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Yang Berhormat, panjang.

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Mahu habis sudah, boleh? Lima minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, okey habiskan.

Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]: Okey, okey. Diberi perhatian oleh kerajaan. Khususnya saya ingin merujuk kepada langkah-langkah yang diambil untuk menjaga dan memperbaiki kerosakan dan diakibatkan oleh cuaca yang ekstrem seperti musim hujan yang berpanjangan dan luar biasa.

Sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2013, yang dibentangkan di Dewan Rakyat, kakitangan perkhidmatan awam akan menerima satu bulan lagi

bonus di samping setengah bulan bonus Hari Raya Aidil Fitri yang telah diterima dalam bulan Ogos 2012. Bersama dengan kenaikan gaji pada awal tahun ini, pendapatan kakitangan perkhidmatan awam telah banyak bertambah. Saya menyarankan agar kerajaan mengambil langkah-langkah yang sesuai memotivasikan kakitangan awam ini supaya memberi perkhidmatan yang lebih bermutu.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan serta usul yang saya bantangkan tadi, penuh harapan saya semoga ia dapat diambil perhatian dan dipertimbangkan dengan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya memberi sokongan penuh kepada Belanjawan 2013 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan dengan ini saya menamatkan ucapan saya ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Sungai Petani.

7.32 mlm.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengambil bahagian dalam perbincangan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sambung esoklah Yang Berhormat... *[Ketawa]* Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 4 Oktober 2012.

[Dewan dtempohkan pada pukul 7.32 malam]